Bil. 8

Rabu
22 April 2015

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Halaman 21)
Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015 (Halaman 56)
Rang Undang-Undang Lembaga
Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 (Halaman 70)
Rang Undang-Undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015 (Halaman 90)
Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 (Halaman 94)

**USUL:**
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 41)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2015

## AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
   - *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
9. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
11. " Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan (Dilantik)
12. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
14. " Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
15. " Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. " Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
19. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
21. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
22. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
23. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
24. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
26. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
27. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
28. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
29. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
30. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
31. " Tuan Koh Chin Han (Melaka)

32. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

33. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)

34. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)

35. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*

36. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)

37. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

38. " Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)

39. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)

40. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)

41. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)

42. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)

43. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)

44. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)

45. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)

46. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

47. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)

48. " Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

49. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)

50. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)

51. " Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)

52. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)

53. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)

54. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)

55. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)

56. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)

57. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)

58. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)

59. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)

60. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)

61. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)

62. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)

63. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)

64. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

65. " Tuan Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Encik Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**
Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Siti Aishah binti Md. Nasir
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 22 April 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**1. Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, sama ada terdapat rancangan untuk menaiktaraf jalan dari Bintulu ke Kidurong yang kini dalam keadaan yang tidak memuaskan dan sering berlaku kesesakan akibat pengguna jalan yang semakin bertambah seiring dengan pembangunan pesat kawasan perindustrian di sekitar SCORE, malahan kes kemalangan akibat permukaan jalan yang tidak rata dan tidak selamat turut semakin bertambah.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaiktaraf jalan dari Tanjung Kidurong ke Samalaju Industrial Park Bintulu telah diluluskan Kerajaan Pusat mulai dari Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu tahun 2011 hingga tahun 2015.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, kerajaan telah meluluskan peruntukan fasa pertama sebanyak RM114 juta untuk menaiktaraf sebahagian dari laluan berkenaan iaitu sebanyak 15 kilometer kepada laluan empat buah lorong dua hala. Manakala dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu tahun 2016 hingga tahun 2020, kementerian ini telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta daripada agensi pusat untuk menaiktaraf sepanjang 35 kilometer lagi di Jalan Tanjung Kidurong ke Samalaju Industrial Park.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kementerian ini turut memohon peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menaiktaraf jalan dari Simpang Nyabau ke Bulatan Tanjung Kidurong sepanjang empat kilometer dengan anggaran kos projek sebanyak RM80 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kedua-dua projek itu tertakluk kepada kelulusan Rancangan Malaysia Kesebelas yang dijangka akan diketahui pada bulan Jun 2015. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Projek SCORE iaitu *Sarawak Corridor of Renewable Energy* dijangka akan menyediakan sejumlah besar peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia khususnya penduduk Sarawak. Namun untuk memastikan projek ini berjalan dengan lancar, Sarawak memerlukan sistem pengangkutan yang baik. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menggariskan projek atau rancangan untuk membaikkan jalan-jalan seluruh Sarawak masa hadapan?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin** Terima kasih Yang Berhormat Profesor atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, selain daripada laluan yang saya sebutkan tadi iaitu dua projek yang memohon di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas Yang Berhormat.

Kedua-duanya yang melibatkan 35 kilometer dari Jalan Kidurong ke *Samalaju Industrial Park* dan begitu juga daripada Simpang Nyabau ke Bulatan Tanjung Kidurong sepanjang empat kilometer itu Yang Berhormat iaitu laluan kilometer 0 hingga ke kilometer ke-4 dan laluan kilometer 39 hingga kilometer 51 Jalan Kidurong-Samalaju akan dinaiktaraf Yang Berhormat kepada empat lorong dua hala bagi menampung pertambahan trafik ke arah Bintulu dan ke arah SCORE atau SIP Yang Berhormat. Manakala laluan daripada kilometer 4 hingga kilometer ke-39 merupakan laluan kawasan ladang dan memadai dengan penambahbaikan laluan dua buah lorong, dua hala sahaja.

Di samping itu Yang Berhormat, lorong memotong juga sudah disiapkan di dua buah lokasi yang baru bagi melengkapkan lorong memotong sedia ada iaitu kilometer 14.5 ke kilometer 16 dan kilometer 20 hingga ke kilometer 22. *Link road* di antara jalan Tanjung Kidurong ke Samalaju dengan Jalan Pan Borneo juga Yang Berhormat yang dijangka siap pada tahun 2015 menjadi jalan alternatif kepada pengguna ke Bintulu dan seterusnya ke Miri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pada bulan Mac atau 31 Mac yang lepas, projek Lebuhrya Pan Borneo iaitu Nyabau ke Persimpangan Bakun, ini merupakan projek *kick-off* Pan Borneo di negeri Sarawak Yang Berhormat, telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat pada 31 Mac yang lepas yang melibatkan penaikan taraf 43 kilometer jalan Yang Berhormat dan dijangkakan ia akan siap seawal tahun 2017. Ini bagi menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai perancangan serta pelaksanaan jalan-jalan terutama di negeri Sarawak bagi memastikan bahawa negeri Sarawak ini tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Pusat Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

***[Soalan No. 2*** *– YB. Dato' Goonasakaren A/L Raman tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dia bagi kepada sesiapa untuk bagi pihak beliau?

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada beliau beritahu kepada Yang Berhormat minta tolong?

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, duduk. Sekarang saya persilakan soalan yang- Yang Berhormat Menteri ada di sini?

**■1010**

Yang Berhormat Menteri ada? Bagi soalan nombor dua... *[Disampuk]* Kalau ada saya persilakan. Saya benarkan. Kalau tidak, buang masa Menteri datang sini dan juga sebagainya. Kepada Yang Berhormat yang berkenaan ambil ingatan. Jangan tinggalkan Dewan, tentukan ada di Dewan semasa soalan dinaikkan. Silakan.

**2. Tuan Zali bin Mat Yasin *[Di Bawah P.M. 23(2)]*** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apa pencapaian serta kedudukan pembangunan Kompleks Sukan Rakan Muda yang dijanjikan bagi setiap Parlimen. Adakah program Rakan Muda ini berjaya mencapai matlamat dan hasrat kerajaan dalam mengemudi belia-belia kita.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keprihatinan Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kementerian memberi keutamaan dalam menaiktaraf kemudahan kompleks sedia ada bagi menyediakan kemudahan yang selesa dan optimum kepada rakyat dan golongan belia khususnya.

Program Rakan Muda yang dilaksanakan oleh KBS sejak 20 tahun yang lalu telah berjaya mencapai matlamat dan hasrat kerajaan dalam mengemudi anak muda melalui program-program yang memfokuskan kepada pengisian berbentuk pembangunan jati diri dan sahsiah, patriotisme serta modal insan kepada golongan muda secara menyeluruh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sepanjang tahun 2014 seramai 213,487 orang anak muda di seluruh negara telah mengikuti pelbagai Program Rakan Muda yang telah dilaksanakan antaranya, program-program gaya hidup, Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, Projek Angkat dan Upaya (PADU) dan program berbentuk kesukarelaan serta MyCorps.

Program-program yang dilaksanakan tersebut meliputi aspek pembangunan kemahiran asas keusahawanan, kesukarelawan, kepimpinan dan program-program berbentuk aktiviti sukan dan rekreasi mengikut kesesuaian serta minat dan bakat yang ada pada anak muda. Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan agensi berkaitan serta pertubuhan-pertubuhan belia dan NGO yang merangka, menambah baik dan melaksanakan program-program yang telah banyak memberi manfaat kepada golongan belia itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kami di Pagoh amat bernasib baik kerana kamilah antara yang terawal mendapat Kompleks Sukan Rakan Muda pada awal tahun 2000 dahulu. Kebetulan pada masa itu Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin menjadi Menteri Belia dan Sukan pada waktu itu. Saya masih ingat lagi pelbagai aktiviti Rakan Muda dijalankan begitu meriah sekali. Namun apabila Menteri Belia dan Sukan bertukar selepas itu, aktiviti Rakan Muda dibubarkan. Antaranya Tuan Yang di-Pertua ialah Rakan Muda Institusi Pengajian Tinggi, Rakan Muda Industri, Rakan Muda Masjid, Rakan Muda Agensi Kerajaan, Rakan Muda Perumahan dan Rakan Muda Kampung.

Soalan saya, apakah pertimbangan kementerian membubarkan program bagus ini? Ini kerana pada keseluruhannya yang saya sebutkan tadi ini semua melibatkan anak muda di kampung. Saya ingin menyampaikan salam anak muda kampung saya kepada Tuan Yang di-Pertua dan pada Menteri yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, kebetulannya Kementerian Belia dan Sukan, dan kerajaan tidak membubarkan mana-mana Program Rakan Muda cuma kita telah menukar strategi dan pendekatan. Apabila kita memperkenalkan Program Rakan Muda, kita tiada mempunyai program-program seperti MyCorps, IM4U dan sebagainya, dengan izin.

Akan tetapi apabila dalam masa 20 tahun ini mengikut keperluan semasa, Kementerian Belia dan Sukan telah menukar strategi program-program dan pendekatan dan Rakan Muda masih diteruskan mengikut asalkan program itu boleh menyumbang kepada pembangunan komuniti dan golongan belia. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya baru terima surat rupanya ada beliau hantar semalam dan hari ini saya terima daripada Dato' Goonasakaren A/L Raman. Saya sudah cakap semalam dalam Dewan ini. Saya baru terima pagi ini tetapi bertarikh 21 April. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat hormati tentu bagi *priority* kepada persidangan Dewan. Saya tidak mahu, hari ini penamaan calon sahaja, tidak penting semua Ahli Yang Berhormat pergi sana. Pemimpin parti mungkinlah. Kalau ada pemimpin-pemimpin parti yang terlibat itu saya tidak persoalkan, juga mesti mendapat kelulusan saya sebelum pergi. Saya harap perkara ini tidak berulang lagi. Sekian.

**3.** **Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, inisiatif menggalakkan golongan wanita berpendidikan tinggi yang menjadi suri rumah sepenuh masa untuk kembali ke pasaran kerja.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan pelbagai agensi lain telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum wanita termasuk suri rumah untuk menyertai kembali dan kekal dalam pasaran pekerjaan seperti berikut:

(i) memantapkan pusat jagaan dan taman asuhan kanak-kanak termasuk galakan kepada pihak majikan untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak melalui peruntukan geran pelancaran dan insentif pengecualian cukai;

(ii) kerajaan turut menggalakkan sektor korporat menjalankan peraturan kerja fleksibel melalui web portal flexWorklife.my. Dalam hal ini KPWKM juga telah memulakan Projek Rintis FWA iaitu *Flexi Work Arrangement,* dengan izin;

(iii) memberi insentif cukai berganda dan geran bagi menggalakkan wanita untuk kembali bekerja. Kemudahan ini diberikan kepada majikan yang berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang *women friendly,* dengan izin;

(iv) program *Housewives Enhancement Reactivate Talent Scheme* (HEARTS) dilancarkan untuk melatih suri rumah berpelajaran dengan kemahiran khusus bagi membolehkan mereka kembali ke alam pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tuan Yang di-Pertua, tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada segi statistik pelajar wanita di universiti awam atau UA mencapai 70 peratus tetapi bilangan wanita yang bekerja hanya 40 peratus. Keadaan ini menyebabkan komitmen sebagai isteri dalam keluarga sekiranya wanita bekerja bukan sahaja dapat membantu kewangan keluarga tetapi memanfaatkan ilmu yang dipelajari.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua setakat manakah penerimaan majikan termasuk dalam perkhidmatan awam dan swasta, terhadap program kerja dari rumah dan cadangan masa kerja anjal untuk wanita bagi menarik suri rumah menyertai semula bidang pekerjaan dan sejauh manakah kemudahan sokongan seperti nurseri atau pusat jagaan kanak-kanak dan tadika di tempat kerja telah disediakan sama ada di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta bagi membolehkan lebih ramai suri rumah bekerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun. Nampaknya soalan itu banyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kalau kita ikut angka yang kita sedia ada iaitu pada tahun 2014 orang wanita dalam pasaran kerja seramai 52.4 peratus dan dijangka pada hujung tahun ini kita akan mencapai 55 peratus.

Untuk kita menggalakkan lebih ramai wanita masuk ke kerjaya, kerajaan telah pun mengadakan beberapa program atau pendekatan untuk kita beri atau mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada wanita. Pertama, kita telah pun melaksanakan *flexi working arrangement* bukan sahaja di kementerian yang lain dan juga di bawah TalentCorp kita telah pun mewujudkan insentif cukai berganda dan geran bagi menggalakkan wanita untuk kembali bekerja. Kemudahan ini diberikan kepada majikan yang berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang mesra wanita. Antara kemudahan yang ditawarkan termasuk yang pertama, potongan cukai berganda bagi kos latihan yang ditanggung untuk melatih wanita yang kembali bekerja.

**■1020**

Kedua, potongan cukai berganda bagi perundingan dan kos latihan yang ditanggung oleh majikan untuk melaksanakan dan meningkatkan amalan *flexi work arrangement* dalam organisasi mereka.

Ketiga, pemberian geran sebagai sokongan dan insentif kepada majikan yang ingin menyediakan program untuk melantik wanita yang kembali kerja selepas *career break* di bawah Bajet 2015.

Geran yang disediakan termasuk *Resourcing Grant* iaitu sehingga RM100,000 bagi setiap syarikat dan *Retention Grant* iaitu untuk mengekalkan wanita yang berhenti kerja sementara sejumlah sehingga RM100,000 bagi sebuah syarikat.

Di samping itu, program *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme* (HEARTS) juga telah pun diadakan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad iaitu sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia turut menyokong *1Malaysia Support for Housewives* dengan melaksanakan program *Housewives Enhancement* dan *Reactivate Talent Scheme* di bawah dana khas kerajaan bermula tahun 2013.

Program ini bertujuan untuk melatih suri rumah berpelajaran dengan kemahiran khusus bagi membolehkan mereka kembali ke alam pekerjaan. Selain itu, kerajaan juga akan meneruskan Program Teras Pembangunan Wanita yang akan meningkatkan jumlah usahawan wanita di Malaysia. TEKUN Nasional juga diperuntukkan RM50 juta bagi Program Pembangunan Usahawan Wanita Muda Profesional yang akan memberi manfaat kepada 5,000 orang peminjam wanita serta Amanah Ikhtiar Malaysia diberikan peruntukan khusus sebanyak RM30 juta untuk pembiayaan usahawan wanita India.

Di samping itu, mengenai taska yang disediakan pusat jagaan dan taman asuhan kanak-kanak, kita memandangnya ialah satu sistem sokongan penting yang membantu wanita-wanita yang mempunyai anak kekal dalam pasaran pekerjaan. Hingga bulan Februari 2015, sebanyak 3,802 buah taska yang dibuka telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di samping itu, enam buah taska OKU yang diuruskan oleh pihak NGO juga telah ditubuhkan.

Saya hendak menegaskan di sini bahawa jumlah taska yang ada sebenarnya ia jauh lebih dari 3,800. Akan tetapi banyak lagi taska yang belum berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi mempertingkatkan sistem sokongan ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pihak majikan serta pengusaha taska untuk menyediakan perkhidmatan ini. Antara inisiatif tersebut adalah:

(i) peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian atau jabatan untuk menubuhkan taska di tempat kerja sektor awam;

(ii) pengecualian cukai 10 peratus setahun bagi majikan di sektor swasta ke atas kos keseluruhan pembinaan atau pembelian bangunan untuk penubuhan taska di tempat kerja bagi tempoh sepuluh tahun;

(iii) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan Elaun Bangunan Industri pada kadar 10 peratus setahun kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak swasta;

(iv) insentif kepada majikan dalam sektor swasta melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan, penyelenggaraan, kemudahan taska dan pusat jagaan kanak-kanak; dan

(v) subsidi khusus asuhan PERMATA sebanyak RM500 bagi seorang pengasuh.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah taska tempat kerja swasta iaitu setakat ini ada 29 buah taska dan di bawah kerajaan, sejumlah 123 buah taska. Untuk kita memperbanyakkan lagi taska supaya kita mewujudkan persekitaran yang mesra untuk wanita masuk ke kerjaya, kementerian telah pun menubuhkan sebuah *taskforce* yang mana kita akan mengkaji semula dan mengubahsuai apa kelemahan dan supaya kita bekerjasama dengan *local government* dan dapatkan sokongan daripada mereka dan juga NGO. Kita bersama-sama untuk menyediakan satu persekitaran yang lebih mudah untuk syarikat-syarikat yang berminat untuk mewujudkan taska di tempat kerja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Senator Datin Rahimah bertanya tadi ada soalan tambahankah Datin, ada atau tidak?

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya cuma hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan saya dengan begitu baik. Soalan yang saya hendak tanya semua sudah terjawab. Terima kasih.

**4.** **Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Perdana Menteri menyatakan, rancangan untuk mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan bas berhenti-henti dan memberikan butiran mengenai Skim Transformasi Bas Berhenti-henti ini seperti tarikh pelaksanaan mengikut kawasan, bilangan penumpang yang disasarkan secara tahunan dan jumlah anggaran perbelanjaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang melaksanakan inisiatif transformasi untuk perkhidmatan bas henti-henti bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang baik tanpa mengkompromikan kemapanan atau dengan izin, *sustainability* sistem industri ini.

Dua polisi utama dirangka pelaksanaan rangkaian bas henti-henti berdasarkan penawaran ataupun, dengan izin, *supply base*, dan *growth cost delivery model,* dengan izin. Ia dirangka sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh perkhidmatan bas henti-henti. Rangkaian bas henti-henti berdasarkan penawaran ini akan mengatasi masalah kekurangan liputan dan kesalinghubungan ataupun dengan izin, *connectivity* di bandar mahupun luar bandar.

Bagi melaksanakan rangkaian ini, kos-kos *delivery model* diperkenalkan. Pengusaha atau operator akan dapat menawarkan perkhidmatan dalam rangkaian tanpa perlu gusar tentang kemapanan operasi mereka. Melalui skim ini, kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan bertanggungjawab terhadap kos operasi bagi rangkaian bas ini manakala operator hanya perlu memastikan perkhidmatan disediakan dalam kawasan rangkaian mengikut kekerapan dan terma-terma yang ditetapkan dalam kontrak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai kontrak perkhidmatan bas bagi setiap rangkaian adalah berbeza berdasarkan kadar kos per kilometer dan jumlah laluan serta kekerapan yang dipersetujui bagi sesuatu rangkaian atau kawasan tersebut. Bagi tujuan ini Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan RM100 juta sebagai dana permulaan bagi menjayakan program SBST ini di lima buah kawasan yang kita kenali sebagai kawasan *pilot project,* dengan izin, yang telah dipilih iaitu Seremban, Kangar, Kuching, Ipoh dan Kuala Terengganu, yang akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun ini.

Program SBST ini dirancang untuk meningkatkan penyediaan ataupun *supply,* dengan izin, perkhidmatan bas henti-henti kepada sekurang-kurangnya 80 peratus orang penduduk di kawasan yang terlibat. Selain itu, program SBST ini juga akan memastikan perkhidmatan bas yang menepati jadual serta lebih efisien. Faktor ini dijangka akan menjadikan perkhidmatan bas lebih menarik kepada penduduk setempat seterusnya menggalakkan pengguna kenderaan persendirian beralih untuk menggunakan pengangkutan awam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Kalau kita tengok dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, salah satu faktor yang disebutkan adalah isu *sustainability model* itu, isu *connectivity* dan juga isu *coverage*. Kalau kita tengok isu *connectivity* ataupun kejayaan mana-mana inisiatif termasuk skim ini ialah satu faktor yang penting ialah faktor kewangan.

Seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi, untuk tahun ini sahaja, sebanyak RM100 juta. Saya pernah baca dalam satu laporan pada tahun depan akan meningkatkan ke RM500 juta. Kemudian pada tahun 2017 kalau tidak salah, RM800 juta dan akan meningkat sehingga mencapai RM2.7 bilion pada tahun 2020.

**■1030**

Jadi soalan saya, daripada fahaman saya, duit ini untuk *sustain* model ini akan datang dari dana khas *land public transport fund*. *So*, soalan saya apakah sumber dana ini? *Land public transport fund* ini, sumber dana itu akan datang dari mana? Itu satu.

Kedua, dana ini akan diletak di bawah kementerian mana? Sama ada akan di *park* bawah SPAD atau Kementerian Pengangkutan? Pasal isu ini dana dia tinggi sampai RM2.7 bilion pada satu masa nanti. *So*, dua soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mengenai dana ini kita terlalu awal untuk hendak mengatakan berapa banyak kita akan belanja. Itu hanya sebagai satu jangkaan kerana kita hendak melihat dahulu bagaimana kejayaan RM100 juta ini sebagai permulaan.

Walaupun begitu Yang Berhormat, memang pun menjadi perancangan kita supaya ia dicapai untuk seluruh negara. Untuk pertama ini kita ada duit kutipan yang dapat dalam kepala kerajaan. Di mana perbezaan kutipan dan kos operasi adalah ditanggung oleh kerajaan nanti. Jadi, yang biasanya akan di *park* seperti mana yang digunakan tadi, dengan izin, akan diletak di bawah SPAD. Cuma yang kita hendak belanja pada mula ini untuk lima buah kawasan dahulu, dan selepas itu memang betul Yang Berhormat katakan tadi, memang jangkanya lepas itu kita akan RM800 juta, lepas itu hingga RM2.7 bilion, dengan izin.

Akan tetapi itu adalah dalam perancangan sepertimana yang kita nyatakan, mula-mula kita akan *cover* lima buah kawasan ini dahulu dan akhirnya kepada seluruh negara. Namun begitu, kita lebih memberi tumpuan kepada memberi perkhidmatan. Jadi, dari apa yang kita lakukan kita harapkan kejayaan itu akan menunjukkan dan memberi galakan kepada kerajaan untuk memperuntukkan kewangan itu. Apa yang telah kita adakan di sini, yang ditanya oleh Yang Berhormat adalah memang direncanakan daripada segi *budgeting*nya. Kita akan melihat sejauh mana keefisienan program ini supaya ia boleh memberi keyakinan kepada kerajaan untuk meneruskannya supaya kita boleh membelanjakan wang sejumlah yang mana kita rancangkan.

Jadi walau bagaimanapun, memang itulah kalau daripada segi *detail*nya di mana sumber kewangan itu memang kewangan kerajaan terpaksa peruntukan seperti biasa mana yang telah dilakukan selama ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita wajib mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membelanjakan begitu banyak untuk meningkatkan *public transport* ini, dengan izin. Soalan saya, sehubungan dengan bas-bas yang digunakan oleh operator-operator, dengan izin, khususnya di Kuala Lumpur ini Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita tengok di Kuala Lumpur sekarang ini memang *congested* sekali kerana keretanya begitu banyak dan sebagainya. Saya hendak bertanya, kalau di *London* itu *London hybrid buses* telah digunakan. Pada 2010 pernah diberi award *Low Carbon Championship Award for Buses*, tahun 2010 dulu sudah dapat award. Jadi, di Kuala Lumpur ini bilakah kerajaan akan menggunakan *hybrid buses* ataupun *green buses* supaya karbon dioksida di dalam Kuala Lumpur ini berkurangan.

Oleh sebab ini akan mengakibatkan kesihatan kepada rakyat khususnya di Kuala Lumpur ini. Jadi Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad menyatakan bahawa implementasi *public bus* di Kangar, beliau mengucapkan tahniah. Akan tetapi adakah *green buses* akan digunakan juga di Kangar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat, memang itu yang kita galakan. Kita tidak akan- *we don’t imposed* tetapi kita memang galakan sebab ia akan membelanjakan kos yang begitu tinggi sekali.

Jadi, kalau ada di kalangan operator hendak menggunakan *hybrid bus* itu kita alu-alukan Yang Berhormat sebab kalau dalam skim ini kalau kita lihat kerajaan sahaja membelanjakan begitu banyak sekali.

Jadi, terpulang kepada operator-operator walaupun memang itulah yang sering kita galakan. Kalau boleh memang itu yang kita mahukan supaya semua operator mempunyai pandangan seperti mana Yang Berhormat menyarankan itu, mempunyai *value* yang, dengan izin, sepertimana yang kita inginkan untuk Malaysia. Memang kita akui perancangan kerajaan ini tidak dapat sampai ke situ setakat ini. Kalau kita boleh lakukan, *in shaa-Allah* kita akan lakukan Cuma sekarang ini seperti yang saya tekankan tadi, kita lebih menumpukan kepada perkhidmatan jadi kita juga mengharapkan dengan adanya soalan Yang Berhormat yang memberi ruang dan peluang kepada operator-operator bas ini juga untuk memikir seperti mana Yang Berhormat berfikir.

Supaya apabila untuk mengimplementasikannya mereka memasukkan atau *to incorporate,* dengan izin, nilai-nilai seperti ini untuk dijadikan satu daripada prinsip kalau mereka hendak menjadikan *operation of bus services* ini, dengan izin, untuk jadikan satu perniagaan sambil kita memberi perkhidmatan yang mempunyai nilai murni kepada masyakat keseluruhannya. Namun begitu Yang Berhormat, saya berterima kasih kerana ia memberi kesedaran kepada para operator untuk membawa kita bersama-sama ke arah *green technology* dan semua itu. Terima kasih.

**5. Tuan Chong Sin Woon** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, peranan kementerian dalam pembinaan dan pemantauan insinerator di Taman Beringin Kepong, serta adakah kementerian memikul tanggungjawab menilai keselamatan pembinaan insinerator yang berdekatan dengan kawasan perumahan, apa kos yang terlibat, apa perjanjian jangka masa panjang antara kementerian dan syarikat yang bakal mengendali insinerator.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon.

Untuk makluman Yang Berhormat projek pembangunan *waste-to-energy* di Kepong ini masih dalam peringkat tender Yang Berhormat. Proses tender terbuka antarabangsa ini Tuan Yang di-Pertua, diuruskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta iaitu UKAS, di bawah Jabatan Perdana Menteri. Mungkin saya boleh jelaskan sedikit kepada Yang Berhormat tentang apa itu tender terbuka antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat tender *waste-to-energy* di Kepong ini dilaksanakan melalui tiga peringkat iaitu yang pertama *prequalification questionnaire* atau PQQ. Kedua, *request for proposal,* dan ketiga, *best for final offer,* dan proses PQQ sudah pun selesai. Empat petender telah pun ditawarkan untuk proses yang seterusnya iaitu *request for proposal,* ini pada peringkat kedua. Sehingga tarikh tutup bagi petender-petender mengemukakan dokumen untuk *request for proposal* iaitu pada 22 Disember 2014 yang lalu hanya tiga sahaja petender daripada jumlah empat tadi yang telah mengemukakan dokumen *request for proposal* tersebut, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat, proses penilaian dokumen *request for proposal* dengan izin, masih lagi berjalan Yang Berhormat. Dijadualkan ia akan selesai dalam April ini. Pada peringkat *request for proposal* ini, petender-petender ini akan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Kecil Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Kecil Penilaian Komersial sebelum diputuskan di peringkat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah UKAS.

JKAS seterusnya akan memilih dua petender yang layak untuk ke peringkat *best and final offer*. Semasa peringkat *best and final offer* ini, kerajaan melalui UKAS, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan rundingan antara kedua-dua petender-petender berkenaan untuk menentukan petender mana yang terbaik sebelum dimuktamadkan untuk dibentangkan kepada Kabinet untuk Kabinet buat perakuan dan keputusan.

**■1040**

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Jawatankuasa Kecil Penilaian Teknikal ini di anggotai oleh wakil-wakil agensi kerajaan serta pakar-pakar daripada universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing serta pengetahuan dalam bidang pengurusan sisa pepejal. Senarai keanggotaan bagi Jawatankuasa Kecil Penyiaran Teknikal ini adalah:

(i) Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara;

(ii) Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknikal di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara ataupun selepas ini saya sebut sebagai (JPSPN);

(iii) Pengarah Bahagian Kelulusan dan Pelesenan JPSPN;

(iv) wakil Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS);

(v) Jabatan Alam Sekitar;

(vi) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;

(vii) wakil Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp); dan

(viii) pakar-pakar daripada beberapa buah universiti tempatan, yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa kepada Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua menjawab kepada soalan Yang Berhormat, bagaimana pemantauan dilakukan, pemantauan terhadap pelaksanaan projek. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, bagi memastikan loji yang dibina ini selamat setiap fasa pelaksanaan akan dirancang dengan rapi dan akan dilaksanakan dengan pengawasan yang teliti oleh kerajaan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). Semasa pembinaan seterusnya sepanjang tempoh pengoperasian, dan juga akan dipantau bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan kementerian melalui jabatan yang berkaitan akan melaksanakan pemantauan dan pengawasan yang ketat pada setiap peringkat iaitu:

(i) sebelum pelaksanaan projek, kajian penilaian awal tapak *air dispersion modelling* dan penilaian risiko, *risk of assessment* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin;

(ii) kajian penilaian kesan alam sekitar terperinci DEIA yang akan mengkaji secara terperinci semua isu termasuk keselamatan, selain daripada pencemaran yang bakal berlaku daripada projek tersebut dan juga langkah-langkah untuk mengatasinya sekiranya ada masalah. Sekiranya kajian DEIA ini mendapati bahawa projek berkenaan Tuan Yang di-Pertua, tidak sesuai untuk dilaksanakan, maka kerajaan tidak akan meneruskan Projek *Waste to Energy* ini. Ia adalah merupakan syarat duluan ataupun kepada petender yang berjaya;

(iii) semasa proses pemantauan, reka bentuk dan spesifikasi loji akan dipantau supaya mematuhi segala tawaran yang dikemukakan oleh kerajaan. Seterusnya memastikan kontraktor sentiasa mematuhi segala syarat kelulusan DEIA semasa pembinaan; dan

(iv) peringkat terakhir iaitu semasa operasi. Kerajaan akan terus memantau operasi loji ini secara berterusan untuk melihat tahap pencemaran udara melalui *Continuous Emission Monitoring System,* dengan izin. Sekiranya didapati pihak operator ini tidak mematuhi kepada mana-mana ketetapan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar semasa kelulusan DEIA, maka operator loji ini akan dikenakan kompaun ataupun operasi loji ini akan dihentikan sehingga tindakan penambahbaikan diambil.

Soalan seterusnya oleh Yang Berhormat, operator dan kos. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat seperti yang dinyatakan tadi proses tender ini Yang Berhormat masih lagi berjalan. Jadi sehubungan dengan itu, saya tidak dapat memberikan anggaran bagi kos pembinaan dan kos operasi Projek Loji *Waste to Energy* ini sehingga proses tadi itu selesai Yang Berhormat. Selain daripada itu, terma perjanjian antara kerajaan dengan syarikat masih lagi belum dimuktamadkan pada peringkat ini sehingga proses tender itu diselesaikan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini dan juga kepada Yang Berhormat, jangan bimbang Yang Berhormat kerajaan akan memastikan supaya proses tender ini dijalankan secara telus dan teknologi dipilih adalah terbukti dan kos efektif ataupun *value for money,* dengan izin, dan mesra alam sekitar yang sememangnya menjadi keutamaan kepada kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan yang begitu rapi. Saya kagum dengan perancangan rapi oleh kementerian dalam pemantauan projek ini. Akan tetapi projek ini menimbulkan banyak isu kerana ia berada di tengah-tengah kawasan bandar di mana sekelilingnya sedang mengadakan satu projek perumahan yang besar oleh kementerian sendiri, 1,600 unit rumah dalam lingkungan dua kilometer. Satu lagi iaitu Projek EcoSky, Lakeville di tengah-tengah bandar di Kuala Lumpur.

Seperti mana yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tetapi saya merujuk kepada Laporan Audit Negara 2012, empat *incinerator* kecil yang dibina di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Cameron Highlands dan Pulau Tioman yang memproses sisa 15 hingga 100 tan sehari tidak dikendalikan dengan baik. Ini berikutan laporan tersebut menyatakan operasi *incinerator-incinerator* yang kos pembinaannya berjumlah RM199 juta itu:

(i) bermasalah;

(ii) syarikat yang dapat tender itu kendalikan *incinerator* ini tidak mempunyai kepakaran yang sewajarnya;

(iii) gagal mematuhi *EIA Report*;

(iv) suhu adalah rendah daripada 850 darjah celsius; dan

(v) mengesyorkan supaya kontrak itu tidak dilanjutkan.

Itu masalah yang telah di dalam Laporan Audit Negara. Soalan saya ialah, sebelum pembinaan, perancangan memang rapi, bagus tetapi setelah pengoperasiannya selalu kita tengok dari Laporan Audit bermasalah. Akan tetapi kita tidak boleh memberikan peluang untuk masalah ini kerana pencemarannya, impaknya kepada penduduk sekitar Kuala Lumpur sangat-sangat besar. Soalan saya, sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya menjawab Yang Berhormat kepada soalan asal Yang Berhormat ya. Pembinaan *Loji Waste to Energy* di Taman Beringin. Saya sudah sebut yang ia lain konteks Yang Berhormat ya. Pembinaan *Loji Waste to Energy* di Taman Beringin itu dilaksanakan secara tender di peringkat antarabangsa. Ia bukan yang empat buah pulau Yang Berhormat sebutkan tadi itu ia berbeza, yang itu ialah di peringkat kementerian. Saya sudah sebutkan secara jelas Tuan Yang di-Pertua, proses pemantauan dan ia bukan satu perkara yang senang. Untuk melakukan kesilapan seperti yang mungkin difikirkan oleh Yang Berhormat.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, kenapakah kita pilih Taman Beringin? Ini kerana lokasi yang dipilih ini merupakan tapak stesen pembinaan sisa pepejal yang sudah pun beroperasi Yang Berhormat dari tahun 2002, di mana semua sampah sebanyak 3,000 tan sehari Tuan Yang di-Pertua dihantar ke situ setiap hari. Selain daripada itu, ia juga merupakan tapak pelupusan sisa pepejal bagi Kuala Lumpur sejak tahun 1996. Jarak antara sempadan lokasi dikenal pasti dengan penduduk adalah di sepanjang 100 meter.

Ulasan dari Jabatan Alam Sekitar Tuan Yang di-Pertua, telah menetapkan bahawa zon penampan bagi kemudahan Loji *Waste to Energy* ini 350 meter dan keperluan ini dimaklumkan kepada empat petender tadi dalam *request for proposal*, yang saya sebutkan tadi.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, oleh sebab proses itu akan dilaksanakan dengan sebegitu, dengan kedua-dua jawatankuasa yang telah pun saya sebutkan tadi iaitu akan menjawab kepada proses yang telus dan terbuka dan proses yang akan menentukan teknologi yang digunakan ini bukan lagi teknologi seperti mana yang telah berlaku pada tempat-tempat yang lain. Jadi saya harap Yang Berhormat yakin dan *in shaa-Allah*, tidak ada masalah kepada untuk kita buat *Loji Waste to Energy* di Taman Beringin.

Saya minta Yang Berhormat sokonglah kerana Yang Berhormat dari kawasan Kepong Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari kawasan Kepong, itu kawasan Yang Berhormat Ahli Parlimen Kepong. Yang Berhormat Kepong pun bersetuju untuk... *[Disampuk]* Bukan, dalam kawasan Batu, betul. Berhampiran dengan kawasan Kepong. Yang Berhormat dari kawasan Kepong pun bersetuju untuk kita wujudkan *Loji Waste to Energy*.

Kerana apa Yang Berhormat, buat masa ini rakyat Malaysia sepatutnya jangkauan kita sehingga tahun 2025 akan menghasilkan sisa pepejal sebanyak 30,000 tan tetapi mengejutkan pada hari ini rakyat Malaysia telah menghasilkan sisa pepejal sebanyak 33,000 tan sehari. Jadi setiap rakyat Malaysia, setiap individu menghasilkan 0.8 kg sisa pepejal ataupun sampah. Untuk menyelesaikan tanah tidak cukup ya, tanah tidak cukup dan kita wujudkan dan kita bina. Kerajaan bercadang untuk membina *Loji Waste to Energy* ini, kerana itu diadakan tender terbuka di peringkat antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang pada saya. Sebenarnya perkara yang- jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya fikir memang sudah cukup lengkap seperti kawan saya kata tadi. Akan tetapi untuk makluman bahawa pembinaan Loji *Waste to Energy* ini ada tiga, satu di Taman Beringin Kuala Lumpur. Dua di Bukit Payung, Johor Bahru dan yang ketiga adalah di Sungai Udang, Melaka. Saya bawa isu ini untuk penduduk di Sungai Udang, Melaka sudah siap, loji ini sudah siap dan mula operasi pada 1 April yang lalu.

**■1050**

Akan tetapi apa yang berlaku ialah seramai 3,000 orang penduduk di Taman Indah telah pun menyatakan perasaan tak puas hati disebabkan loji ini telah mengeluarkan bau yang begitu teruk sekali dan DUN itu DUN Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka. Jadi diminta bawa perkara ini, yang mana perkara yang berlaku ialah keadaan loji tersebut, operatornya daripada SWM Environment tidak dapat melakukan kerja-kerja yang baik mengakibatkan takungan *leachate* ataupun air kotoran ini mengalir yang menyebabkan bau yang teramat busuk. Kemudian *Material Recovery Facility* (MRF) yang tak berfungsi. Ada tiga tetapi tak berfungsi dan ini lah yang menyebabkan, dan satu lagi.

Isunya ialah bahawa pihak operator tidak dapat menyediakan pekerja yang secukupnya untuk melaksanakan kerja-kerja ini. Jadi saya fikir perkara ini telah pun menjadi isu yang baru di Parlimen Tanggu Batu. Jadi saya minta pencerahan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Daripada Taman Beringin ke Sungai Udang pula, jauhnya berjalan *[Ketawa]* Akan tetapi tidak apa lah Tuan Yang di-Pertua, nasib baik saya ada sediakan maklumat, kalau tak terkebil-kebil saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, cadangan untuk pembinaan *waste-to-energy*, kita tak hendak sebut *incinerator* lah, kita sebut *waste-to-energy*. Kadang-kadang perkataan *incinerator* ini dia ada stigma dia sedikit, orang takut.

*Waste to energy* di Melaka ini masih di peringkat kajian. Kita akan selesaikan di Taman Beringin dahulu. Yang Berhormat bangkitkan tadi itu ia bukan loji, ia tapak pelupusan sisa sanitari ataupun TPS, belum loji lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian bina tapak pelupusan sisa pepejal sanitari ataupun saya sebut selepas ini TPS di Sungai Udang Melaka itu untuk kita menampung, terima sisa pepejal daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin. Di Melaka ada empat pihak berkuasa tempatan.

Projek ini Tuan Yang di-Pertua, sudah dimulakan pada bulan November 2012, siap pada November 2014 yang lalu. Kos sebanyak RM49.9 juta. Sel sedia ada di bawah fasa 1 mampu bertahan selama lima tahun dan seterusnya jabatan bercadang untuk membina sel kedua di bawah fasa 2 pada tahun 2020.

Saya hendak jelaskan sedikit kepada Yang Berhormat, dan skop projek bina beberapa unit bangunan termasuklah pentadbiran, *material recovery facilities*, dengan izin, *leachate treatment plan* dan sebagainya. *Certificate of Practical Completion* (CPC) bagi tapak berkenaan sudah pun dikeluarkan pada 12 November 2014. Bagi tapak pelupusan sisa pepejal, ia tak perlukan CCC Yang Berhormat, ia perlukan CPC sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan sudah pun bersetuju, yang berikan persetujuan dan kelulusan untuk melantik SWM Environment Sdn. Bhd., Kementerian Kewangan. Juga menjadi operator operasi kepada tapak pelupusan sisa pepejal (TPS) Kerubung di Melaka, dan sebagai operator operasi penyelenggaraan di tapak Sungai Udang.

Semasa operator memulakan operasi Tuan Yang di-Pertua, biasa lah benda baru ini. Ada beberapa *defect* dan sebagainya yang perlu ditambah baikkan dari semasa ke semasa, contoh pada sistem pam yang menyebabkan *leachate* mengalir kepada kawasan yang tak sepatutnya sampai bau dia naik. Kerja-kerja penambahbaikan ini sedang dilaksanakan oleh kontraktor.

Pelupusan sisa pepejal di tapak pelupusan sedia ada di Kerubung, Melaka ini telah dihentikan dan telah ditutup sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka. Kerajaan negeri tutup TPS di Kerubung Yang Berhormat dan operator yang sama telah diarahkan untuk mula operasi di TPS Sungai Udang pada 1 April 2015 yang lalu. Tapak ini sepatutnya Yang Berhormat, tapak di Sungai Udang ini sepatutnya memulakan operasi pada bulan Mei 2015. Akan tetapi kerana sudah ditutup awal di Kerubung, maka diminta supaya kita masuk ke tapak ini lebih awal, itu yang ada masalah sedikit.

Jadi saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, kementerian memastikan tapak ini akan beroperasi mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam DEIA, *no compromise*, dengan izin, bagi aktiviti pelupusan sisa pepejal, di tapak Sungai Udang. Antara syarat dalam DEIA yang perlu dipatuhi adalah membuat *daily cover*, dengan izin, bagi tutup sisa pepejal dalam sel, penggunaan *geomembrane cover*, dengan izin, dan menyembur bahan pencegah bau EM bagi mengelakkan bau busuk dan penghijrahan makhluk perosak dan sebaginya ke tapak pelupusan Sungai Udang.

Dalam lawatan Tuan Yang di-Pertua, dan pemantauan yang dilakukan oleh JPSPN pada 21 April 2015, semalam Yang Berhormat, nasib baik lah saya sudah suruh dia turun semalam, kebetulan. Hari ini pula Yang Berhormat bangkitkan masalah ini. Didapati bahawa Tuan Yang di-Pertua, operator setakat ini bertanggungjawab mematuhi segala syarat yang telah pun ditetapkan.

Jadi apa yang saya hendak maklumkan Tuan Yang di-Pertua, dan kepada Yang Berhormat, dan Kerajaan Negeri Melaka, kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, SWCorp akan terus memantau aktiviti pelupusan sisa pepejal di TPS Sungai Udang ini dari semasa ke semasa untuk memastikan projek ini beroperasi pada tahap yang baik. Jangan bimbang Yang Berhormat. Kalau dia tak berlaku, dalam sesi akan datang boleh bangkitkan. Terima Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan cukup bagus dan juga mengetahui segala permasalahan yang dibangkitkan dan harap Yang Berhormat yang menyoal tadi, pegangkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jika ada masalah, jumpa dia.

**6. Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, tentang alternatif hukuman bagi kesalahan remaja di bawah umur khususnya bagi yang ditahan kerana kesalahan yang membawa hukuman mati, adakah *screening procedure* yang ada untuk menilai kesediaan mereka untuk dibebaskan dengan mengambil kira sistem di *United Kingdom* bagi tahanan kanak-kanak seumpama ini telah ditetapkan tempoh tarif di mana kes mereka akan dinilai semula untuk pembebasan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* selamat pagi dan saya minta maaf, tak payah pantun waktu pagi *[Ketawa]*

Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, ada tiga instrumen kerajaan yang *govern* masalah juvana dalam penjara kita sekarang iaitu Perlembagaan Malaysia, Akta Penjara 1995, dan Peraturan 113, Peraturan-peraturan Penjara 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, remaja bawah umur ataupun juvana yang disabitkan kesalahan dengan kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati, tidak akan dijatuhkan hukuman mati. Sebaliknya mereka akan ditahan sebagai tahanan limpah ataupun, dengan izin, *at the pleasure of*. Sehinggalah mereka mendapat perkenan dari Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri untuk dibebaskan.

Bagi mempertimbangkan sama ada remaja berkenaan terus ditahan atau dibebaskan, terdapat tiga mekanisme yang boleh bertindak sebagai *screening procedure* iaitu, pertama, peruntukan seksyen 97(4), Akta Kanak-Kanak 2001. *Screening procedure* dilaksanakan oleh Lembaga Hakim Pelawat yang akan menemu bual tahanan limpah atau remaja bawah umur berkaitan mengkaji penyediaan laporan dan membuat pengesyoran sekurang-kurangnya sekali setahun kepada yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Berhubung tahanan-tahanan limpah atau remaja bawah umur berkaitan wajar lepas awal atau ditahan lanjut. Berdasarkan laporan dan pengesyoran oleh Lembaga Hakim Pelawat, Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertuan Negeri akan membuat keputusan berhubung penahanan remaja berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa Yang di-Pertuan Agong ataupun Raja-Raja ataupun Yang di-Pertuan Negeri akan bertindak selaras dengan peraturan di bawah Perlembagaan Artikel 40 dan seterusnya atas nasihat Perdana Menteri atau pun untuk mengambil tindakan.

Kedua, manakala bentuk *screening procedure* lain dilaksanakan oleh Jabatan Penjara iaitu setiap 44 tahun dengan mengemukakan laporan kajian hukuman empat tahun sekali tahanan limpah atau remaja di bawah umur berkenaan ke Lembaga Pengampunan Negeri untuk tujuan pertimbangan berhubung dengan penahanan mereka.

**■1100**

Laporan tersebut mengandungi semua aspek yang melibatkan remaja berkenaan termasuk disiplin, kemajuan pemulihan, pencapaian, kerjasama, komitmen, sumbangan dan kesihatan.

Yang ketiga ialah tahanan limpah berkaitan juga boleh mengemukakan petisyen kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertuan Negeri berasaskan ketetapan Peraturan 113, Peraturan Penjara 2000. Jika remaja berkenaan mengemukakan petisyen, penjara berkaitan akan menyediakan laporan pemulihan serta pengesyoran berhubung penahanan yang bertindak sebagai *screening procedure* berhubung penahanan Tahanan Limpah berkenaan.

Berasaskan *screening procedure* yang dilaksanakan menggunakan seksyen 97, Akta Kanak-kanak 2001, dan Peraturan 54, Peraturan-peraturan Penjara 2000, bagi tahun 2015, seramai sembilan orang tahanan limpah atau remaja bawah umur telah dibebaskan dari penjara manakala pada tahun 2014, seorang yang dibebaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tersebut.

Saya hendak memetik satu kisah benar kes pesalah juvana ataupun di bawah umur. Seorang kanak-kanak cina yang membunuh anak guru tuisyennya, kalau kita ingat lagi pada 30 Mei 2002. Kesalahan ini menyebabkan beliau telah dipenjarakan. Pada waktu itu beliau berumur 12 tahun sembilan bulan dan dipenjarakan pada umur 14 tahun. Sehinggalah kini, beliau sudah berumur 28 tahun.

Seperti yang disebutkan tadi Tahanan Limpah Sultan, beliau dikategorikan sebagai Tahanan Limpah Sultanlah dan beliau sekarang ini untuk pengetahuan juga, sepanjang tempoh beliau berada di penjara peringkat di bawah umur, beliau telah berjaya menduduki peperiksaan PMR, SPM dan berjaya memperoleh diploma daripada *Open University* dan sekarang ini sedang menduduki peringkat Sarjana Muda Sains Politik.

Cumanya saya hendak tanya soal keberkesanan Lembaga Hakim Pelawat sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sebagaimana yang dijelaskan bahawa *Board of Visiting Justice,* dengan izin, ataupun Lembaga Hakim Pelawat, dia akan sentiasa akan berkunjung ke penjara. Kes ini tidak banyak dalam konteks salah juvana yang disabitkan kesalahan membunuh yang diturunkan daripada tali gantung kepada penjara atas Tahanan Limpah Sultan.

Daripada umur 14 tahun dan kini 28 tahun dan kalau kita tengok perkembangan dia daripada menduduki peperiksaan PMR, SPM sehinggalah hari ini berjaya mendapat diploma dan sedang menduduki ijazah sarjana muda dalam sains politik, apakah ini tidak menunjukkan bahawa beliau mempunyai potensi-potensi yang positif dalam konteks untuk mendapatkan kebebasan lebih awal?

Jadi saya hendak tanya juga, apakah keberkesanan Lembaga Hakim Pelawat ini? Dan yang keduanya, adakah pihak KDN mempunyai pendekatan ataupun secara pentadbiran, *administrative measure* bagi menyokong perlindungan secara perundangan di bawah seksyen 97, Akta Kanak-kanak ini supaya mereka ini diberikan pembelaan dan keadilanlah?

Maknanya, sudah tentu waktu kanak-kanak, mereka ataupun dia melakukan kesalahan. Saya kira dengan perkembangan yang ada ini sudah tentu ada satu perkembangan yang positif. Saya rasa soal keadilan itu harus diberikan kepada kanak-kanak ini. Saya hendak bertanya daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini saya boleh katakan amat baik.

Akan tetapi, walaupun dua, dia boleh dirangkum sekali kerana bukan sahaja satu Hakim Pelawat sahaja yang akan menilai untuk kes sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat itu tadi, tetapi semua mekanisme, tiga sekali, akan serentak mengambil tindakan dan melihat laporan yang bakal diguna pakai. Ini termasuk sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi disiplin, kemajuan pemulihan, pencapaian, kerjasama, komitmen, sumbangan dan kesihatan. Semua perkara ini akan dinilai bukan sahaja oleh pihak Hakim Pelawat tetapi juga oleh pihak penjara sendiri dan juga oleh pihak yang melaporkan kepada Duli Sultan ataupun Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang saya telah sebut awal tadi.

Apabila laporan ini dibuat, kalau diserahkan kepada Duli Yang di-Pertuan Agong, dia akan mengambil kira tugas dan tanggungjawab Agong di bawah Perlembagaan iaitu bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak akan bertindak bersendirian, bukan di bawah Perlembagaan yang memberi kuasa kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong. Ia menggunakan nasihat, perlukan Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat. Ini atas nasihat Yang di-Pertuan Agong oleh Perdana Menteri. Maknanya di sini, dia terpaksa mendapat laporan daripada *Attorney General*, Peguam Negara.

Sebelum Yang di-Pertuan Agong mengambil tindakan, dia akan mendapat laporan daripada Peguam Negara memberi saranan dan perhatian. Yang di-Pertuan Agong bertindak di bawah Perlembagaan dalam perkara ini mestilah akur dan melihat apakah saranan Perdana Menteri dan juga yang disarankan oleh pihak Peguam Negara.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya nampak tidak ada kelemahan dari sudut mekanisme undang-undang ataupun prosedur yang ada pada kita untuk memberi keadilan kepada pihak sebagaimana yang disebut oleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jelas dah agaknya dia punya cara itu...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi ada hubung kait dengan yang kedua. Tugas dan tanggungjawab KDN di sini adalah amat minimum sekali. Dia hanya dilaksanakan oleh pihak penjara. Jadi salah satu daripadanya ialah tadi sebagaimana yang Yang Berhormat menyebut bahawa anak ini telah mengaji sampai ke peringkat hendak buat masters. Sebenarnya saya sendiri sudah jumpa dengan budak ini. Sudah jumpa, saya yang menyerahkan sijil kepada dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah cukup dah. Cukup Yang Berhormat. Agaknya harap cuba beri pertimbangan sahajalah kalau ada meritnya. Sekarang seterusnya ada soalan tambahan yang kedua? Silakan Yang Berhormat Khairiyah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Persoalan saya adalah berkaitan dengan sehingga kini, terdapat 1,196 orang kanak-kanak yang berada di pusat tahanan yang berdepan dengan pelbagai hukuman termasuklah hukuman sebat. Jadi persoalan saya, adakah terdapat sebarang alternatif hukuman bagi pesalah-pesalah remaja ini yang berdepan dengan hukuman sebat, dan apa status yang telah...? Saya rasa ada hasrat kerajaan untuk menyemak semula hukuman sebatan ke atas kanak-kanak ini dan apakah status semakan undang-undang ini hingga sekarang? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Hukuman sebat Tuan Yang di-Pertua, diperuntukkan di bawah undang-undang. Jadi apabila hakim menjatuhkan satu-satu hukuman, pihak penjara mempunyai prosedur yang tertentu. Sebat untuk orang dewasa, sebat untuk kanak-kanak dan sebat untuk wanita. Jadi ada tiga jenis sebat yang dilaksanakan dan tidak sama dengan apa yang dilaksanakan pada pihak dewasa. Jadi, anak-anak yang disebut oleh Yang Berhormat itu mungkin terangkum di bawah mereka yang disebat berlandaskan *small cane*, rotan yang kecil dan mungkin menggunakan sistem yang berlainan sedikit untuk menyebat.

Walau bagaimanapun, kalau ada kajian yang dibuat pada masa sekarang, kita tidak ada buat kajian lagi untuk memperbaiki sistem sebat ini. Apa yang ada sekarang, kita nampak sudah bersesuaian dengan keadaan berlandaskan apa yang kita kaji untuk wanita, untuk kanak-kanak dan juga untuk dewasa. Terima kasih.

**7.** **Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa langkah kementerian dalam menangani serta menyekat dakyah dan ideologi militan, fanatism dan ekstremis di sekolah-sekolah terutamanya sekolah swasta di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan dua strategi iaitu strategi penerangan dan membendung penyebaran dan strategi kedua pula iaitu pemulihan dalam membendung ideologi yang terpesong seperti kumpulan ajaran sesat, kumpulan militan ketenteraan dan pengganas serta politik ekstrem yang boleh menular di Malaysia terutama yang melanda di institusi-institusi pendidikan agama di negara ini.

**■1100**

Strategi penerangan dan membendung penyebaran. Untuk membendung penyebaran ideologi yang terpesong tersebut, kempen kesedaran khususnya mengenai kesesatan dan penyelewengan ajaran berkenaan telah dilakukan seperti berikut.

Pertama, menubuhkan jawatankuasa khas mengenai isu Salafi Wahabi dan *Islamic State* ataupun IS yang diketuai oleh Bahagian Pendidikan Islam untuk menyemak semula buku teks Pendidikan Islam dan Tasawwur Islam serta buku bacaan tambahan bagi memastikan tiada sebarang unsur ideologi yang terpesong. Kedua, siri ceramah khas dan slot khas dalam program-program Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilakukan di seluruh negara sama ada di peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri sehinggalah ke peringkat kementerian. Begitu juga di IPT-IPT di seluruh negara.

Terdapat juga beberapa buah negeri yang mengadakan program berkenaan secara kerjasama dengan Jabatan Agama Negeri masing-masing. Bahagian Pendidikan Swasta telah mengikuti tiga siri bengkel berkaitan ajaran Syiah yang dianjurkan oleh JAKIM untuk memberi pendedahan berkenaan pelaksanaan ajaran Syiah di institusi pendidikan swasta di Malaysia. Risalah, poster dan buku-buku yang berkaitan juga telah diedarkan kepada para pelajar melalui kerjasama dengan Jabatan Agama negeri-negeri, Wilayah Persekutuan dan JAKIM. Manakala kokurikulum baru yang digubal iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah ataupun KSSR dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dimasukkan juga elemen pengukuhan kefahaman Ahli Sunah Wal Jamaah bermazhab Shafie.

Dalam strategi pemulihannya pula, sebarang aduan mengenai guru ataupun murid yang dikatakan terpengaruh dengan fahaman ini telah disiasat. Mana-mana individu yang didapati terpengaruh dengan diayah Syiah atau kumpulan ajaran sesat tersebut, telah diadakan sesi pemulihan iaitu perbincangan dan muzakarah ilmiah untuk membetulkan kefahaman tersebut. Laporan ke Unit Penguatkuasa di Jabatan Agama Negeri yang terlibat juga telah dibuat dan beberapa tindakan telah dilakukan untuk menangani individu tersebut.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan program Jati yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan jati diri murid-murid untuk melakukan perubahan sikap dan tingkah laku bagi membangunkan potensi diri secara positif serta menyeluruh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon mencadangkan bahawa pemantauan khusus ini terhadap tenaga pengajar terutama kepada tenaga pengajar pensyarah asing dari luar negeri yang masuk mengajar di IPTS di negara ini. Ini kerana saya difahamkan mereka mula-mulanya mengajar dengan betul dan mengikut kurikulum yang betul tetapi lama-kelamaan akibat daripada kurang pemantauan, mula menyebarkan diayah dan fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunah Wal Jamaah dan fahaman ekstremis.

Kita juga dimaklumkan bahawa sejumlah 62,000 orang guru Pendidikan Islam (GPI) kebanyakannya menerima pendidikan daripada Timur Tengah dan berkemungkinan besar terdedah dengan fahaman ekstremis ini. Soalan saya ialah, bagaimana kementerian secara berterusan mengadakan program pemantauan berterusan memantau kes-kes pensyarah asing yang boleh menyebabkan pelajar-pelajar kita terjebak dalam ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunah Wal Jamaah dan fahaman ekstremis. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan**: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Yang Berhormat Senator akan kita terima. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Senator dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, berdasarkan peruntukan dalam seksyen 99, Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*], kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa ke atas sekolah-sekolah swasta untuk memastikan pengoperasiannya mengikut peruntukan dalam akta dan peruntukan yang dibuat di bawahnya.

Selain itu, kementerian juga menjalankan siasatan ke atas aduan berkaitan pengoperasian sekolah swasta yang diterima daripada ibu bapa dan masyarakat.

Kementerian juga sentiasa bekerjasama dalam aspek perkongsian maklumat dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Negeri untuk memastikan pemantauan ini dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tadi berhubung dengan tindakan dan juga langkah-langkah yang telah diambil untuk membendung fahaman-fahaman yang tidak sejajar dengan rakyat kita di Malaysia ini, khususnya berhubung dengan orang-orang beragama Islam.

Saya ingin tahu setakat ini, bentuk tindakan. Tadi cara mengatasi sudah dengar, bentuk tindakan yang telah diambil kepada orang-orang yang telah dikesan melakukan ajaran-ajaran atau fahaman yang menyeleweng dan juga berapa ramai yang telah dikenakan tindakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bekerjasama, jumlah angka ini biasanya tidak ada pada kita. Kita akan melaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengambil tindakan. Apabila kita mendapat maklumat-maklumat, kita akan berkongsi maklumat ini kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelajar-pelajar ini.

Boleh saya katakan di sini, perkara ini masih boleh dikawal dan kita mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari semua agensi kerajaan bukan sahaja di bawah kawal selia Kementerian Pendidikan Malaysia, malah semua agensi kerajaan termasuk Kementerian Dalam Negeri dan juga JAKIM. Kita akan memastikan kita dapat mengawal secara berterusan supaya tidak menular masalah-masalah seumpama ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

**8.** **Tuan Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, pendidikan awal merupakan langkah untuk memastikan anak-anak kita mendapat ilmu pengetahuan yang sepatutnya dan kewujudan jawatan guru-guru KEMAS diharapkan mampu memberikan pendidikan awal kepada anak-anak kita. Justeru, mohon kerajaan membantu guru-guru ini untuk mendapat status tetap dan berpencen selain meningkatkan taraf pentauliahan atau pendidikan mereka ini sekurang-kurangnya memiliki Diploma.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan nombor 8, bagi merapatkan jurang perbezaan antara masyarakat luar bandar dan bandar, kerajaan amat menitikberatkan pemberian pendidikan berkualiti kepada anak-anak luar bandar.

Antara langkah yang dibuat untuk meningkatkan kualiti pendidikan kepada kanak-kanak tersebut termasuklah meningkatkan taraf pendidikan guru-guru KEMAS sehingga peringkat Diploma. Langkah meningkatkan taraf pendidikan guru-guru tabika dan taska KEMAS telah bermula sejak tahun 2006 dengan menawarkan pengajian guru-guru dalam bidang Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Institut Pendidikan Perguruan Malaysia (IPGM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan ia telah berterusan sehingga sekarang.

Selain itu, KEMAS juga sentiasa komited untuk meningkatkan kebajikan kakitangan kontrak dengan mengadakan perbincangan bersama agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MoF) dari semasa ke semasa termasuklah cadangan memberikan status jawatan tetap kepada kakitangan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan tadi. Cuma saya hendak kemukakan satu soalan.

**■1120**

Soalan tambahan saya ialah, berapa banyakkah Tabika KEMAS yang ada di seluruh negara dan berapa ramai pelajar yang belajar serta apakah kemudahan yang diberikan setara dengan tadika-tadika kerajaan yang lain? Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Di seluruh negara, kelas tabika terkini sebanyak 11,166 di seluruh negara dan bilangan taska terkini ialah sebanyak 463. Jadi, bilangan guru yang mempunyai diploma ialah 4,490. Jadi, saya tidak ada angka berapa ramai kanak-kanak yang belajar di taska dan tabika buat masa ini. Saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Dengan taraf pendidikan di taska dan tabika KEMAS ini, ia adalah setaraf dengan mana-mana taska dan tabika yang wujud di bandar atau swasta kerana kita tertakluk kepada piawaian pendidikan awal kanak-kanak yang setaraf. Terima kasih.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kementerian yang menjawab. Saya cuma ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilakah kali terakhir *syllabus* KEMAS ini dibuat kajian semula? Kedua, saya sering pergi merasmikan tadika-tadika KEMAS dan juga bercampur dengan kanak-kanak ini, saya dapati bahawa kebolehan mereka untuk berbahasa Inggeris di peringkat *basic* agak lemah, sangat-sangat lemah. Jadi, apa pendekatan yang diambil oleh KEMAS untuk membantu pelajar ini untuk meningkatkan tahap mereka untuk berbahasa Inggeris untuk menyiapkan mereka sewaktu masuk ke sekolah. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Untuk makluman yang tepat, bilakah yang terakhir ini diambil kira semula? Saya tidak ada maklumat itu. Saya akan bagi. Untuk meyakinkan Yang Berhormat Senator, KEMAS dari semasa ke semasa melihat secara terperinci bagaimana kita memastikan kualiti di peringkat pendidikan awal di tabika dan taska ini benar-benar berkualiti. Jadi kalau terdapat masalah pembelajaran mereka dalam bahasa Inggeris, KEMAS tahu tentang perkara ini dan sentiasa mencari jalan bagaimana kita hendak meningkatkan tahap kualiti pembelajaran bahasa Inggeris di tabika dan taska KEMAS ini.

Ini tidak ada masalah kerana di peringkat KEMAS juga, kita amat prihatin kepada kanak-kanak yang belajar di taska dan tabika KEMAS. Jadi tiada masalah untuk kita memastikan mereka ini, apa jua mata pelajaran diajar kepada mereka di tabika dan taska KEMAS termasuklah bahasa Inggeris ini, memang kita ambil berat tentang perkara itu. Sekian, terima kasih.

**9.** **Datuk Yahaya bin Mat Ghani** minta Menteri Pendidikan menyatakan, kedudukan mutakhir tentang prestasi pungutan semula PTPTN dan langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani pelbagai masalah seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac 2015, seramai 1,716,475 orang peminjam perlu membuat bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang berjumlah RM13.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,110,790 orang peminjam ataupun 64.7 peratus orang peminjam telah mula membayar balik dengan amaun kutipan sebanyak RM6.2 bilion atau 46.9 peratus. Bilangan peminjam yang masih gagal membuat bayaran balik ialah seramai 605,685 orang dan melibatkan amaun tertunggak berjumlah RM4.7 bilion.

PTPTN sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi bayaran balik pinjaman dengan mengambil langkah-langkah yang mesra pelanggan. Antaranya, insentif diskaun 20 peratus dan juga langkah penguatkuasaan seperti tindakan senarai hitam dan saman. Kesan positif kepada langkah-langkah ini, bayaran balik telah meningkat daripada RM2 juta sehari kepada RM5 juta sehari mulai Oktober 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, PTPTN telah mengambil tindakan dan telah menyelesaikan semua teguran Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 ke atas pengurusan sistem pinjaman pembiayaan pendidikan. Langkah-langkah yang telah diambil oleh PTPTN dalam menangani adalah seperti berikut:

(i) menambah baik modul-modul pengurusan pinjaman pembiayaan khususnya pengurusan kutipan balik pinjaman dalam sistem pinjaman pembiayaan PTPTN; dan

(ii) mengadakan hubungan strategik dengan agensi kerajaan lain agar maklumat peminjam yang lebih tepat dapat diperoleh seperti:

(a) PTPTN telah mengadakan hubungan strategik dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi mengguna pakai maklumat pendapatan isi rumah ibu bapa penjaga berdasarkan data Bantuan Rakyat 1Malaysia dalam permohonan pinjaman PTPTN mulai 1 November 2014; dan

(b) menyertai projek myIDENTITY di bawah MAMPU bagi mewujudkan perkongsian data peribadi merentasi agensi kerajaan lain. Antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat jumlah yang tertunggak yang tidak dibayar oleh pelajar sebanyak RM4.7 bilion dan satu angka yang sangat besar saya kira. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah tuntutan saman yang telah difailkan di mahkamah untuk menuntut bayaran pinjaman PTPTN setakat ini? Dan apakah angka terkini pinjaman yang telah diluluskan pengecualian bayaran balik oleh pihak PTPTN? Sekian, terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan soalan Yang Berhormat merupakan soalan spesifik untuk satu subjek, saya akan beri maklumat ini kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, bilangan koperasi yang telah berjaya dalam sektor perdagangan dan pengedaran serta usaha-usaha kementerian bagi mengembangkan lagi kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan pengedaran di kalangan koperasi.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin yang membuat soalan kepada KPDNKK.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa berusaha untuk mengembangkan lagi kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan pengedaran dalam kalangan koperasi. Sehingga kini, suruhanjaya telah berjaya mewujudkan rantaian nilai perdagangan dan pengedaran yang melibatkan lebih 700 buah koperasi dalam aktiviti pengangkutan, pusat pengumpulan dan pengeluaran proses dan sebagainya.

Dalam usaha merangsang penglibatan koperasi dalam aktiviti perdagangan dan pengedaran, pelbagai kemudahan bantuan pembangunan kepada koperasi diberikan seperti berikut.

**■1130**

Pertamanya, bantuan asas iaitu maksimum RM50 ribu dan bantuan pengukuhan termasuk bantuan pemasaran, penyelidikan dan pembangunan maksimum pada pinjaman ini RM300 ribu untuk membantu mengukuh dan memantapkan aktiviti perniagaan koperasi. Kedua, bantuan pemodenan kedai koperasi untuk koperasi di Semenanjung Malaysia. Maksimum RM50 ribu dan untuk koperasi di Sabah dan Sarawak, maksimum RM60 ribu bagi tujuan membantu meningkatkan kecekapan pengurusan kedai runcit koperasi.

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Selain itu, kemudahan pembiayaan berbentuk pinjaman mudah tanpa cagaran, maksimum RM50 ribu dan pinjaman mudah dengan cagaran sehingga RM10 juta juga disediakan. Dalam masa yang sama kementerian turut mengadakan program-program untuk terus memperkasakan aktiviti perdagangan dan pengedaran di kalangan koperasi seperti berikut iaitu program pendedahan melalui seminar peluang-peluang perniagaan, *business matching*, aktiviti promosi, pendidikan dan latihan, program-program rantaian nilai dan juga jaringan perniagaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Dipersilakan Datuk Megat Zulkarnain.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga hendak ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup terperinci sebentar tadi. Saya juga hendak mengambil kesempatan hendak mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan dan kementerian atas usaha yang telah pun dijalankan dalam memantapkan koperasi-koperasi yang ditubuhkan dalam negara. Saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terdapat 700 buah koperasi di seluruh negara dan ada di kalangan mereka yang aktif.

Namun demikian, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah pula tindakan yang diambil? Sejauh mana tindakan yang telah diambil kepada koperasi yang dapati tidak mematuhi piawaian atau tidak mematuhi syarat-syarat yang telah diberikan oleh kementerian? Adakah mereka ini dengan jumlah yang besar dengan tujuan bagi membela ahli-ahli koperasi? Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang ada sejumlah koperasi-koperasi yang telah kita mengambil tindakan. Contohnya, koperasi yang telah kita batalkan oleh sebab mungkin koperasi-koperasi itu tidak menunjukkan daya maju bagi menjalankan perniagaan-perniagaan yang diceburi oleh koperasi-koperasi ini. Adakala di kalangan lebih daripada 2/3 orang ahli-ahli koperasi ini memohon kepada Suruhanjaya Koperasi untuk membatalkan koperasi mereka. Jadi, bilangan koperasi ini jumlahnya agak begitu besar juga.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita ambil tindakan-tindakan ini adalah untuk melindungi supaya jangan ada lebih kesan daripada sekiranya koperasi ini terus berjalan dan mengakibatkan ahli-ahli koperasi ini akan menanggung kerugian. Jadi, ada bilangan koperasi yang telah kita batalkan pendaftaran koperasi ini, sebelum tahun 2012 dulu lebih daripada 732 buah koperasi yang telah kita batal dan kita ambil tindakan dan pada tahun 2012 ada 35 buah koperasi. Pada tahun 2013 sebanyak 57 buah koperasi dan pada tahun sudah, ada 101 buah koperasi yang telah kita batalkan pendaftaran koperasi ini untuk melindungi supaya tidak akan lebih parah koperasi-koperasi ini di masa-masa yang akan datang.

Jadi jumlahnya 19,225 dan memang kita mengambil tindakan dan pemerhatian di atas segala apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ada maklumat apa tindakan yang tidak mematuhi. Antara lain, ada juga antara tindakan yang kita ambil kita batal dan ada juga yang kita memulihkan sekiranya terdapat sesuatu. Kita pulih balik koperasi itu dan yang keduanya pemeriksaan dan siasatan kita di bawah Akta Koperasi, ini juga kita jalankan dan kita pindah waran dan itulah yang terakhirnya. Sekiranya semua pemeriksaan dibuat, pembatalan pendaftaran koperasi itu kita laksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya dipersilakan Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak bidang di mana koperasi boleh dibentuk dan dilaksanakan. Akan tetapi saya hendak menumpukan kepada dua bidang bagi pertanyaan saya. Bidang pertama ialah bidang pengeluaran iaitu pengeluaran pertanian terutama. Kita dapati bahawa banyak kawasan pertanian terutama padi di mana kawasannya terlalu kecil dan terpecah-pecah. Jadi, saya ingin tahu, adakah rancangan kerajaan untuk mengadakan koperasi bagi menyatukan tanah-tanah yang pecah supaya ia dapat dikerjakan atas asas *economy of scale* dengan lebih efisien, dengan menggunakan teknologi dan sebagainya. Itu yang pertama.

Keduanya dalam bidang pemasaran, kita dapati bahawa sekarang ini ada persaingan dan kadang-kadang monopoli oleh orang tengah dan sebagainya terhadap pemasaran bagi hasil-hasil pertanian. Jadi, saya ingin tahu adakah misalannya usaha-usaha untuk dijalankan dalam kawasan yang tertentu bagi bekalan-bekalan keperluan kawasan tani seperti baja, benih dan sebagainya dilakukan, dilaksanakan oleh koperasi dan juga bagi pembelian hasil pertanian dan penjualan hasil pertanian yang dilakukan oleh koperasi yang boleh dikatakan mengganti sama sekali orang tengah yang sekarang ini hendak ditangani oleh pemerintah dengan lebih berkesan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali yang telah membuat soalan tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator memang banyak fungsi yang telak dilaksanakan oleh koperasi-koperasi yang wujud di seluruh negara. Apa Yang Berhormat menyebut, mengenai dengan fungsi pertanian. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa fungsi pertanian ini kita mempunyai lebih daripada 2,547 buah koperasi yang terlibat secara langsung dalam bidang pertanian itu bagi segi luaran dan di sekolah pun ada enam buah koperasi yang terlibat dalam bidang pertanian. Bagi bidang-bidang yang lain, kita ada perumahan, perindustrian, dalam pemasaran Yang Berhormat sebut tadi ada 253 buah koperasi yang kita mempunyai lebih daripada 18 ribu orang anggota yang terlibat dalam perindustrian dan begitu juga pengguna, pengangkutan, perkhidmatan dan banyak fungsi yang telah koperasi-koperasi ini terlibat.

Kalau dalam contoh bagi segi pengeluaran pertanian, pengeluaran segar iaitu sayur-sayuran, ikan dan sebagainya, kita mempunyai dan di tiap-tiap negeri ada koperasi-koperasi yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran segar ini. Di Selangor saja ada tiga buah koperasi, di Johor, di Kedah, di Perak dan sebagainya. Jadi, semua koperasi ini berfungsi seperti Yang Berhormat sebut tadi dan di dalam bidang pertanian mereka juga terlibat bagi membekalkan baja, benih dan sebagainya kepada ahli-ahli koperasi di bawah koperasi masing-masing. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maka dengan jawapan yang diberi Yang Berhormat Menteri tadi. Setakat itulah dulu sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan kita untuk hari ini. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**11.40 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya dan kuasanya dan perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkemas dan memperkukuh industri penerbangan negara, terdapat keperluan untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Penerbangan yang bebas dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya seperti yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang yang dicadangkan. Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa atau *international best practices*, dengan izin, dalam mengawal selia industri penerbangan. Skop, fungsi dan kuasa Suruhanjaya Penerbangan telah dirangka berdasarkan amalan terbaik antarabangsa oleh badan kawal selia negara-negara seperti di *United Kingdom*, Ireland, Australia, Singapura, Kesatuan Eropah dan juga Amerika Syarikat dan disuai padan dengan kehendak dan keperluan negara.

Suruhanjaya Penerbangan akan menjadi badan kawal selia ekonomi yang pertama di Asia Tenggara yang mengawal selia secara komprehensif industri dan pengguna dalam sektor penerbangan. Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan ini adalah satu badan kawal selia ekonomi akan memberi manfaat kepada industri penerbangan negara dan antara lain termasuklah terutamanya:

(i) mempertingkatkan kestabilan industri penerbangan;

(ii) kesaksamaan dan kesamarataan layanan kepada semua yang terlibat dalam industri penerbangan;

(iii) peraturan dan proses membuat keputusan yang jelas; dan

(iv) rangka kerja persaingan yang di suai padan dengan industri penerbangan untuk mewujudkan platform persaingan yang sihat, yang stabil dan mampan.

Suruhanjaya Penerbangan adalah bebas dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya serta mempunyai sumber kewangan sendiri untuk membiayai operasinya melalui hasil seperti fi perlesenan. Bagi memastikan Suruhanjaya Penerbangan melaksanakan fungsinya dengan cekap dan berkesan, Suruhanjaya Penerbangan akan merujuk isu-isu berhubung teknikal dan keselamatan kepada pihak Jabatan Penerbangan Awam. Selain itu juga, Suruhanjaya Penerbangan akan menjadi pemudah cara dan menyelaras apa-apa isu yang ingin diketengahkan oleh pihak industri kepada agensi kerajaan yang berkaitan dengan industri penerbangan negara.

Tadbir urus yang baik ataupun *good governance,* dengan izin, ialah asas utama Suruhanjaya Penerbangan. Dalam hal ini, penubuhan dan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya Penerbangan adalah berlandaskan prinsip kebebasan dan ketelusan. Dengan penubuhan Suruhanjaya Penerbangan, peranan Suruhanjaya Penerbangan, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Perkhidmatan Awam akan berubah seperti berikut:

(i) Suruhanjaya Penerbangan akan mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan negara. Antara lainnya perlindungan pengguna, penyelesaian pertikaian antara pemberi perkhidmatan berkaitan industri penerbangan dan persaingan dalam industri penerbangan.

Suruhanjaya Penerbangan juga berperanan untuk memberi nasihat dan maklum balas berhubung penggubalan dasar dan pelan pembangunan oleh Kementerian Pengangkutan dan perkara-perkara berkaitan seperti penguntukan hak trafik udara dan laluan obligasi perkhidmatan awam;

(ii) Kementerian Pengangkutan pula berperanan untuk menetapkan dasar dan pembangunan sektor penerbangan negara secara keseluruhan. Kementerian Pengangkutan akan terus menetapkan dasar berhubung penguntukan hak trafik udara, laluan obligasi perkhidmatan awam dan juga merundingkan perjanjian perkhidmatan udara dengan negara-negara lain; dan,

(iii) manakala Jabatan Penerbangan Awam berperanan mengawal selia perkara-perkara berhubung aspek teknikal dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai 14 Bahagian merangkumi 105 fasal, termasuk tiga Jadual.

Bahagian I, fasal 1 hingga 2, mengandungi tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan tafsiran. Akta ini akan mula berkuat kuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri. Menteri yang bertanggungjawab ke atas akta ini kelak ialah Menteri Pengangkutan.

Bahagian II, fasal 3 hingga fasal 16, memperuntukkan berhubung penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang selepas ini dirujuk sebagai Suruhanjaya. Suruhanjaya akan terdiri daripada tujuh hingga sembilan anggota-anggota seperti yang berikut:

(i) seorang Pengerusi Eksekutif yang dilantik oleh Perdana Menteri dan hendaklah terdiri daripada kalangan orang yang mempunyai pengalaman ataupun kepakaran dan profesionalisme dalam bidang ekonomi, kewangan, penerbangan, perniagaan, pentadbiran atau bidang-bidang yang relevan dalam pelaksanaan fungsi Suruhanjaya;

(ii) dua orang anggota wakil kerajaan ataupun *ex-officio*, dengan izin, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan juga Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri;

(iii) tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada enam orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri Pengangkutan selepas berunding dengan Perdana Menteri dan pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan ekonomi, kewangan, penerbangan, perniagaan, pentadbiran, undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.

Berhubung dengan wakil kerajaan, Perdana Menteri hendaklah melantik wakil ganti atau *alternate member*, dengan izin, untuk menghadiri mesyuarat Suruhanjaya sebagai wakil ganti sekiranya *ex-officio* tidak boleh menghadiri mesyuarat. Wakil ganti tersebut akan dianggap sebagai anggota Suruhanjaya.

Untuk memastikan anggota Suruhanjaya adalah bebas dan tidak mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan tugas sebagai anggota Suruhanjaya, mana-mana orang tidak boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya sekiranya dia memegang jawatan atau pekerjaan dalam atau yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan. Kedua, sekiranya dia terlibat dalam apa-apa perniagaan atau apa-apa aktiviti yang dijalankan bagi maksud keuntungan dalam atau yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan atau sekiranya dia terlibat atau menjadi terlibat dalam apa-apa aktiviti yang boleh mengganggu kebebasannya dalam menunaikan kewajipannya.

Mana-mana anggota Suruhanjaya selain anggota-anggota *ex-officio* tidak boleh selama ia menjadi anggota Suruhanjaya memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan sama ada yang dibayar saraan ataupun tidak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Perdana Menteri.

Tempoh pelantikan anggota Suruhanjaya tidak melebihi tiga tahun ataupun satu penggal dan layak untuk dilantik semula untuk tempoh maksimum dua penggal.

Mana-mana anggota Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatannya tidak boleh membuat apa-apa kontrak perkhidmatan atau melaksanakan apa-apa perniagaan atau aktiviti bagi tujuan keuntungan dalam atau berkaitan dengan industri penerbangan di Malaysia untuk tempoh dua tahun daripada tamatnya tempoh perkhidmatan tersebut ataupun dengan izin, *cooling-off period*.

Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu melaksanakan fungsinya dan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota dalam jawatankuasa tersebut. Anggota-anggota Suruhanjaya dan anggota-anggota jawatankuasa adalah tertakluk kepada Kod Tata Kelakuan dan apa-apa pelanggaran Kod Tata Kelakuan tersebut akan dirujuk kepada Panel Disiplin.

Bagi prosiding disiplin ke atas mana-mana anggota Suruhanjaya, Panel Disiplin akan terdiri daripada tiga orang anggota yang akan dilantik oleh Perdana Menteri manakala bagi prosiding disiplin ke atas mana-mana anggota jawatankuasa, tiga orang anggota akan dilantik oleh Pengerusi Eksekutif.

Bahagian III, iaitu fasal 17 hingga 22 memperuntukkan berhubungan fungsi dan kuasa Suruhanjaya dan Pengerusi Eksekutif. Fungsi-fungsi Suruhanjaya antara lain adalah seperti berikut:

(i) mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan termasuklah meningkatkan jaringan perhubungan secara global dan domestik bagi menggalakkan jaringan ekonomi, pembangunan, perdagangan, pelaburan dan pelancongan dan menggalakkan persaingan yang efektif dalam industri penerbangan;

(ii) menyediakan mekanisme perlindungan pengguna termasuklah menggalakkan persekitaran yang memberi pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang berpatutan kepada pengguna dan menyediakan mekanisme penyelesaian aduan pengguna;

(iii) menyediakan mekanisme penyelesaian pertikaian dalam kalangan pihak yang terlibat dalam industri penerbangan;

(iv) mengurus dan mentadbir penguntukan hak trafik;

(v) memantau penguntukan slot atau *slot allocation,* dengan izin, kepada syarikat penerbangan;

(vi) mengurus dan mentadbir obligasi perkhidmatan awam atau *public service obligation,* dengan izin; dan

(vii) sebagai pemudah cara dan penyelaras apa-apa perbincangan dalam kalangan pemberi perkhidmatan penerbangan antara pemberi perkhidmatan penerbangan dengan agensi kerajaan yang lain atau dalam kalangan agensi kerajaan.

**■1150**

Bagi maksud kuasa suruhanjaya secara umumnya, suruhanjaya mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah akta. Kuasa tersebut termasuklah mengenakan *fee* ataupun caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh suruhanjaya. Dalam pelaksanaan fungsinya, suruhanjaya hendaklah merujuk kepada Ketua Pengarah Penerbangan Awam berhubung apa-apa perkara yang melibatkan teknikal dan keselamatan ataupun perkara-perkara lain yang berkaitan. Ini adalah kerana perkara-perkara yang melibatkan teknikal dan keselamatan dalam industri penerbangan kekal di bawah bidang kuasa Jabatan Penerbangan Awam serta suruhanjaya tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Bahagian IV, fasal 23 hingga fasal 24 melibatkan peruntukan yang berhubung dengan pekerja atau pelantikan pekerja, syarikat perkhidmatan, tata kelakuan dan disiplin.

Bahagian IV, fasal 25 hingga fasal 34 melibatkan peruntukan berhubung kewangan. Terdapat dua kumpulan wang yang akan ditubuhkan iaitu:

(i) Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan yang digunakan bagi tujuan pembiayaan, pentadbiran dan operasi suruhanjaya. Antara sumber kewangan kumpulan wang ini termasuklah pendapatan daripada fi lesen atau fi lain, caj pentadbiran atau caj lain yang dikenakan oleh suruhanjaya; dan

(ii) Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam yang digunakan bagi tujuan membiayai apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh suruhanjaya bagi maksud mentadbir obligasi perkhidmatan awam. Antara sumber kewangan kumpulan wang ini ialah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi tujuan obligasi perkhidmatan awam dan apa-apa wang yang diterima oleh suruhanjaya bagi tujuan pembiayaan obligasi perkhidmatan awam.

Bagi memastikan ketelusan perbelanjaan daripada kedua-dua kumpulan wang ini, penyata akaun dan laporan kumpulan wang yang telah diaudit akan dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Bahagian VI, fasal 35 hingga fasal 46 memperuntukkan berkenaan rejim pelesenan dan kuasa suruhanjaya untuk mengenakan caj yang berkenaan. Rejim pelesenan di bawah bahagian ini melibatkan lesen perkhidmatan udara ataupun *air service license,* dengan izin, permit perkhidmatan udara ataupun *air service permit,* dengan izin, lesen pengendali aerodrom dan lesen pengendalian darat atau *ground handling,* dengan izin. Penetapan caj *aeronautical* antaranya, dengan izin, *passenger service charge*, caj keselamatan, fi pendaratan dan fi parkir atau *landing and parking charges,* dengan izin, yang kini dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan di bawah Akta Penerbangan Awam 1999 dan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 akan diletakkan di bawah bidang kuasa suruhanjaya.

Bahagian VII, fasal 47 hingga fasal 65, peruntukan berkenaan persaingan. Rejim anti persaingan yang dikawal selia adalah larangan terhadap perjanjian anti persaingan, larangan terhadap penyalahgunaan kedudukan dominan dan kawalan penggabungan. Pada masa ini, persaingan dikawal selia oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia di bawah Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*] dan dengan penubuhan suruhanjaya, fungsi kawal selia persaingan bagi industri penerbangan akan diletakkan di bawah suruhanjaya. Sehubungan itu, pemakaian Akta 712 akan dikecualikan kepada industri penerbangan yang akan dikawal selia oleh suruhanjaya. Pengawal seliaan persaingan sektor penerbangan merupakan suatu perkara yang kompleks dan rumit yang memerlukan pengetahuan dan kepakaran yang mendalam.

Dengan pelaksanaan Dasar Langit Terbuka ASEAN atau *ASEAN Open Sky,* dengan izin, kelak ia akan meningkatkan lagi keperluan untuk mengawal selia persaingan dalam industri penerbangan khususnya untuk menangani isu-isu berkaitan dengan kerjasama dan penggabungan antara syarikat penerbangan dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Dalam hal ini, Akta 712 tidak mengandungi peruntukan penggabungan yang merupakan elemen penting dalam pengawal seliaan persaingan antara syarikat penerbangan. Walau bagaimanapun bahagian ini tidak terpakai bagi aktiviti komersial, perjanjian atau penggabungan seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga iaitu antaranya sebarang perjanjian yang telah dibuat dengan kerajaan dan perjanjian yang melibatkan obligasi perkhidmatan awam.

Bahagian VIII, fasal 66 hingga 67 ialah peruntukan berkenaan hak trafik dan penguntukan slot. Bagi maksud penguntukan hak trafik, suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mentadbir dan mengurus penguntukan hak trafik yang diperoleh oleh Kementerian Pengangkutan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Bahagian IX, fasal 68 ialah peruntukan berkenaan obligasi perkhidmatan awam.

Fasal ini antara lain memperuntukkan suruhanjaya akan mengenal pasti kriteria yang diguna pakai dalam menentukan laluan obligasi perkhidmatan awam dan membuat penilaian jumlah perbelanjaan yang perlu dibuat dari Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam bagi memastikan laluan obligasi perkhidmatan awam adalah berdaya maju kepada syarikat penerbangan.

Bahagian X, fasal 69 hingga fasal 73 ialah peruntukan berkenaan perlindungan pengguna. Bagi perlindungan pengguna, fungsi memproses dan menyelesaikan aduan pengguna merupakan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*]. Dengan penubuhan suruhanjaya, sebarang aduan dan tuntutan pengguna mengenai perkhidmatan penerbangan akan dibuat kepada suruhanjaya. Dalam hal ini, suruhanjaya akan mewujudkan kod pengguna yang perlu dipatuhi oleh pihak yang memberikan perkhidmatan dalam industri penerbangan.

Bahagian XI, fasal 74 hingga fasal 78 ialah peruntukan berkenaan penyelesaian pertikaian antara pemberi perkhidmatan. Menjadi prasyarat bahawa apa-apa pertikaian yang dirujuk kepada suruhanjaya hendaklah diselesaikan melalui proses mediasi dalam tempoh 30 hari atau tempoh masa yang lebih panjang yang dipersetujui oleh suruhanjaya. Sekiranya pihak-pihak gagal untuk mencapai sebarang penyelesaian, suruhanjaya akan mendengar pertikaian tersebut.

Bahagian XII, fasal 79 hingga fasal 87 ialah peruntukan berkenaan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan oleh suruhanjaya. Suruhanjaya boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawainya untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah akta yang dicadangkan. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran.

Bahagian XIII, fasal 88 hingga fasal 99 ialah peruntukan am. Bahagian ini antara lain memperuntukkan seseorang yang terkilan dengan keputusan suruhanjaya di bawah Bahagian VI iaitu berhubung persaingan, boleh membuat rayuan pada Mahkamah Tinggi dalam masa tiga bulan daripada tarikh keputusan itu diberitahu kepadanya. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa suruhanjaya untuk menjalankan atau melantik seorang juruaudit untuk menjalankan suatu audit ke atas mana-mana aspek industri penerbangan. Laporan juruaudit tersebut hendaklah dibentangkan oleh Menteri Pengangkutan dalam kedua-dua Majlis Parlimen.

Bahagian XIV, fasal 100 hingga fasal 105 ialah peruntukan peralihan dan pengecualian, dengan izin, *transitional provision* yang memperuntukkan antara lain:

(i) mana-mana orang yang memegang lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta Penerbangan Awam 1999 atau Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 atau melalui apa-apa hak trafik yang diperuntukkan kepadanya sebelum tarikh kuat kuasa akta dibenarkan sehingga tamat tempoh lesen atau permit tersebut untuk terus melaksanakan perkhidmatan;

(ii) Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar yang dibuat antara kerajaan dengan MASwings Sdn. Bhd. hendaklah terus berkuat kuasa dan dipantau oleh suruhanjaya; dan

(iii) mana-mana pihak yang dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa perkhidmatan atau aktiviti di bawah perjanjian obligasi perkhidmatan awam atau perjanjian konsesi akan terus melaksanakan perkhidmatan tersebut sehingga tamat tempoh perjanjian tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali rang undang-undang ini akan melibatkan pemberian geran pelancaran atau *launching grant,* dengan izin, sebanyak RM90 juta kepada suruhanjaya bagi dua tahun pertama operasinya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian terima kasih.

**■1200**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bersama suatu akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya membuka ruang untuk Yang Berhormat berbahas, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa ada bersama kita di dalam Dewan yang mulia ini pemuda-pemuda Persatuan Tionghoa Johor Bahru seramai 31 orang *[Tepuk]* Sebelum itu juga saya ingin memperingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa mana-mana Yang Berhormat yang ingin membahaskan segala rang undang-undang yang akan kita bahaskan, sila kemukakan nama Yang Berhormat kepada saya sekarang supaya senang kita mencatur masa pada hari ini. Kita bermula dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

**12.01 tgh.**

**Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas penubuhan Suruhanjaya Penerbangan 2015 ini. Istimewa pula dalam masa setahun dua ini memandangkan tragedi *MH370, MH17, AirAsia, Germanwings* dan baru-baru ini tragedi helikopter saya rasa tidak sampai sebulan.

Saya ada beberapa perkara yang saya hendak bangkit. Yang pertama sekali ialah keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, keselamatan semasa kita berada dalam kapal terbang 100 peratus di dalam tangan kapten dan penolongnya dalam *cockpit*. Dalam tragedi Germanwings, dengan izin, baru-baru ini telah terbukti bahawa jika hanya seorang sahaja berada dalam *cockpit*, istimewa pula kita mempunyai alat-alat yang canggih.

Dia boleh *switch*, satu *switch* sahaja dan kapal terbang boleh menjunam dan tragedi yang amat sangat telah berlaku. Oleh sebab itu saya fikir salah satu daripada fungsi yang utama yang pertama Suruhanjaya ini patut buat ialah untuk menentukan *at anyone time* dalam satu masa kita mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang dalam *cockpit*. Kalau kapal terbang yang besar boleh jadi lebih daripada 1 orang. Walaupun misalnya kapten dalam tragedi Germanwings dia hendak pergi tandas dan tinggal seorang situ. Secara kebetulan pula, ini dalam perkara yang tamadun.

Orang yang mengambil alih pada masa itu mempunyai masalah mental. Ahli-ahli Yang Berhormat tahu apa yang terjadi. Itu pun tragedi itu terjadi jatuh dalam gunung-ganang. Bayangkanlah kalaulah kapal terbang itu jatuh di dalam Bandar New York ataupun di Kuala Lumpur sendiri bukan sahaja tragedi itu ataupun penumpang-penumpang dan anak kapal yang terkorban, tetapi juga orang-orang awam *on the ground*. Jadi saya haraplah fungsi utama ini dapat dilihat iaitu menentukan cara-cara ataupun kalau perlu undang-undang yang boleh kita pastikan sekurang-kurangnya dua orang mesti berada di dalam *cockpit* pada satu masa...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah dan ingin mohon penjelasan Yang Berhormat Tan Sri. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana telah membawa satu isu yang cukup penting dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menyampaikan tadi.

Cuma, adakah Yang Berhormat Tan Sri setuju *one time,* dengan izin, dahulu kalau di *cockpit* ini kita ada *flight engineer,* dengan izin, tetapi hari ini dengan kapal terbang yang cukup canggih maka peranan dan fungsi *flight engineer* tidak lagi berada hanya *pilot* dan *co-pilot*.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tan Sri bahawasanya mesti difikirkan bagaimana kaedah lain yang boleh kita dapat atau kita cari supaya perkara seperti yang berlaku di Germanwings dan sebagainya tidak berulang dalam negara kerana ini melibatkan nyawa orang awam juga. Jadi adakah Yang Berhormat Tan Sri bersetuju kalau sekiranya macam tidak silap saya Airbus A380 ada empat *one time* dia ada dua set krew. Bermaksud kalau seorang ini mempunyai penyakit kemurungan dan sebagainya, maka ada orang lain yang boleh mengambil alih dalam keadaan-keadaan tertentu sebab risikonya terlalu besar kepada nyawa hampir kalau 380 ini 400 lebih berada di dalam pesawat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tan Sri nyawa kita ditentukan oleh pesawat. Apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri berkenaan cadangan ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju kalau kita ingat semasa 20, 30 tahun dahulu, dia ada *engineer* dalam setiap penerbangan istimewa pula penerbangan yang jauh. Akan tetapi sekarang saya fikir *engineer* ini tidak lagi dipaksa berada dalam kapal terbang. Perkara ini saya harap suruhanjaya dapat berbincang dengan negara-negara lain untuk menentukan keselamatan dan sebagainya untuk penumpang-penumpang ini akan terjamin. Terima kasihlah atas pandangan itu. Boleh jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain boleh memberi pandangan masing-masing. Satu lagi perkara...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak mencelah?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya dengar tadi berhubung dengan keselamatan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri berhubung dengan keselamatan terutama penumpang. Kita sebagai penumpang ini memang tidak tahu apa-apa hendak buat. Kalau naik kereta itu boleh juga agak-agak. Kalau naik bas. Jadi saya melihat kalau kita naik kapal terbang, maka satu taklimat berhubung dengan keselamatan akan diberikan oleh pramugari atau pramugara dalam *flight* itu.

Namun begitu, saya berpendapat tidak ramai orang yang faham sangat pun. Kalaupun boleh buat mungkin dalam keadaan tergesa-gesa menjadi panik. Selain daripada cara yang telah dilakukan, mungkin ada lagi cara lain atau apa-apa yang boleh difikirkan oleh suruhanjaya ini. Satu lagi yang saya hendak bangkitkan juga kita kalau sesetengah penerbangan apabila hendak mulakan penerbangan dia ada berdoa supaya ingat kita ini duduk dalam keadaan yang mungkin bahaya dan kita ini mungkin tidak.

**■1210**

Akan tetapi kita selalu ingat bahawa kita adalah dalam keadaan-keadaan yang perlu beringat. Jadi kapal terbang kita tidak ada benda itu dan belum ada. Saya harap dengan jawatankuasa suruhanjaya baru ini yang akan ditubuhkan ini, perkara itu boleh ditengok dan ditambah baik. Terima kasih. Apakah pandangan?

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih atas cadangan itu. Saya fikir Menteri pun nampak ada catat, cadangan itu cadangan yang baik dan saya fikir ada syarikat-syarikat penerbangan istimewa pula daripada Timur Tengah yang mengadakan doa itu. Boleh jadi MAS, *AirAsia* boleh berbuat demikian.

Keduanya yang saya hendak bangkitkan ialah masalah kemalangan kapal terbang ini ada yang pertama sekali kapal terbang itu sendiri ataupun *mechanical problem*. Yang kedua, cuaca dan yang ketiganya ialah kecekapan, kebolehan *pilot* itu sendiri. Kita tahu masa *Germanwings* dulu, *pilot* ataupun penolong *pilot* yang berada semasa tragedi itu ialah seorang yang telah diperiksa oleh doktor dan mempunyai masalah mental.

Jadi saya harap suruhanjaya ini akan membuat peraturan-peraturan yang tertentu berhubung dengan pemeriksaan doktor.

Kononnya *pilot Germanwings* ini telah pergi pemeriksaan doktor tetapi surat pemeriksaan itu diserahkan kepada dia dan dia tidak serahkan kepada syarikatnya. Oleh sebab itu peraturan-peraturan yang tertentu, yang ketat mestilah dibuat dari semasa ke semasa supaya *pilot-pilot* ini, juruterbang ini diberi pemeriksaan doktor dan menentukan bahawa mereka itu berhak ataupun kesihatannya sempurna sebelum dia diberi tugas untuk membawa penumpang-penumpang itu.

Juga daripada segi keselamatan. Saya nampak cara pemeriksaan di lapangan-lapangan terbang Malaysia ini kalau dibandingkan di Australia, New York dan London, nampaknya *lack* sedikit. Saya ada nampak istimewa pula bukan KLIA ini, di lapangan-lapangan terbang yang di luar dari Kuala Lumpur ini. Kadangkala saya nampak ada penumpang-penumpang yang diberi laluan, tidak payah diperiksa pun. Jadi saya fikir dan saya harap perkara ini dapat dilihat kembali oleh suruhanjaya supaya cara pemeriksaan ini dibuat dengan lebih teliti. Kadang-kadang mesin, istimewa pula saya selalu balik ke Kota Bharu, pergi Alor Setar, kadangkala mesin itu tidak- *not in working order*. Sudahlah *queue* panjang, apabila *queue* panjang ini, dia nak *rush* dan sebagainya, maka pemeriksaan itu tidak teliti. Saya harap sebelum apa-apa yang tidak patut terjadi dapat dibendung sebelum ia terjadi.

Ketiga, saya hendak bawa berhubung dengan pengendalian lapangan terbang kita. Istimewa pula yang telah dibawa, yang telah disebut semasa soal jawab berhubung dengan KLIA2 ini. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah pada *Malaysia Airport* kerana mencatat keuntungan yang banyak dan nampaknya mendapat kepercayaan daripada negara-negara lain. Saya fikir *Malaysia Airport* kita ini bukan saja mengendalikan *airport* kita di negara tetapi telah dijemput untuk mengendalikan *airport-airport* di Turki dan sebagainya. Saya ucapkan tahniah. Akan tetapi saya hendak sebut sedikit berhubung dengan penyewaan di KLIA2 ini.

Pada satu ketika, saya diberitahu bahawa KLIA1 berbangga kerana sewa yang dikenakan di KLIA1 ini lebih tinggi daripada sewa ruang niaga di KLCC. Dapat untung banyaklah. Akan tetapi bila dibuat KLIA2 ini, saya fikir kajian sepenuhnya tidak dibuat. Berhubung dengan *tenants mix.* Kalau banyak F&B itu, F&B saja dan sebagainya tidak mengambil kira bahawa KLIA2 ini- saya sendiri tidak pernah lagi, sejak dibuka ini tidak pernah lagi pergi ke KLIA2. Saya diberitahu bahawa kalau F&B itu terlampau banyak jual nasi lemak dan sebagainya, saya fikir daripada segi *tenants mix* ini kena fikir betul-betullah.

Saya fikir kajian yang sepatutnya dibuat sebelum ia berapa yang hendak disewakan dan sebagainya kerana keuntungan semata-mata mestilah jangan hanya kriterianya. Ia untuk memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang bukan sahaja di dalam negeri tetapi yang lebih-lebih lagi di luar negara. Saya fikir perkara ini patutlah dilihat kembali supaya penyewa-penyewa di KLIA2 ini tidak gulung tikar selepas hanya berniaga di sana enam bulan ataupun setahun kerana sewa yang dikenakan terlampau tinggi.

Ketiga yang terakhir kerana saya tidak mahu berucap panjang. Saya fikir ramai Yang Berhormat hendak bagi komen. Masalah syarikat penerbangan kita yang didaftar negara. Yang ini yang kita tahunya ialah *AirAsia* dan MAS. Seperti yang kita tahu MAS ini mempunyai sejarah yang panjang. Ia dimulakan semasa *Malaysia-Singapore Airlines* lagi, sejarah yang panjang dan mempunyai pengalaman yang banyak. Akan tetapi saya nampak apabila satu-satu keputusan untuk membuat berhubung dengan cara pengendalian MAS ini, kita buat keputusan ini tidak begitu mendalam. Seperti yang kita tahu mula-mula MAS apabila kita *separate* dengan *Singapore Airlines*, dipunyai oleh kerajaan sepenuhnya. Kemudian di*privatize*kan yang kita tahu sejarahnya. Selepas diambil alih daripada di*privatize*kan, maka mula-mula okeylah.

Kemudian kita melalui kerugian yang begitu banyak Yang Berhormat semua tahu. Akhir-akhir ini kerajaan telah memikirkan dengan panjang lebar dan saya berharaplah bahawa dengan kendalian ini yang saya fikir Yang Berhormat Menteri pun terlibat, maka MAS dapat dipulihkan kembali. Akan tetapi yang saya hendak ingatkan kepada pemimpin-pemimpin kita, apabila hendak membuat satu-satu keputusan, janganlah hanya satu dua faktor sahaja dibuat. Mestilah mengambil faktor-faktor yang lebih serius untuk memandang 20, 30 atau 100 tahun akan datang. Saya tahu banyak syarikat penerbangan di luar negara pun mempunyai masalah tetapi masalah MAS ini unik kerana keputusan yang dibuat kadangkala tidak betul. Oleh sebab itu saya berharap...

**Tuan Chong Sin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Tuan Chong Sin Woon:** Sini, depan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Sila.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat berkenaan dengan kerugian MAS. Selalu saya baca artikel antarabangsa mengatakan bahawa Malaysia tidak kurangnya pakar mengurus. Kalau kita merujuk kepada Petronas, antara *Forbes 500* buah syarikat terbesar di dunia boleh diurus tadbir oleh rakyat Malaysia.

**■1220**

Akan tetapi kenapa apabila dilihat dari sudut Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), beberapa kali kita menghadapi kerugian yang besar? Sama ada kerugian ini pada pandangan Yang Berhormat Tan Sri adalah kerana campur tangan politik kerajaan ataupun kroni kalau berbanding dengan Petronas? Apakah yang ditulis dalam artikel seperti itu benar atau tidak pada pandangan Yang Berhormat Tan Sri? Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Dengan izin, *a combination of all,* politik dan juga- tetapi salah satu daripada masalah kita. Kalau Yang Berhormat tengok kepada syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan kita, mengapakah Petronas *is so successful*? Ini kerana kita ambil orang yang mentadbirkan Petronas itu dengan betul-betul.

Ini saya nak cerita lah berhubung dengan MAS. Saya diberitahu ini cerita ini dah 10 tahun, 20 tahun. Ada seorang ahli politik yang berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan mintalah Yang Amat Berhormat jadikanlah saya Ahli Lembaga Pengarah. Bukan kerana kecekapannya, kerana tiap-tiap tahun saya ada peluang pergi ke London, jumpa anak-anak saya di London. Dia minta dengan itu. Ini saya diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu.

Jadi kalaulah kita buat begitu, maka tidak ada syarikat-syarikat kita yang akan berjaya. Akan tetapi, kita mempunyai syarikat-syarikat yang berjaya. Khazanah *is very well run.* Kerana apa? Oleh sebab orang yang betul-betul berpengalaman dilantik. Seperti kata Petronas, pun berjalan dengan lancar. Sime Darby pun sama. Akan tetapi, kalaulah kita lantik orang-orang yang tidak berpengalaman dalam sektor-sektor yang tertentu, oleh sebab itu- ini nak tegurlah sedikit pucuk pimpinan. Apabila nak lantik orang itu, lantiklah orang yang betul. Macamlah juga kita nak lantik calon di dalam dua pilihan raya kecil yang kita adakan. Lantiklah orang-orang yang betul-betul membuat fungsi Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat yang boleh memberi sumbangan kepada rakyat. Bukannya kerana kroni kah dan sebagainya. Saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang nak mencelah Yang Berhormat.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Ini nampak popular subjek ini.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri. Cuma saya nak bertanya Yang Berhormat Tan Sri, apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri mengenai, satunya, macam Yang Berhormat menyatakan bahawa kita perlu letak orang yang mempunyai latar belakang yang bersesuaian pada GLC yang bersesuaian dengan kelulusan dan pengalaman. Kalau orang itu pengalaman dalam perumahan, janganlah kita letak di penerbangan. Jadi dengan izin, kita *should do what we are good at*. *Put somebody* yang *good at certain things to be at certain place*. Itu satu.

Yang kedua, apa pandangan Yang Berhormat, ada kalanya GLC ini dia letak *Chairman,* Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam tempoh masa yang terlalu lama. Jadi bila terlalu lama, ideanya pun dah berkurangan. Benda yang sama.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai tempoh masa Ahli Lembaga Pengarah dan juga Pengerusi yang terlalu lama?

Ketiganya, satu sahaja lagi. Macam tender-tender yang diberi oleh MAS seperti tender makan dan semua ini, saya rasa perlukah ia tidak perlu ada campur tangan daripada segi politik atau kroni untuk memastikan apa sahaja yang kita buat keputusan itu tidak dipengaruhi dengan faktor-faktor yang lain? Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Dua perkaralah itu. Yang pertama yang orang lama sangat ini. Saya setuju. Akan tetapi orang-orang yang lama dalam pos-pos yang tertentu yang berjaya pun ada. Yang kita tak mahunya yang lama tapi tak berjaya. Jadi saya fikir perkara ini bolehlah dilihat. Orang yang boleh membuat kerja itu. Macam Yang Berhormat Menteri kita sendiri, *track record*nya di Maybank telah berjaya dan dia sekarang melihat kepada kedudukan kewangan negara. Itulah orang yang nak kita. Orang yang berpengalaman seumpama inilah.

Jadi saya haraplah perkara-perkara yang saya bangkit itu iaitu daripada segi keselamatan, daripada segi pengendalian *airport*, daripada segi masalah syarikat-syarikat penerbangan kita ini dapat memberi mukadimah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk membahaskan dengan seterusnya. Sekian, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang ini. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Bathmavathi Krishnan. Silakan Yang Berhormat.

**12.26 tgh.**

**Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menggubal Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Saya akan sentuh beberapa aspek. Satu, kemudahan bagi orang kurang upaya di lapangan terbang. Nombor dua, memantapkan aspek keselamatan penumpang, dan ketiga, aspek keselamatan persekitaran lapangan terbang.

Di bawah Bahagian III dalam rang undang-undang ini, di bawah fungsi Suruhanjaya, dinyatakan di bawah seksyen 17(1)(a)(iii), antara fungsi Suruhanjaya ialah untuk memajukan pengendalian aerodrom dan perkhidmatan pengendalian darat yang cekap, ekonomi dan menguntungkan. Dalam tafsiran aerodrom ini juga termasuk lapangan terbang. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa Undang-undang Kecil Bangunan Seragam juga meliputi bangunan lapangan terbang. Jadi saya harap kesemua lapangan terbang yang ada di Malaysia mengikut piawaian yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil itu. Saya amat berharap Suruhanjaya yang akan ditubuhkan itu akan juga memberi perhatian yang sewajarnya kepada kemudahan bagi orang kurang upaya di lapangan terbang.

Satu lagi, perenggan 17(1)(b) subseksyen (i) juga mengatakan tentang memperuntukkan suatu mekanisme bagi perlindungan pengguna dan ini termasuk untuk memajukan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam, mendapat akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan.

Juga, di Bahagian X, yang menyentuh tentang perlindungan pengguna. Seksyen 69(1) menyatakan bahawa... *[Membaca petikan]*

> *"Suruhanjaya boleh menetapkan suatu kod pengguna yang hendaklah disiarkan dalam Warta yang termasuklah kehendak mengenai dasar dan amalan minimum bagi:*
>
> *(a) memenuhi dengan munasabahnya kehendak pengguna."*

Mengenai pengguna di sini saya ingin menyentuh tentang pengguna OKU juga. Didapati bagi penerbangan, alat-alat seperti kerusi roda, biasanya dibawa dengan percuma.

Akan tetapi, ada suatu insiden pada tahun lepas, pada 11 Disember 2014 di mana dua orang penumpang yang berkerusi roda menaiki pesawat *AirAsia* dan mereka dikenakan caj RM60 setiap orang untuk membawa kerusi rodanya sendiri sebagai *check-in item*.

**■1230**

Ini saya rasa adalah tidak selaras dengan praktis dan saranan yang ditetapkan oleh IATA dan ICAO. Jadi saya harap Suruhanjaya yang akan ditubuhkan ini akan memberi perhatian supaya syarikat-syarikat penerbangan tidak mengingkari peraturan-peraturan yang sedia ada dan tidak dengan sewenang-wenangnya *impose* ataupun mengenakan caj-caj yang tidak sepatutnya. Ini membebankan pengguna terutama pengguna kerusi roda yang OKU.

Satu lagi, di KLIA2 kemudahan didapati tidak mesra pengguna. Baik bagi OKU yang berkerusi roda ataupun untuk warga emas. Beberapa orang warga Malaysia telah pun mengeluarkan rasa kesal dan rasa tidak puas hati dengan menulis surat kepada media, yang telah pun disiarkan. Salah seorang yang bernama Stenley Isaacs telah menceritakan bagaimana susahnya apabila dia membawa ibu dia yang seorang warga emas mengharungi jalan yang amat jauh dari tempat yang dia turun di KLIA sampai ke *gate* berlepas.

Dia mengalami kesusahan untuk mendapatkan sebuah kerusi roda. Tidak ada orang yang menolong beliau menyorong ibunya. Dengan *baggage* dia sendiri dia terpaksa menolong ibunya ke pesawat. Inilah antara masalah-masalah yang dihadapi oleh OKU dan warga emas di lapangan terbang.

Aspek kedua ialah keselamatan penumpang dalam penerbangan. Seperti kita sedia maklum insiden Germanwings baru-baru ini pada 24 Mac telah menunjukkan bahawa keadaan mental, keadaan kesihatan seorang pembantu juruterbang boleh menyebabkan nahas kapal terbang yang mengorbankan banyak orang penumpang- ini satu insiden yang amat menyedihkan. Mengikut Profesor Robert Bor seorang *Aviation Psychologist* yang telah mengeluarkan sebuah buku bertajuk, *"Aviation Mental Health Psychological Implications for Air Transportation"* menyatakan bahawa antara 0.72 peratus dan 2.4 peratus dari kesemua nahas penerbangan adalah disebabkan oleh pilot ataupun juruterbang yang dengan sengaja melakukan sesuatu untuk nahas itu terjadi ataupun dengan izin dikatakan *pilot suicide*. Nampaknya perkara ini makin meningkat. Dua hari dahulu seorang pilot di *Heathrow Airport* didapati dia mempunyai beberapa bilah pisau dan dia ditangkap dan penerbangan itu terpaksa ditunda.

Saya harap antara fungsi-fungsi yang akan dijalankan oleh Suruhanjaya yang akan ditubuhkan di bawah akta, ini aspek keselamatan penumpang diberi perhatian khusus, iaitu *priority* kepada keselamatan penumpang. Satu lagi insiden yang telah berlaku tidak lama dahulu, saya rasa sebulan dahulu ialah sebuah *drone* yang telah mencerobohi kawasan udara lapangan terbang di KLIA2 kalau tidak silap. Ini adalah suatu yang amat membimbangkan.

Apa kata kalau perkara yang tidak dingini berlaku. Kita selalu selepas sesuatu bencana berlaku, barulah kita ada kesedaran dan kita tergesa-gesa mencari sebab mengapa ia berlaku dan sebagainya. Jadi apa yang berlaku dengan *drone* ini pembuka mata, satu *eye opener,* dengan izin, untuk meningkatkan keselamatan di kesemua lapangan terbang di negara ini. Itu sahaja saranan saya dan respons saya dalam membahas Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih ke Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Silakan Yang Berhormat.

**12.36 tgh.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Alhamdulillahi robbilaalamin wabihinastain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana sekali lagi memberi peluang dan kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini bagi turut sama membahas Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang terus komited bagi memperkemas dan memperkukuhkan industri penerbangan negara khususnya untuk mengawal selia industri penerbangan awam dengan menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang bebas selaras dengan amalan terbaik antarabangsa termasuk dirangka berdasarkan atau berpandukan amalan terbaik antarabangsa daripada negara *United Kingdom*, Australia dan Kesatuan Eropah serta Amerika Syarikat.

Saya mengalu-alukan penubuhan Suruhanjaya Penerbangan ini Tuan Yang di-Pertua yang merupakan badan kawal selia ekonomi yang pertama di Asia Tenggara. Suruhanjaya ini bertanggungjawab mengawal selia secara komprehensif kepada industri dan pengguna dalam sektor penerbangan. Saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimanakah penubuhan Suruhanjaya Penerbangan ini mampu mempertingkatkan kestabilan industri penerbangan negara dan bagaimanakah penubuhan Suruhanjaya Penerbangan ini yang bertujuan mewujudkan platform persaingan yang sihat, stabil dan mampan di kalangan syarikat penerbangan tambang murah seperti *AirAsia, Firefly, Malindo* dan sebagainya yang didapati saling memanipulasi harga dan memonopoli destinasi penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kerajaan telah menggubal rang undang-undang ini dengan begitu komprehensif di mana rang undang-undang ini mengandungi 14 bahagian dan 105 fasal serta tiga jadual. Pertamanya, saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 5 berhubung dengan keanggotaan suruhanjaya dan yang mengandungi Pengerusi, Ketua Eksekutif yang dilantik oleh Perdana Menteri, KSU, Kementerian Pengangkutan, Ketua Pengarah EPU, Unit Perancang Ekonomi, JPM.

Suruhanjaya juga menetapkan anggota suruhanjaya mengandungi empat orang dan tidak lebih daripada orang yang dilantik oleh Menteri dengan persetujuan Perdana Menteri dengan menggariskan kriteria seperti pengalaman dan profesionalisme dalam bidang penerbangan, pentadbiran, perniagaan, undang-undang dan lain-lain yang berkaitan dengan fungsi suruhanjaya.

**■1240**

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan perenggan 5(3) iaitu mengenai beberapa syarat anggota suruhanjaya supaya tidak memegang jawatan atau pekerjaan yang terlibat dalam industri penerbangan bagi memastikan Suruhanjaya Penerbangan ini dapat melaksanakan fungsi dan kuasanya dengan bebas dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Bahagian III, iaitu perenggan 17(1)(a) mengenai fungsi suruhanjaya untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri perhubungan awam termasuk (i) untuk memperbaiki perhubungan di peringkat global supaya menggalakkan pertalian ekonomi, integrasi dan pertumbuhan, pelaburan dan pelancongan.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah status dan kedudukan industri penerbangan Malaysia di peringkat antarabangsa dan global serta sejauh manakah Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015 mampu meningkatkan kerjasama dan kolaborasi dalam industri penerbangan di peringkat ASEAN?

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perenggan 17(1)(b) yang memperuntukkan mekanisme bagi perlindungan pengguna termasuklah memudahkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam untuk mendapat akses dengan telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang berpatutan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh mana kerajaan memantau kos-kos tersembunyi yang dikenakan oleh syarikat penerbangan terutamanya syarikat penerbangan tambang murah masa kini dan apakah langkah kerajaan bagi memastikan syarikat penerbangan tambang murah mengikut jadual masa penerbangan yang ditetapkan memandangkan sering kali syarikat penerbangan *AirAsia, Firefly* tidak menepati jadual masa penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan tentang sumber kewangan Suruhanjaya Penerbangan ini yang dijangka melalui kewangan sendiri iaitu hasil seperti *fee* pelesenan. Saya ingin mendapatkan penjelasan berapakah anggaran pendapatan atau hasil Suruhanjaya Penerbangan ini melalui *fee* pelesenan ini? Apakah jaminan kerajaan penubuhan suruhanjaya ini tidak akan meningkatkan harga tiket penerbangan dan berapakah anggaran perbelanjaan tahunan suruhanjaya ini dan apakah langkah kerajaan bagi memastikan suruhanjaya ini mempunyai kewangan yang stabil dan kukuh untuk diurus tadbirkan?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap Suruhanjaya Penerbangan ini akan dapat memantau prestasi syarikat-syarikat penerbangan khususnya syarikat penerbangan tambang murah bagi memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan setanding dengan harga atau bayaran yang dibayar oleh pengguna. Itu sahaja perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Silakan Yang Berhormat.

**12.44 tgh.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih atas peluang untuk turut mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Kalau kita lihat daripada segi tajuk rang undang-undang ini untuk objektif penubuhan suruhanjaya ini adalah untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubung dengan industri penerbangan awam mengawal selia.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas saya akan menyentuh tiga atau empat perkara secara ringkas dengan niat supaya dapat tambah baik cadangan yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Akan tetapi pertama sekali saya mengalu-alukan rang undang-undang ini seperti ahli yang sebelum ini pernah cakap sebelum ini tidak ada rang undang-undang untuk mengawal penerbangan awam.

Isu yang pertama sekali yang saya keliru sedikit ialah isu sama ada suruhanjaya yang dicadangkan itu akan memainkan peranan *regulatory* atau akan ambil peranan MAB, sama ada akan ambil alih peranan MAB. Pada pandangan kasar saya nampak macam suruhanjaya ini akan main peranan *regulatory* MAB dengan DCA atau Jabatan Penerbangan Awam masih akan kekal tetapi kekeliruan saya ialah kerana terdapat fasal 100, dengan fasal 102.

Kalau kita tengok fasal 100 dan fasal 102 peranan pelesenan dan sebagainya akan diambil alih oleh suruhanjaya yang dicadangkan itu. Jadi itu satu keraguan yang saya ada sama ada peranan DCA akan dikurangkan selepas penubuhan suruhanjaya yang dicadangkan ini. Itu satu. Akan tetapi kalau suruhanjaya yang dicadangkan itu akan ambil peranan, akan main peranan untuk mengawal selia kedua-dua badan sama ada Jabatan Penerbangan Awam ataupun MAB maka saya ingin membuat sedikit cadangan. Satu kalau kita lihat berkenaan dengan MAB. Sebelum ini kalau kita lihat MAB ada banyak kelemahan terutama daripada isu KLIA2 kalau kita tengok daripada segi kos *over run, delay, sinking taxi way,* dengan izin, air bertakung dan sebagainya.

Jadi kalau suruhanjaya ini akan main peranan menyelia DCA, saya harap boleh menentukan dengan KPI yang jelas supaya kedua-dua iaitu DCA dan juga MAB.

Fasal kalau kita lihat daripada segi MAB tadi saya sudah sebut, daripada segi DCA pun sebelum ini ada banyak kelemahan kalau kita tengok daripada segi *tracking* masa kejadian MH370 dan juga sistem radarnya. Jadi kalau peranannya untuk menyelia saya cadangkan supaya ada KPI yang *clear*. Itu satu, isu yang pertama.

Isu yang kedua ialah kepada siapa suruhanjaya ini akan melapor? Sama ada melapor pada Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Pengangkutan? Kefahaman saya ia akan melaporkan pada Jabatan Perdana Menteri kalau betul kefahaman saya, soalan saya ialah kenapa bukan kepada Kementerian Pengangkutan? Fasal kalau kita lihat secara am sedikit demi sedikit semua peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pengangkutan telah keluar dari Kementerian Pengangkutan. Contoh pengangkutan darat telah diambil alih walaupun daripada segi *regulatory* dan sebagainya telah diambil alih oleh SPAD. Pelabuhan kebanyakan pelabuhan kecuali Pelabuhan Klang telah diswastakan. Sekarang penerbangan awam pula dikeluarkan dari Kementerian Pengangkutan.

Itu isu pertama tetapi berkaitan dengan isu ini pada saya telah banyak sangat suruhanjaya diletakkan di bawah penjagaan Jabatan Perdana Menteri. Saya risau, *concern* saya sama ada ia boleh beri tumpuan atau tidak fasal sekarang pun sudah banyak sangat suruhanjaya di bawah Jabatan Perdana Menteri. Itu satu. Akan tetapi faktor yang lain ialah kalau kita letak suruhanjaya ini di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi agensi-agensi yang lain seperti Jabatan Penerbangan Awam, MAB dan sebagainya masih ada di bawah Kementerian Pengangkutan. Jadi daripada segi *coordination* saya rasa ia akan menimbulkan sedikit isu. Itu perkara yang kedua.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan fasal 5, pelantikan Pengerusi Eksekutif. Kalau kita tengok fasal 5 sekarang kuasa atau dengan izin, *sole prerogative* untuk melantik Pengerusi Eksekutif ini terletak di tangan Perdana Menteri dan kalau kita tengok fasal 5 ini, ia tidak ada *specification* daripada segi *qualification* atau *experience* dan sebagainya. Jadi *literal translation* kalau kita ambil Perdana Menteri boleh lantik sesiapa sahaja dia hendak.

**■1250**

Pada saya, saya cuma harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh *exercise caution* sikit dalam isu ini. Satu, orang yang dilantik itu mesti ada sedikit pengalaman berkaitan dengan industri penerbangan, itu satu. Akan tetapi apa yang lebih penting lagi kalau kita tengok industri penerbangan sekarang banyak *stakeholders* yang terlibat dalam industri penerbangan. Kita tidak mahu keadaan di mana orang yang dilantik itu dia cuma jaga kepentingan satu *stakeholders*. Contohnya, saya boleh bagi contoh kalau sekarang kita tengok contoh KLIA2 ini, bila kita pergi KLIA2 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi tadi.

Kalau kita pergi KLIA2 jauh sangat *passenger* kena jalan- kalau *walkalator*. Ini saya berdasarkan pada hari itu semasa kita dapat *guided tour of* KLIA2 ini. Kalau ada *walkalator* pun bila sampai kawasan di mana ada kedai, tidak ada *walkalator* supaya kedai dapat perniagaan sikit. Pada saya ia mementingkan pihak-pihak tertentu. Jadi seruan saya ialah orang yang dilantik itu kena *consider* kesemua orang *stakeholders* termasuk *passengers*. Itu berkenaan dengan fasal 5.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan fasal 25 yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam semasa membentangkan rang undang-undang daripada aspek sumber kewangan. Kalau kita tengok fasal 25 akan mewujudkan satu Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan. Buat masa ini saya ingat bukan sahaja saya tetapi ramai Ahli Yang Berhormat masih belum *clear* dari mana akan datangnya suntikan ke kumpulan dua ini sama ada *government allocation*.

Akan tetapi kalau kita tengok kepada salah satu perenggan subseksyen 2, kalau kita tengok subseksyen 2 ini, perenggan 25 subseksyen 2 ini ia akan datang termasuk dari *fees* lesen dan sebagainya. Jadi soalan saya, adakah ia akan datang dari *airport taxes* atau *passengers service chargers*. Kalau betul ia akan datang dari *passengers service chargers* atau *airport taxes* dan saya ada banyak keraguan, fasal sebelum ini kalau kita tengok prestasi MAB dalam isu *airport tax* pun kurang memuaskan. Saya faham buat masa sekarang pun *AirAsia* sahaja, satu *airline* sahaja berhutang sampai RM50 *million*, *I* tidak tahu sama ada betul atau tidak betul sekarang ini.

Akan tetapi pada satu masa dulu, kalau tidak salah pada tahun 2010, *AirAsia* pernah hutang sebanyak RM120 juta, *late payment* untuk tempoh lima tahun. Pada masa itu kalau tidak salah MAB telah memberi diskaun sebanyak 25 peratus atau RM120 *million*.

Ini baru AirAsia. Saya tidak tahu sama ada terdapat lain-lain kapal terbang yang belum bayar *airport taxes* kepada MAB. Ini yang saya risau. Sebelum ini kalau kita tengok MAB, banyak kelemahan daripada segi aspek ini. Jadi saya harap suruhanjaya yang akan ditubuhkan itu tidak akan mengulangi kelemahan-kelemahan atau kesalahan yang dibuat oleh MAB sebelum ini.

Lagi satu daripada segi *airport tax* ini, *I* faham kalau sepatutnya diskaun yang diberi kepada *AirAsia* dan juga *airport tax* ini kita bayar semasa kita beli tiket. Akan tetapi kalau kita *don't fly*, sebenarnya *airport tax* ini kena dipulangkan kepada *passenger*. Akan tetapi dalam keadaan di Malaysia, *I* rasa *airport tax* ini sebab I tidak gunakan *airport* itu. *So*, kenapa I masih kena bayar kepada *airport tax*. Saya rasa *airlines* berkenaan ini buat untung yang sepatutnya balik kepada penumpang.

Ini sahaja empat lima isu yang *I* ingin sentuh berkenaan dengan rang undang-undang ini. Fasal banyak sangat telah ditimbulkan di Dewan Rakyat, *so* tidak guna hendak ulangi benda-benda yang sama. *So*, dengan ini saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita beralih seterusnya kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, silakan Yang Berhormat Senator.

**12.55 tgh.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk berbahas di dalam Enakmen Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan rang undang-undang yang amat penting pada hari ini berkaitan dengan industri penerbangan.

Seperti yang kita ketahui, rakyat semakin hari semakin terpaksa menggunakan penerbangan, oleh sebab ia lebih cepat dan pantas dan industri pergerakan manusia di dunia pun bertambah luas dan sektor ekonomi pun bertambah luas. Oleh sebab itu kita tidak boleh mengelakkan industri penerbangan akan terus menjadi pengangkutan utama di masa-masa yang akan datang. Saya lihat suruhanjaya akan dapat mengatasi masalah koordinasi, penyelarasan, pemantauan dan sebagainya. Ini kerana semua agensi semakin sibuk seperti MAB dan DCA.

Oleh sebab itu perlu satu mekanisme pemantauan, maka penubuhan suruhanjaya ini amatlah tepat dan amat diperlukan. Ada dua fungsi yang disebut. Satu, suruhanjaya hendaklah berunding dengan ketua pengarah penerbangan awam mengenai atau berhubungan dengan apa-apa isu teknikal, keselamatan, dan keamanan atau apa-apa isu yang berkaitan. Saya lihat dalam beberapa kes keselamatan tempoh hari, ada juga ruang-ruang kita boleh laksanakan mungkin dapat mengurangkan kes-kes *accident* seperti MH370, MH17, *AirAsia Indonesia, Germanwings* helikopter, bahkan juga terdahulu macam *SIA Singapore*.

Kita ambil contoh MH370. Difahamkan semasa MH370 itu hendak putar balik ke Lautan India, kita dapat kesan tetapi kita tidak ada *follow* dari belakang kerana ini penerbangan awam. Jadi kalau kita ikut belakang itu hari mungkin kita tahu ke mana MH370 pergi. Jadi dengan ada suruhanjaya ini saya fikir perkara ini patutlah kita perbaiki.

Kedua MH17, ia kena tembak kerana kita lalui kawasan bergolak. Walaupun ia dibenarkan melalui, hampir semua kapar terbang dunia lalu. Ada juga satu dua buah negara yang tidak lalu. Akan tetapi kalau kita ambil pendekatan tidak lalu itu hari mungkin kes ini dapat dielakkan. Jadi saya fikir suruhanjaya boleh mengkaji perkara ini untuk masa akan datang.

Ketiga AirAsia Indonesia. Difahamkan ia lalu waktu hari yang patut dia tidak terbang pada hari Ahad.

Jadi kalau itu hari dia ikut arahan, mungkin kapal terbang itu selamat sebab bila dia lalu tanpa arahan, bila dia hendak minta naik, kapal terbang lain sibuk. Jadi tidak dapat jawapan daripada *tower*. Hendak turun ada lagi kapal terbang di bawah. Jadi akhirnya dia terpaksa juga tempuh ribut petir. Ini juga patut dilihat oleh sebuah suruhanjaya macam yang sedang kita tubuhkan.

Keempat, *Germanwings*. Dilihat pilot ini sudah pernah ada isu kesihatan. Jadi kalau kita minta pilot yang ada doktor ini biar doktor itu *direct* dengan kita. Bukan doktor bagi kepada pilot. Jadi pilot dapat, disimpan dalam poket. Jadi akhirnya orang ramai yang menjadi mangsa. Begitu juga kalau kita tengok dulu kes SIA *Singapore*. Difahamkan pilot ini dia banyak berhutang. Jadi hutang punya fasal, penumpang jadi mangsa. Jadi yang ini patut kita kaji balik bagaimana kes-kes kalau ada pilot yang berhutang dan sebagainya walaupun dia sudah selesai hutang, yang ini eloklah suruh dia duduk bawa kereta sahaja lah jangan bawa kapal terbang.

Keenam, kes helikopter. Saya pernah naik helikopter ini pergi ambil Doctorate kehormat di Indonesia Pekanbaru bersama anak saya, isteri saya, pengarah hospital dan juga DO. Akan tetapi dia bagus tapi dalam kes terbaru ini dengar khabar dia tidak pakai *co-pilot*. Sepatutnya dia mesti ada *co-pilot*. Itulah yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim tadi, ia mesti satu kewajipan. Satu lagi saya difahamkan pilot ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, waktu kita sekarang tepat pukul 1.00 tengah hari. Jadi Yang Berhormat Senator boleh sambung balik sebelah petang nanti ya.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Boleh, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan sesi kita pagi ini hingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]***

**■1430**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

**2.32 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat tengah hari. Saya rasa Yang Berhormat semua telah pun berehat. Sekarang kita sambung semula majlis kita dengan mempersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, sambung.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada usul?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti. Tidak apalah. Ada usul kemudian sahajalah Yang Berhormat, selepas ini nanti. Selepas ini, kemudian sedikit. Silakan.

**2.32 ptg.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung sedikit lagi perbahasan saya berkaitan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Sebelum itu hendak ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Datuk Halimah yang belanja kita makan tengah hari.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku kemalangan helikopter yang mengorbankan sahabat kita Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis dan sahabat-sahabat lain baru-baru ini, ramai juga melihat kembali ciri-ciri keselamatan helikopter berkenaan. Saya dimaklumkan bahawa Kapten Cliff adalah antara *pilot* helikopter yang terbaik juga.

Macam saya sebut saya pun pernah terbang dengan beliau. Namun, apa yang telah berlaku ini ada berita-berita mengatakan beliau telah beli helikopter ini dan beliau juga jadi *pilot* serta beliau juga *maintain* helikopter ini.

Jadi kalau ketiga-tiga ciri-ciri ini dimiliki oleh seorang tuan punya, apakah ciri-ciri begini adalah selamat untuk dioperasi membawa penumpang-penumpang? Saya harap ciri-ciri ini dapat diperjelaskan supaya lain kali kita tidak takut naik helikopter. Ini kerana ramai kadang-kadang naik helikopter satu enjin ya. Yang Kapten Cliff punya ini ia mempunyai dua buah enjin. Difahamkan kalau ada *pilot* ataupun dengan adanya *co-pilot*, jika enjin terhenti, jadi *pilot* ini dia punya kerja hendak pastikan bahawa dia boleh *landing* di tempat-tempat yang teratur. *Co-pilot,* dia boleh *control* kipas itu supaya berhenti dengan betul, hendak *on-off*. Itulah gunanya *co-pilot.* Inilah yang banyak disebut kalau ada *co-pilot* pada hari itu.

Dengan itu, saya percaya dengan adanya suruhanjaya ini, suruhanjaya boleh panggil secara berkala semua operator, penguasa-penguasa dan sebagainya untuk mendengar apakah isu-isu yang dihadapi pada setiap bulan agar ciri-ciri keselamatan ini akan terus dapat ditingkatkan. Saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bila sudah jadi macam-macam ini semua orang sudah mula takut naik kapal terbang. Sekarang ini kalau bergoyang sikit, semua sudah boleh baca doalah.

Saya pun selalu naik AirAsia kerana banyak penerbangan sama ada dalam dan juga ke Indonesia. Dia kata *pilot AirAsia* ini kerjanya letih kerana baru tiba sahaja satu destinasi, tunggu satu jam sudah kena terbang semula. Jadi ada juga yang terpaksa berhenti. Apakah persepsi-persepsi ini benar ataupun tidak? Kalau ia tidak benar, ia patut diperjelaskan supaya orang ramai yakin bahawa ciri-ciri keselamatan penerbangan di negara kita memang selamat.

Sekarang kita juga dapat melihat. Dulu semasa berlaku keganasan *tower* di US, dan juga yang lain-lain, kita minta *pilot* kunci pintu dari dalam supaya pengganas tidak masuk dari luar. Sekarang pula lain. Dalam isu Germanwings, *pilot* hendak kunci dari dalam, *pilot* pula hendak keluar, jadi *co-pilot* pula buat hal dari dalam. Jadi kita hendak masuk pula sudah tidak boleh. Bagaimanakah tindakan akan datang? Kunci dari dalam untuk takut pengganas dari luar.

Sekarang, *pilot* pula buat hal di dalam *[Ketawa]* Jadi kita yang *pilot* keluar bilik air sudah tidak boleh hendak masuk. Apakah perkara-perkara begini sudah mula dibincangkan oleh pihak-pihak keselamatan penerbangan untuk kita bila hendak kapal terbang ini lebih yakin? Oleh sebab pada masa hadapan saya percaya, penerbangan di Malaysia akan terus meningkat bahkan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu hendak sentuh juga fungsi Suruhanjaya dalam bab 17 (1)(a)(i) iaitu salah satu kerjanya untuk memperbaiki perhubungan di peringkat global dan tempatan supaya dalam menggalakkan pertalian ekonomi, integrasi, pertumbuhan dan *trade* pelaburan dan pelancongan. Dengan adanya Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, dalam komuniti ASEAN lima tahun akan datang, saya percaya penerbangan akan bertambah rancak. Kita patut menjadikan Malaysia ini sebagai satu hab penerbangan rantau kita. Pendek kata, kalau orang hendak terbang di mana-mana di seluruh ASEAN, datang Kuala Lumpur, kita boleh menjadi *connectivity* yang terbaik.

Ini perlukan ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi di samping insentif-insentif daripada segi ekonomi untuk menjadi sebuah hab. Misalnya, macam banyak kita *complaint,* KLIA2 sewanya terlalu tinggi. Kita sudah sebut dengan adanya Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh panggil MAB. Kita tahu MAB untung RM1 bilion lebih. Jadi sepatutnya sewa bulan pertama sampai tahun yang pertama, kurang sikit. PUNB pun hendak pinjam kepada peniaga-peniaga pun susah juga.

Macam Dapur Nusantara, dia sudah belanja RM2 juta. Dia minta kita pinjam dengan dia, kita pun tidak berani untuk pinjamkan sebab dia meniaga di lantai yang ketiga, orang pun tidak ramai. Saya pun pergi makan tiga kali atau empat kali, tengok tidak boleh jalan. Dengar khabar, dapurnya pun sudah tutup. Akan tetapi sewanya berpuluh ribu sebulan dan ada yang beratus ribu. Ada yang kosong dan sebagainya dan banyak lagi yang telah tutup.

Oleh sebab itu saya cadangkan kita mesti ada macam *cross subsidy.* Tahun pertama rendah ataupun tiga bulan hingga enam bulan itu *free*, tahun kedua tinggi sikit. Jadi ia kena buat secara *gradual*. Akan tetapi ini kena ada Jawatankuasa. Kalau Jawatankuasa ini tidak ada, saya ingat MAB kira berapa hendak untung sahaja. Begitu juga macam di *airport* Melaka, sudah dapat *airport* tetapi kapal terbang tidak ada. Dulu AirAsia hendak turun. Dia minta bayar *landing fee*. Seorang kena bayar RM52.

**■1440**

Saya jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak potong separuh. Rupanya bila potong separuh, satu Malaysia dapat. Saya kata kenapa tidak bagi Melaka sahaja? MAB kata kita kena adil kepada semua, tetapi ini bermula Tuan Yang di-Pertua, patut bagilah *special* sikit yang dekat Melaka itu *AirAsia* minta RM8, jadi bagilah dia RM8 supaya banyak kapal terbang datang, orang terbang murah. Jadi bila banyak esok, baru naikkan balik RM26 sama *airport* yang lain.

Akan tetapi dasar MAB kalau Melaka RM26 satu Malaysia mesti RM26, tetapi saya baca laporan dia untung RM1 bilion lebih. Jadi cara begini *airport* Melaka satu tahun rugi RM4 juta – RM5 juta. Sekarang baru dapat balik kapal terbang *Malindo*. *AirAsia* masih belum mahu datang. Dulu ada *Riau Air*, *Riau Air* pun bankrap. Dulu ada *AviaAir, AviaAir* pun tutup. Dulu *even Berjaya* masuk, *Berjaya* pun berhenti.

Kalau kita tidak bantu saya percaya susah syarikat penerbangan untuk berdaya maju. Bila kita panggil *Malindo Air, Malindo Air* minta kerajaan negeri bayar dia satu tahun lebih kurang RM1 juta. Dulu saya pernah *subsidize* Firefly dua juta setengah. Habis setahun dua juta setengah *Firefly* kata tidak untung Datuk, dia pun tutup. Habis kita hilang dua juta setengah jadi tidak ada orang tolong dia buat promosi.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya mencelah Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tan Sri. Hendak mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ingin Mencelah kah?

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat berpandukan pada akta ini dan baru boleh. Jangan terlalu bawa perkara-perkara yang berlaku. Daripada segi dasar yang hendak dijadikan oleh suruhanjaya berasaskan pada yang di- Yang Berhormat beri pandangan. Kalau boleh yang berlaku hari-hari dan sebagainya kita kurangkan. Kita tahu tetapi kalau ada cadangan Yang Berhormat lebih baik saya alu-alukan. Silakan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Saya tahu saya sudah berucap pagi tadi. Akan tetapi berhubung dengan dasar *standardize charge* untuk *landing* ini, saya tidak setuju sama sekali Yang Berhormat sebab keadaan di tiap-tiap *airport* berlainan. Di Kota Bharu kita ada 36 *flight* sehari. Saya Melaka saya ingat tidak lebih 6-7 sahaja. Jadi kalau hendak buat semua sekali maka tidak lakulah *Airport* Melaka kepada penerbangan. Jadi saya berharap suruhanjaya ini akan dapat mempertimbangkan perkara ini, janganlah macam juga harga rumah pun sama sahaja macam mana? Terima kasih.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman bolehlah kita selalu ke Kota Baharu, bila kos penerbangan dia rendah. Sekarang ini baru ada Penang-Melaka-Pekan Baru, Indonesia balik-balik Melaka pergi ke Penang. Lepas itu Melaka pergi Kota Bharu, Kota Bharu balik-balik Melaka dia macam itu satu hari. Itu sahaja yang ada. Akan tetapi kalau *landing fee* ini ataupun *passenger fees* ini rendah sikit katakan RM8, saya percaya lebih ramai orang naik. Saya setujulah kalau dapat ini dipertimbangkan kerana lain tempat tentulah berbeza kos perjalanan dan juga penggunaan *airport* dan sebagainya. Itu sebab akhirnya MAB untung satu bilion lebih.

Akan tetapi dalam jangka masa panjang saya percaya ini dilakukan akhirnya *airport* Melaka akan mendapat keuntungan berbeza dengan kerugian pada hari ini.

Satu lagi promosi. Bila *airport* dah dibuka, *Malindo* sudah buka, tidak ada orang *promote*. *Malindo* dia *promote* dekat *airport* sahaja, dekat dalam bandar tidak ada apa-apa, dalam surat khabar tidak ada apa-apa, kerana dia hendak jimat kos. Dengan itu saya fikir Suruhanjaya Pengangkutan Udara ini esok penerbangan akan dapat melihat perkara ini. Supaya bila sudah ada penerbangan, *airport* berkenaan suruhanjaya boleh tolong promosikan. Carilah bagaimana kaedah dan sebagainya.

Dengan itu saya percaya suruhanjaya ini amat penting pada ketika ini untuk menjaga keselamatan dan juga dalam bidang ekonomi dan hubungan serantau dan juga antarabangsa. Saya berharap dengan adanya suruhanjaya ini, keselamatan penerbangan akan meningkat dan juga hubungan dalam Asian kita akan menjadi hab yang terbaik di samping *connectivity* di peringkat antarabangsa.

Dengan itu saya lagi sekali menyatakan penuh saya kepada rang undang-undang yang dibentangkan itu Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid.

**2.44 ptg.**

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.*

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Turut membahaskan rang undang-undang ini, saya menyokongnya dengan sepenuh hati. Akan tetapi saya hendak minta supaya suruhanjaya ini benar-benar berfungsi mengikut landasan yang telah ditetapkan dalam akta ini.

Kalau kita tengok daripada segi keanggotaan suruhanjaya ini dalam muka surat 12 akta ini, pengerusi eksekutif yang hendaklah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ada orang mempertikaikan kenapa mesti dilantik oleh Perdana Menteri. Tidakkah terbeban tanggungjawab Perdana Menteri yang kita tahu telah pun banyak tugasnya. Akan tetapi saya melihatnya di sudut yang positif oleh sebab suruhanjaya ini penting, maka Perdana Menteri mengambil tanggungjawab untuk menentukan kerjaya ini berjalan mengikut landasan yang telah ditetapkan.

Jadi maknanya kita mengingatkan awal-awal kepada sesiapa pengerusi eksekutif yang dilantik hendaklah menjalankan tugasnya dengan penuh amanah dan berkesan. Saya hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua bahawa suruhanjaya ini patut setiap tahun membuat laporan kepada Parlimen di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara supaya kami juga Ahli-ahli Dewan dapat mengikuti dan mengetahui apa yang telah dilakukan dan apakah kelemahan-kelemahan serta kita boleh memberi pandangan untuk penambahbaikan peranan suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kalau kita melihat pula muka 22, kuasa Suruhanjaya. Kita tengok- bukan kuasa dia, fungsi Suruhanjaya, muka surat 20. Dia sebenarnya tidak banyak fungsi ada tiga sahaja iaitu:

(i) banyak pecahan dia;

(ii) tertakluk pada akta ini suruhanjaya hendaklah bebas dalam melaksanakan fungsinya; dan

(iii) suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya hendaklah mengambil kira apa-apa perjanjian antarabangsa yang padanya Malaysia merupakan satu pihak dan hendaklah tidak bertindak berlawanan dengan obligasi antarabangsa atau kepentingan Malaysia.

Oleh sebab disebut dalam fungsi nombor satu di bawah (a) pecahan (i) untuk memperbaiki hubungan di peringkat global dan tempatan supaya dapat menggalakkan pertalian ekonomi integrasi dan pertumbuhan dan *trade* pelaburan dan pelancongan. Maka seorang pegawai eksekutif, pengerusi eksekutif itu hendaklah ada kemahiran yang mendalam dalam perkara-perkara yang telah ditentukan.

**■1450**

Jangan ambil pengerusi eksekutif semberono, nanti esok kita terpaksa pula tubuh suruhanjaya lain untuk menilai suruhanjaya ini. Saya rasa satu, memang ada kewajaran tepat pada masanya kita menubuhkan suruhanjaya ini oleh sebab insiden-insiden yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Dewan sebelum daripada ini. Akan tetapi dalam pada itu, kita mengharapkan supaya suruhanjaya ini mesti menjalankan satu tanggungjawab yang berkesan kepada negara Malaysia.

Kita nampak dalam perkara ini misalnya kita lihat di bawah ‘C’, fungsi suruhanjaya ialah memberikan suatu mekanisme bagi penyelesaian, pertikaian antara pihak yang terlibat dalam industri penerbangan. Maknanya, skopnya sudah ada, luas. Kita ada masalah MAS yang kita hendak perbetulkan, perbadankan semula. Kemudian kita juga ada isu pekerja-pekerja yang akan dibuang. Saya rasa eloklah peranan itu daripada diberikan tanggungjawab kepada MAS sendiri, tentunya ia ada kepentingan tetapi dimasukkan di bawah suruhanjaya ini yang bebas dan ia tidak berkepentingan supaya tindakan dan keadilan dapat ditegakkan kepada pekerja-pekerja dan mereka yang terlibat dalam pembuangan kerja ini. Jadi maknanya, kalau kita baca skop, fungsi memang sudah cukup luas. Saya mengharapkan supaya suruhanjaya ini dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap nanti buat cara Yang Berhormat tadi spesifik, nyatakan tajuknya mengikut akta ini dan juga Yang Berhormat boleh memberi pandangan untuk penambahbaikan industri yang cuba kita pertanggungjawabkan. Sekarang ada satu usul saya hendak kemukakan, silakan.

## USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**2.52 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan:

> “Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 23 April 2015. Terima kasih.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong**.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat untuk kerjasama, saya harap sila kemukakan nama-nama yang ingin berbahas dalam tajuk rang undang-undang ini. Untuk senang saya mencaturkan waktu. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah.

**2.54 ptg.**

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas kebenaran diberikan untuk saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Saya turut terpanggil untuk membahaskan rang undang-undang ini atas sebab saya merupakan salah seorang pengguna penerbangan Malaysia MAS, kerap untuk saya datang ke Kuala Lumpur dan lain-lain tempat dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada fungsi suruhanjaya. Amat tepat sekali penubuhan suruhanjaya ini memandangkan apa yang telah terjadi, insiden-insiden penerbangan MAS MH370 dan MH17 kebelakangan ini, maka memang tepat sekali bagi penubuhan suruhanjaya ini supaya imej baik, nama baik penerbangan Malaysia dapat dimartabatkan kembali, dapat diperbaiki pada masa akan datang. Antara fungsi suruhanjaya yang dikira perlu ialah untuk memperbaiki hubungan di peringkat global dan juga tempatan. Juga untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dan sebagai- memperuntukkan suatu mekanisme bagi perlindungan pengguna.

Saya ingin memfokuskan dua perkara di sini iaitu mutu perkhidmatan dan juga keselamatan. Rakan-rakan terdahulu daripada saya telah menyentuh tentang keselamatan dan saya amat bersetuju dengan pandangan mereka tadi bahawa satu daripada fungsi suruhanjaya yang perlu dititikberatkan ialah keselamatan dan juga perkhidmatan. Perkhidmatan perlu dipertingkatkan untuk mengharumkan kembali imej dan nama baik MAS pada masa akan datang setelah berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini dan nama MAS telah dikenali di seluruh dunia pada masa ini. Mungkin ada negara-negara yang tidak berapa mengenali MAS sekarang sudah tahu MAS merupakan penerbangan nasional negara Malaysia.

Jadi ini kita perlu kembalikan nama baik MAS di peringkat antarabangsa pada masa akan datang. Mutu perkhidmatannya perlulah diperbaiki dan dipertingkatkan. Keselamatan juga perlu ditambah baik dan dikemas kini. Apa-apa kekurangan dan kelemahan dalam bidang perkhidmatan dan keselamatan perlu diperbaiki dan dipertingkatkan pada masa akan datang. Ini tugas penting yang perlu dititikberatkan oleh suruhanjaya yang ditubuhkan nanti.

Sebelum ini saya pernah membahaskan dalam bajet tahun-tahun yang lepas di mana saya ada mengemukakan cadangan kepada pihak MAS supaya mempelbagai dan menambah baik mutu dalam jamuan dan menu setiap penerbangannya. Kalau boleh untuk membantu pihak IKS tempatan dalam mempromosikan produk IKS, apa salahnya menu yang dihidangkan masukkanlah produk-produk IKS yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan kecil tempatan kita.

Contohnya kalau kuih itu hidangkanlah kek Lapis Sarawak kah ataupun macam *tidbits, peanuts* dalam paket itu tukarkanlah kepada kerepek pisang kah atau kerepek kacang yang diusahakan oleh IKS tempatan kita. Sekurang-kurangnya dapat membantu meningkat tahap ekonomi mereka. Jadi itulah saranan saya, kalau boleh suruhanjaya yang ditubuhkan ini memberi peluang kepada mempromosikan barangan produk IKS tempatan dalam penerbangan-penerbangan MAS pada masa akan datang. Itu sahaja cadangan saya. Saya mohon menyokong akta ini. Terima kasih.

**■1500**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon.

**3.00 ptg.**

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ini. Ada dua perkara yang ingin saya bahaskan.

Yang pertama mengenai Bahagian II fasal 5(1)(a), lantikan oleh Perdana Menteri terhadap jawatan Ketua Eksekutif. Sepertimana yang banyak dibincangkan di sini, kita mengambil iktibar tentang penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang mana SPAD tidak diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan tetapi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Seperti mana yang diusulkan oleh Menteri tadi bahawa seorang Ketua Eksekutif haruslah dilihat, difikirkan oleh Perdana Menteri seorang yang mempunyai keupayaan dan pengetahuan di dalam bidang ini. Akan tetapi apabila kita melihat lantikan terhadap Pengerusi Eksekutif SPAD, ia adalah lantikan politik dan bolehkah kita mempunyai satu jaminan di sini bahawa orang yang akan dilantik itu sebagai ketua pemandu kepada suruhanjaya ini bukanlah di kalangan bekas-bekas ahli politik supaya suruhanjaya yang sangat penting ini yang dilihat sebagai akan membawa perubahan yang besar betul-betul diterajui oleh seorang yang profesional yang mempunyai pengalaman yang dapat membantu untuk suruhanjaya ini melangsungkan fungsi-fungsi yang tertera di dalam bil rang undang-undang kali ini.

Perkara kedua yang ingin saya mendapat penjelasan daripada Menteri iaitu Bahagian VII, Penggal 4, fasal 54 tentang percantuman. Dalam perkara percantuman ini, adakah rang undang-undang ini tidak membenarkan percantuman antara penerbangan sekiranya perlu, atau ia di bawah kuasa Suruhanjaya Penerbangan ini atau di bawah kuasa Menteri Pengangkutan kerana percantuman antara perusahaan ataupun syarikat-syarikat penerbangan perkara yang lumrah berdasarkan kepada perkembangan industri ini untuk memajukan industri ataupun meningkatkan pendapatan ekonomi industri ini pada masa hadapan. Tidak hairan sekiranya sesuatu syarikat penerbangan atau perusahaan bercantum dengan perusahaan yang lain. Maka, saya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih terhadap perkara ini.

Perkara ketiga yang ingin saya mendapatkan penjelasan mengenai dengan kewangan. Sepertimana yang diperuntukkan dalam rang-undang-undang ini bahawa- sepertimana yang telah diusulkan oleh Menteri pagi tadi bahawa dia akan meminta kelulusan Parlimen untuk bantuan kepada Suruhanjaya Penerbangan ini. Soalan saya ialah peruntukan kewangan daripada Parlimen kepada suruhanjaya ini akan dilakukan setiap tahun ataupun dengan kebolehan suruhanjaya mendapatkan pendapatan sendiri daripada caj fi dan lesen cukup untuk suruhanjaya itu beroperasi atas sendiri.

Bersangkut paut dengan soalan ini ialah, sekiranya suruhanjaya mendapat pendapatan yang lebih, apakah penggunaan pendapatan itu hanya untuk suruhanjaya atau ia akan digunakan untuk Kementerian Pengangkutan ataupun dia akan kembali kepada Kementerian Kewangan? Ini kerana sekiranya ia melibatkan kepada peruntukan Parlimen, maka rakyat akan bertanya setelah kita meluluskan penubuhan suruhanjaya ini, tidak mahu kita melihat bahawa kerajaan bertambah besar lagi. Sudah ada Kementerian Pengangkutan, di bawah Kementerian Pengangkutan sudah ada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, sekarang ada lagi satu Suruhanjaya Penerbangan, mungkin di satu hari kelak ada lagi Suruhanjaya Pelabuhan, maka tidak ada lagi fungsi utama Kementerian Pengangkutan. Semuanya sudah ditubuhkan suruhanjaya-suruhanjayanya.

Soalan yang seterusnya ialah, sekiranya perkara yang berkaitan ini, nasib baik kali ini Suruhanjaya Penerbangan diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan, sama ada kerajaan bersedia kembalikan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat itu dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pengangkutan supaya kementerian yang bertanggungjawab benar-benar dapat mengaturkan strategi dan langkah untuk menjaga industri yang berkaitan. Contohnya sekarang, dengan adanya SPAD, sama ada JPJ yang berkuasa atau SPAD yang berkuasa.

Maka kita berharap bahawa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (SPM) ini, apabila kita melihat lantikannya, elaunnya, semuanya daripada Perdana Menteri, maka adakah mereka ini dapat berfungsi dengan Kementerian Pengangkutan, bekerjasama baik dengan Kementerian Pengangkutan atau tidak. Kita tahu bahawa perbincangan dengan luar negara tentang lesen ataupun hak untuk mendarat itu perbincangan melalui Menteri Pengangkutan. Sama ada ini tidak akan memudahkan ataupun menyusahkan perbincangan antara negara dengan negara, kerajaan dengan kerajaan. Di mana peruntukan di bawah suruhanjaya ini, di dalam rang undang-undang ini yang membolehkan mereka bekerjasama? Minta penjelasan dari tiga perkara ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh.

**3.07 ptg.**

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya berbahas mengenai Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Tuan Yang di-Pertua, industri penerbangan ini memanglah industri yang berkembang dengan pesat. Walau bagaimanapun, industri ini mempunyai banyak cabaran. Industri ini begitu sensitif kepada keadaan dunia seperti harga minyak, keadaan tenteram sama ada perang atau tidak perang, *disease* seperti Ebola, SARS dan juga kadang-kadang tertakluk kepada *weather*, dengan izin.

Saya lihat industri ini bukan sebagai industri yang silo tetapi industri ini memang mempunyai satu *link*, dengan izin, dengan industri pelancongan di Malaysia. Jadi adalah penting industri ini dilihat dengan secara teliti sebab industri pelancongan ini memang industri yang penting untuk perkembangan ekonomi Malaysia. Saya sokong rang undang-undang ini dan rasa rang undang-undang ini memang tepat pada masanya untuk kita menubuhkan satu Pesuruhjaya Penerbangan.

Saya ingin menyentuh hanya kepada penerangan ataupun Klausa 17 mengenai fungsi Suruhanjaya ini daripada dua segi. Satu, disebutkan fungsi Suruhanjaya ini adalah tentang ekonomi. Nombor dua, tanggungjawab kepada, dengan izin, *protection of the consumer*.

Daripada segi ekonomi, dengan adanya polisi *open sky* di ASEAN, Malaysia ini memang terletak di tempat yang begitu bagus sekali supaya industri ini boleh berkembang dengan pesat. Kita terletak di tempat, di bawah ada Australia, di atas kita ada negeri China, sebelah kiri ataupun barat, India dengan Eropah, membuat Malaysia begitu *central* sekali untuk banyak syarikat hendak lihat Malaysia sebagai tempat nak bersinggah untuk memperkembangkan industri mereka. Malaysia juga mempunyai infrastruktur yang bagus sekali. Lapangan terbang kita KLIA dengan adanya KLIA2 mempunyai tiga *runway*, bukan banyak negara seperti ini.

**■1510**

Begitu juga daripada sektor perkhidmatan, kita dapat memberikan satu kos yang begitu efektif kepada syarikat-syarikat ini. Walau bagaimanapun, untuk kita menentukan bahawa syarikat industri ini disebabkan risiko-risiko dan cabarannya pun begitu banyak sekali, adalah penting seperti ramai Yang Berhormat yang telah berbincang tadi, membawa ke Dewan ini, bahawa Ketua Eksekutif ataupun *Executive Chairman* itu mestilah seorang yang begitu kaliber, yang faham betul-betul fungsi suruhanjaya ini daripada segi ekonomi.

Baru-baru ini kita dapat *announcement* bahawa ada sebuah lagi syarikat baru, *Fly Mojo* akan dapat lesen untuk terbang dari Johor Bahru dan juga dari Kota Kinabalu. Saya rasa benda ini memang bagus tetapi saya berpendapat bila kita lihat industri ini pada ketika ini MAS pun banyak masalah, *AirAsia X* pun telah menunjukkan prestasi yang tidak begitu bagus, jadi risiko dia begitu banyak.

Bolehkah kita membuatkan satu lagi syarikat baru hendak bersaing dengan *Fire Fly*, hendak bersaing dengan Malindo, dengan *AirAsia*? Adakah ini satu risiko untuk industri inikah ataupun dia bagus untuk persaingan?

Nombor dua...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya mencelah, saya hendak minta keizinan Tuan Yang di-Pertua hendak mengalu-alukan lawatan daripada pihak Tabung Amanah Tok Kenali dan Bahagian Dakwah dan Halaqah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya pun mengalu-alukan kehadiran semua. Silakan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat Yang Berhormat menyebut tadi berhubung dengan Suruhanjaya kita yang sedang kita bincang ini, rang undang-undang ini, dengan persaingan yang sedang muncul dalam sistem penerbangan yang ada.

Jadi apakah ini juga antara dorongan pihak kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015? Ini kerana saya tengok penerbangan-penerbangan yang kini banyak dan tumbuh di dalam negara kita dengan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah dengan rang undang-undang ini, adakah MAS kerajaan dapat mengawal dan daripada prestasi MAS dan dapat memperkukuhkan lagi dengan pelbagai saingan yang bahkan akan dihadapi oleh penerbangan ini? Mohon pencerahan.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan itu untuk Yang Berhormat Menteri jawablah. Akan tetapi persaingan ini, bila kita ada saingan memang bagus. Akan tetapi, sebab ada saingan, itu bererti tiap-tiap syarikat kena bekerja lebih inovatif, *you have to more innovative to stretch your services* untuk membuat *profit,* dengan izin.

Bila kita lihat artikel baru-baru ini semasa *AirAsia* terhempas di Indonesia, banyak artikel telah ditulis mengenai bajet *airlines* bahawa daripada segi keselamatan, dia cuba bila dia *design* kapal terbang itu, bukan semua keselamatan yang telah ada dalam penerbangan biasa, ciri-ciri itu ada dalam bajet *airlines*. Saya pun tak tahu sama ada itu betul atau tak betul, ataupun ini khabar angin.

Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan sama ada Suruhanjaya ini akan meneliti benda-benda seperti inikah atau benda-benda ini akan ditelitikan oleh Kementerian Pengangkutan? Daripada segi tanggungjawab kepada *consumer*, ini satu perkara yang begitu besar sekali. Ini bukan main-main punya cerita. Ini kerana, tiap-tiap tahun pada ketika ini, 85 juta orang menggunakan servis penerbangan di Malaysia. Dalam tiga bulan ini sahaja, 26 juta orang telah menggunakan servis penerbangan di Malaysia. Jadi saya rasa dalam satu, dua tahun ini, angka penumpang-penumpang yang menggunakan servis penerbangan di Malaysia akan melebihi 100 juta orang.

Potensi ini kita memang baguslah, kalau harga bagus, pendekatan bagus, tetapi paling penting ini bila kita sudah masuk dalam kapal terbang, 100 orang, 200 orang itu sekali sudah *take-off*, tergantunglah kepada *pilot* dan tergantung kepada keselamatan kapal terbang, *that means maintenance* dia kena bagus.

Saya baca di sini, satu fungsi Suruhanjaya ialah *slot allocation*. Saya hendak bawa perkara ini sebab *AirAsia* yang terhempas di Indonesia, *pilot* dia memang telah membuat satu panggilan meminta *permission,* dengan izin, naik kepada 38,000 kaki.

Akan tetapi disebabkan sibuk sangat *air traffic*, ada empat atau lima buah kapal terbang di atas *AirAsia* itu tentang *slot allocation* ini, respons yang diberikan oleh *Air Traffic Indonesia* lambat sedikit. Dia tak boleh bagi respons terus sebab terlalu banyak, sibuk. Bila dia lambat, saya rasa saya pun tak tahu, dua tiga minit kemudian dia respons, tak dapat apa-apa *feedback* ataupun *contact* balik dengan *AirAsia*.

Jadi *slot allocation* ini adalah satu *responsibility* yang begitu tinggi sekali. Jadi saya harap Suruhanjaya ini mengambil benda-benda tentang keselamatan ini satu yang lebih penting daripada ekonomi sebab keselamatan ini memang bila kita naik kapal terbang, saya rasa satu juta orang ini, saya rasa tidak ada orang yang mahu tengok ada tempat yang ada kompromi. Yang Berhormat Dayang itu selalu naik kapal terbang ini *[Ketawa]*

Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apa *responsibility* Suruhanjaya ini jika dibezakan dengan DCA, jika kita bezakan dengan Kementerian Pengangkutan, dia *overlap*kah? Yang takut ini ada Suruhanjaya Penerbangan, kita ada DCA, selepas itu kita ada sekarang Kementerian Pengangkutan, ada *defence* pula. Jadi bila ada sesuatu ini, siapakah yang *responsible*? Jangan-jangan pula dia kata dia ini sudah *responsible,* dia ini sudah *responsible*. Jadi kita sama-sama tak dapat menyelesaikan perkara.

Itu sahaja. Dengan ini saya sokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang yang terakhir, saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**3.18 ptg.**

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.... [Mengucapkan doa dan selawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berbahas Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Saya mendengar dengan teliti perbahasan daripada kawan-kawan dan kebetulannya saya merupakan pembahas terakhir. Modal yang ditulis agak berkurangan.

Kita melihat kepada rang undang-undang ini sendiri, penekanan masing-masing diberikan kepada faktor manusia, faktor *human being.* Ini kerana kalau kita melihat sejarah MAS itu, sejarahnya berpunca daripada manusia-manusia yang saya rasa diberi peluang, yang saya rasa diberi kebenaran, yang saya rasa diberi restu oleh pucuk kepimpinan untuk membawa *Malaysian Airlines* itu ke arah yang mana kita ketahui sekarang.

**■1520**

Dahulu kita tidak pernah mendengar kerugian dalam MAS ini. Semasa saya menaiki kali pertama dahulu cukup bangga walaupun pada ketika itu kami pulang dari England untuk ke Malaysia menaiki *Aeroflow* kerana harganya lebih murah tetapi hati berasa begitu sedih kerana tidak dapat menaiki MAS.

Oleh sebab apa Tuan Yang di-Pertua, kerana pada ketika itu bila sahaja kita masuk ke dalam MAS itu sendiri, dalam kapal terbang itu sendiri kita sudah merasakan bahawa kita ini di Malaysia. Kita sudah merasakan bahawa kita ini sudah berada di Kajang dengan satenya yang begitu sedap. Saya merasa saya sudah sampai di Alor Setar bila pramugara, pramugari bercakap dalam dialog bahasa Kedah. Ada kawan saya daripada Amerika, Jeffrey Miller namanya. Katanya dia suka naik MAS kerana pramugarinya segak. Segak tidak bermaksud pramugari-pramugari kita ini gatal, suka merenyam. Maksudnya di sini servisnya itu mengatasi penerbangan-penerbangan yang lain.

Akan tetapi kalau kita tengok sekarang ini kita minta supaya suruhanjaya ini melantik manusia-manusia yang saya katakan tadi ini manusia-manusia yang faham *accounting*nya, yang faham sistem penerbangannya, yang faham laluan kapal terbangnya sehinggakan dia faham bahawa MAS itu sampai sekarang masih lagi *serve PepsiCola* yang tidak diminum oleh orang Amerika. Kawan saya kata lemah, satenya sedap, *PepsiCola* yang dihidangkan. Kenapa tidak *CocaCola*.

Ini yang dibezakan, ini diambil perhatian oleh mereka ini Tuan Yang di-Pertua. *CocaCola* perkara yang terlalu kecil dan kita fikir tetapi ini yang dimaklumkan kepada kita. Orang Putih tidak minum *Pepsi*, dia kata *made in India*.

Saya pun tidak tahu ada kebetulannya atau tidak. Mereka minum *DietCoke*, mereka minum *CokeZero* tetapi kita masih lagi menghidangkan *PepsiCola*.

Ini yang kita hendak supaya suruhanjaya memilih mereka yang di dalam suruhanjaya ini orang yang berpengalaman, *no more outdated person,* dengan izin. Tidak mahu lagi orang-orang yang hanya duduk dalam *office* mahu mencantikkan *office* nya dengan barangan-barangan yang mahal, lukisan-lukisan yang mahal, pinggan-mangkuknya yang mahal tetapi servisnya tidak ke mana. Oleh sebab itu saya mulakan ucapan saya, perbahasan saya ini dengan manusia-manusia yang membawa MAS itu daripada bagusnya kepada kurang bagusnya dan sekarang tidak baik. Sekarang dengan MH370, MH17 dan berbagai-bagai bala bencana yang berlaku.

Kawan saya daripada Dubai, bekas Menteri mengambil *Emirates* daripada Dubai ke Kuala Lumpur. Sampai di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua masuk sahaja dalam rumah, Pegawai Eksekutif Emirates telefon. Sudah sampai kah Datuk, sudah sampai di rumah, sudah jumpa isteri kah, bagaimana penerbangan tadi, bagaimana WiFi tadi, bagaimana minuman tadi, bagaimana *lounge* kami di Dubai, ini persoalan-persoalan yang ada *personal touch*, dengan izin.

Kalau kita hendak meniaga biar kita meniaga dengan betul-betul. Pak Menteri kita...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Saya mohon mencelah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat, boleh? Dipersilakan.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya kepada Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi. Adakah Dato' Mohd Suhaimi setuju bahawa kalau ikut daripada hujah-hujah yang diberikan tadi seolah-olah mengatakan bahawa apa yang berlaku kepada MAS, apa yang berlaku kepada Sistem Penerbangan Malaysia sekarang ini adalah kerana kegagalan manusia dan kegagalan kita memilih kepimpinan yang sewajarnya dan selayaknya memimpin organisasi ini.

Maka samalah dengan apa yang disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam satu hadis... *[Membaca potongan hadis]* Apabila jawatan itu diberikan kepada mereka yang tidak selayaknya maka tunggulah saat kehancuran. Saya minta Yang Berhormat untuk komen.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdulla**h**:** Saya bersetuju 110 peratus. Kita ambil contoh, Bapa Menteri kita ini Dato' Sri Abdul Wahid sendiri ada depan kita. Ini saya kata manusia. Apabila Dato' Sri Abdul Wahid dilantik sebagai CEO Telekom dan pada ketika itu Telekom juga syarikat yang goyang-goyang. Diperbaikinya, diperbaikinya, diperbaikinya dengan amanahnya, dengan fatanahnya, dengan begitu berwibawa, bertanggungjawab. Pukul 10 malam masih di pejabat lagi. Dalam pejabat *complaint* sakit dada, *check the next day he is in the office already*. Ketika itu kita tidak pernah dengar orang kompelin fasal Telekom.

Dibawa pula kepada Maybank. Maybank *performed* dengan begitu baik sekali terus diangkat darjatnya kepada seorang Menteri. Ini yang saya katakan manusia. Ini yang saya katakan manusia yang membawa tetapi kita lihat manusia-manusia yang dimasukkan ke dalam Sistem Penerbangan Malaysia itu, *I have no comment* tetapi kalau mereka ini kekal, belum tentu MAS ini akan bergerak sekarang ini.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya mohon mencelah sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Oleh sebab Yang Berhormat sebut fasal servis MAS ini saya pun hendak bagi pengalaman sayalah. Dalam pengalaman saya, saya ada tulis surat saya hendak *no less* yang sepuluh kali kepada MAS. Tidak ada satu pun yang dijawab. Ini *for example* lah. Akan tetapi kalau penerbangan-penerbangan antarabangsa lain saya pun ada *experience* di London sebab suruhanjaya ini mengawal selia syarikat penerbangan kita ini kena-mengenalah dengan ini.

Kita bermasalah satu kali di *airport,* ini *American Airlines*. Bukan sahaja dia layan kita, apabila saya sampai ke New York ada orang American Airlines yang jumpa minta maaf di sana. Benda ini berlaku kita tidak ada masalah servis *in-flight* dengan MAS, dengan satenya dan sebagainya tetapi pengurusan MAS, pengurusan teratas daripada segi *human relations* tidak ada.

Jadi saya haraplah, kalaulah kita hendak betulkan MAS, suruhanjaya ini akan membetulkan MAS. Perkara seumpama ini mesti dilihat kerana kita tidak mahu kehilangan *passenger* kita. Salah satu daripada kelemahan MAS apabila kita tulis surat kepada apa masalah dia tidak jawab. Ini saya hendak terangkan. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Suruhanjaya pastikan surat semua dijawab, suruhanjaya pastikan semua yang diminta oleh rakyat Malaysia hendaklah dijawab. Suruhanjaya juga hendaklah memastikan *PepsiCola* diganti dengan *CocaCola*.

**■1530**

Suruhanjaya hendaklah memastikan bahawa laluan yang akan dilalui oleh MAS itu laluan yang menguntungkan. MAS juga kena pastikan penubuhan MAS dulu untuk membantu rakyat Malaysia, memberi servis terbaik dengan harga yang termurah. Pastikan ini supaya rakyat Malaysia dapat *benefit* dengan izin, daripada MAS ini. Tadi Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah kata dia sentiasa naik kapal terbang ke Sarawak. Pastikan orang-orang Sarawak mendapat tiketnya dengan harga yang sebenarnya atau lebih baik diberi bantuan supaya rakyat Malaysia mendapat *benefit* daripada Sistem Penerbangan Malaysia ini. Kita hendak buat keuntungan biar kita buat dari luar.

Selain daripada MAS Tuan Yang di-Pertua, kita juga kena melihat bahawa suruhanjaya kena ambil tahu juga *the surrounding area.* Kawasan, tempat di mana pelancong-pelancong kita akan diterima masuk. Imigresennya, kastamnya jangan terlalu panjang. Kadang-kadang kesian saya tengok *aircraft,* tiga empat turun sekali dan *queue*nya terlalu panjang. Kita tidak apa, kita ada mesin dan kita boleh cap jari dan berjalan.

Di sempadan Thailand, Yang Berhormat Tuan Khalid cerita kepada saya lagi senang. Letak dalam pasport RM2, masuk tidak ada masalah. Dia cap, jalan. Cap, jalan, cap jalan. Akan tetapi kalau di lapangan terbang kita, begitu panjangnya *queue* hendak masuk itu, saya rasa orang tidak akan *blame airport*, orang akan *blame* MAS. Ini kerana MASlah yang membawa mereka ke sini dan kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, bila kita masuk sahaja ke *airport* itu, berasa macam kita ini di Bangladeshkah. Rasa-rasa macam...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Di belakang itu ada bangun, Yang Berhormat. Di belakang Yang Berhormat itu. Hendak bagi laluan sekejap?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Boleh ya Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta maaf sebab saya hendak kena patah balik kepada *PepsiCola* dan *CocaCola* tetapi memandangkan bos Maybank saya di depan, saya kena maklumkan jugalah. Pertamanya, saya rasa kecil hati, tersentuh hati dengan MAS kerana bagi saya MAS satu GLC yang besar tetapi tidak memandang langsung produk-produk IKS yang ada di Malaysia, yang sangat berkualiti dan telah dieksport ke Jepun dan negara-negara *Europe*.

Ini kerana apa yang saya katakan di sini, kalau Dato' Suhaimi sebut *CocaCola*, *PepsiCola*, saya hendak sebut kita dihidangkan dengan *apple juice, orange juice.* Sedangkan *mango juice*, kita ada Harumanis, *mango* Tobiar, langsung tidak dipandang. Jadi saya rasa bukan kita hendak suruh ketepikan *apple juice* ataupun *orange juice,* tambah satu produk Malaysia di mana MAS boleh membantu peladang-peladang di seluruh Malaysia. Itu yang pertama, contoh.

Jadi kepada Dato' Sri Abdul Wahid, saya mohon sangat iaitu sekarang ini untuk membantu peladang, kita kena *pull* mereka, bukan mereka *push* kita. Kita kena *pull.* Kerajaan kena tarik, kena bawa produk-produk peladang yang berkualiti.

Keduanya kalau saya tengok di sini, kita dihidangkan dengan kacanglah dan sebagainya tetapi sebenarnya kita ada produk. Kita ada kerepek pisang, muruku yang berkualiti, *packaging* pun cantik. Jadi saya mintalah produk-produk IKS ini dibawa naik ke dalam penerbangan MAS macam Dato' Suhaimi kata, masuk-masuk dengar loghat Kedah, sudah rasa sampai Alor Setar. Kalau saya naik-naik *flight,* dapat makan muruku, sudah rasa duduk di Sungai Petani.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak memohon kepada Menteri supaya permohonan saya dan juga Yang Berhormat dari Sarawak, kek-kek lapis Sarawak, betapa sedap dan kualitinya. Akan tetapi saya yakin kalau kerajaan dan pihak atasan sendiri *pull*, tarik, bantu, *in shaa-Allah* produk-produk peladang ini akan berjaya dibawa masuk ke dalam MAS. Jadi Dato' Suhaimi, saya mohon pendapat dan pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Dalam cerita P. Ramlee, Haji Bakhil berkata, begitulah cara berfikir.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Shahanim, malah saya dalam nota saya ini hendak mencadangkan kuih-kuih Malaysia ini diketengahkan, buah-buahan Malaysia diketengahkan. Cantik buah manggis, kalau dipotong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini semua bergantung kepada kontrak yang dapat *serving* itu yang penting Yang Berhormat. Sebut berkenaan kontrak yang diberi itu.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat dalam akta ini yang kita hendak minta supaya suruhanjaya ini pastikan MAS atau Sistem Penerbangan Malaysia ini mempromosikan barangan Malaysia. Kalau dia masuk kontrak, dia hendak *supply apple,* jangan bagi kontrak. Kalau dia datang dengan rambutannya, dengan jem manggisnya, dengan pulasannya, bagi kontrak. Mahal sikit tidak apa, asalkan promosi barang-barang kita termasuk *aircraft* kita, termasuk *entertainment* di dalamnya. Tunjukkan cerita P. Ramlee. *Translate*kan cerita P. Ramlee. Apa lekehnya cerita P. Ramlee itu. Masukkan wayang-wayang kita. Promosikan Era Fazira.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Minatkah?

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Minat Tuan Yang di-Pertua. Minat Tuan Yang di-Pertua. Minat. Promosikan mereka ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau mereka ini juga berkualiti, standardnya sama. Standardnya sama. Tidak ada kelebihan orang lain. Di luar tadi saya dengar Yang Berhormat Datuk Halimah berkata, besar itu keturunan kita. Cantik itu juga Yang Berhormat, keturunan kita. Bukan sahaja besar, malah cantik itu keturunan kita. Saya tidak faham sebab saya sampai Yang Berhormat terus keluar ayat itu. Besar itu keturunan kita. Apa yang besar saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah MAS dinyahsenaraikan, saya rasa MAS perlu fokus. Suruhanjaya perlu fokus kepada kekalkan perkhidmatan *five star* kita, MAS. Kita telah mencapai 5 Bintang dahulu. Pramugari pramugara kita telah capai ke tahap 5 Bintang. Makanan kita yang saya katakan tadi, kawan saya daripada Amerika itu suka naik MAS kerana satenya. Biar orang suka naik kapal terbang kita kerana makanannya. Ini kerana kalau makanan yang sedap walaupun restorannya di kampung, orang akan pergi. Biar kita promosikan makanan kita, buah-buahan kita seperti mana yang disebut tadi supaya dalam ingatan mereka ini, aku hendak mengambil MAS kerana makannya, kerana pramugarinya, kerana servisnya yang saya kata 5 Bintang tadi.

Suruhanjaya pastikan kos. Dulu dalam Dewan yang mulia ini juga saya katakan bahawa nasi lemak harganya RM100. Kalau kita beli telur sedozen mungkin mahal, tetapi kalau dibeli satu lori murah. Akan tetapi kenapa MAS beli dengan harga yang mahal? Suruhanjaya kena pastikan juga, kalau boleh duduk dalam proses tender tersebut kalau kita hendak berjaya. Biar mereka ini diberi *fulltime work* dalam jawatankuasa tender, *procurement* dan sebagainya supaya mereka dapat melihat harga telur berapa, harga nasi lemak berapa, harga buah manggis berapa, harga goreng pisang berapa.

Baru saya rasa transformasi perniagaan MAS akan berjaya. Tawaran tiket hendaklah lebih *competitive*. Sekarang ini ramai yang menaiki Emirates. Ke Dubai naik *Emirates*, ke Australia naik *Emirates*, ke London pun hendak ambil *Emirates* kerana servisnya dan harganya Tuan Yang di-Pertua. Harganya murah.

**■1540**

Keempat Tuan Yang di-Pertua, memperluaskan laluan sudah saya katakan tadi. Laluan yang hendak kita masuki hendaklah laluan yang memberi keuntungan. Tadi saya terlepas bila diganggu oleh si cantik Yang Berhormat Puan Shahanim. Tadi saya berkata-bila sampai kita *airport* tadi baru teringat, sampai kita di *airport* serasa seolah-olah kita ini berada di Bangladesh. Saya hendak minta kepada suruhanjaya ini buat satu kajian supaya di lapangan terbang itu tidak ada orang lain yang boleh bekerja kecuali orang-orang Malaysia. Ambillah budak-budak kampung, *trained*lah mereka ini. Apakah susah sangat hendak angkat beg?

Kadang-kadang bila kita tanya mereka, mereka tidak tahu bahasa. Cakap orang putih pun tidak pandai, cakap Melayu pun tidak reti. Kita pula hendak kena belajar cakap Bangladesh. Apakah susah sangat setakat hendak angkat beg? Pastikan mereka ini dan operator-operator di *airport* itu ambil mereka ini kerana murah Tuan Yang di-Pertua. Alah! Apa salahnya kita bayar tinggi sedikit kepada anak-anak kampung itu, apakah salahnya? Tinggi sikit, apa salahnya. Mereka ini anak kampung yang sekurang-kurangnya bila mereka melihat pelancong-pelancong masuk, mereka ini dapat merasakan, *“Oh! Aku di Malaysia".* Ini rupanya anak-anak Melayu. Pakaikan mereka dengan uniform bersamping dan bersongkoknya, baju kurung dan bertudungnya supaya tradisi kita itu apabila sampai saja di *airport* sudah nampak.

Suruhanjaya pastikan pekerja-pekerja di situ bukannya dari Bangladesh, Indonesia dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, sudah ramai kawan-kawan menyentuh soal KLIA2. Saya juga bersama dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Abdul Rahim dan juga Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam berhubung dengan KLIA2. Saya sudah bercakap soal ini tetapi saya sedih juga bila Yang Berhormat Menteri kata kenyataan saya tidak betul. Yang Berhormat Menteri kena turun. Yang Berhormat Menteri kena pergi tengok di KLIA2, di *shopping mall.* Saya kata hari itu sudah ada 25 buah kedai ditutup. Yang Berhormat Menteri jawab normal lah. *Supermarket* 10 peratus hingga 15 peratus kalau kedai tutup itu normal. Mana boleh jawab begitu. Jangan bagi ada yang tutup. Malu kita. Jangan jawab, *“Tidak hendak GST duduk di bulan”.* Malu kita Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh. Kalau boleh jangan ada 1 peratus pun yang tutup. Lebih-lebih lagi di KLIA itu, lebih-lebih lagi di Subang itu.

Kalau kita hendak membenarkan tutup, tidak payah kita buat kajian. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Abdul Rahim sebut KLIA2 itu mahal. RM45 sekaki persegi. Jangan kita cakap soal terminal. Hari itu Yang Berhormat Menteri jawab ada proses tender yang melibatkan, tender di dalam, di terminal, di KLIA2 itu tidak ada tender. Harga yang diberi *fixed price* Tuan Yang di-Pertua, *between* RM25 to RM45 dengan izin, *fixed price* dan mereka ini sekarang yang sedang mengeluh. Sebanyak 30 peratus lagi belum masuk itu Tuan Yang di-Pertua.

Kalau 30 peratus belum dimasukkan, keluar lagi 20 peratus kerana Yang Berhormat Menteri kata tiap-tiap *mall* ini 20 peratus hingga 30 peratus itu tidak ada masalah. Habis kosong. Kosong *airport* itu, *KLIA2 gateway.* Kena ingat juga yang meniaga-meniaga di situ semuanya orang Malaysia belaka. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**3.44 ptg.**

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Tuan Yang di-Pertua, banyak isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan saya membahagikannya kepada enam bahagian iaitu berkenaan dengan fungsi, berkenaan dengan keselamatan, berkenaan isu-isu kepenggunaan, isu-isu persaingan ataupun penggabungan dan kemudahan *airport* dan juga isu-isu kewangan.

Pertama sekali, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua saya ingin memperjelaskan sekali lagi bahawa Suruhanjaya Penerbangan ini adalah diletakkan di bawah kelolaan Menteri Pengangkutan. Ia bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi Menteri yang bertanggungjawab Menteri Pengangkutan. Berbeza dengan SPAD yang mana Menteri yang bertanggungjawab ialah Perdana Menteri.

*So,* ini satu perbezaan yang ketara. Keduanya, daripada segi pelantikan ataupun ahli-ahli suruhanjaya, ada tiga kumpulan. Pertama, pengerusi eksekutif yang dilantik oleh Perdana Menteri, kedua *Ex officio*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang mengikut kedudukan mereka iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan juga Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan kumpulan yang ketiga mereka yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan setelah berunding dengan Perdana Menteri. Jadi ada tiga kumpulan. Maknanya jumlah ahli suruhanjaya antara tujuh hingga sembilan orang kerana kumpulan yang ketiga itu jumlahnya antara empat hingga enam orang yang bakal dilantik.

Daripada segi fungsi mereka, apakah peranan Suruhanjaya Penerbangan dan juga Jabatan Penerbangan Awam ataupun DCA? Kalau kita lihat Suruhanjaya Penerbangan ini akan mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan negara yang antara lainnya termasuklah perlindungan pengguna, penyelesaian pertikaian antara pemberi perkhidmatan berkaitan dengan industri penerbangan dan juga persaingan dalam industri penerbangan. Manakala DCA pula, dengan izin, berperanan mengawal selia perkara-perkara yang berhubung dengan aspek-aspek teknikal dan juga keselamatan.

Daripada segi pelaksanaan kelak, sebagai contohnya bagi maksud pengeluaran lesen ataupun permit oleh suruhanjaya. Suruhanjaya akan menilai aspek ekonomi permohonan tersebut dan pemberian lesen atau permit oleh suruhanjaya adalah tertakluk kepada kelulusan teknikal oleh DCA berhubung dengan permohonan tersebut. Ini perbezaan antara fungsi Suruhanjaya Penerbangan yang merangkumi isu-isu ataupun aspek-aspek ekonomi manakala DCA kekal menguruskan isu-isu berkaitan dengan teknikal dan juga keselamatan. Terdapat juga soalan sama ada suruhanjaya ini akan mengambil alih peranan Malaysia Airports Berhad. Sebenarnya tidak. Suruhanjaya ini akan mengawal selia daripada segi ekonomi dan mengeluarkan lesen.

Malaysia Airports Berhad merupakan salah agensi yang akan dikawal selia oleh suruhanjaya melalui pelesenan sebagai penyedia perkhidmatan penerbangan. Ada juga yang bertanya tentang mengapakah Perdana Menteri diberi kuasa untuk melantik pengerusi eksekutif? Yang Berhormat Senator Dato’ Adam bin Abdul Hamid ada menyebut kerana fungsi adalah penting kerana ia bukan saja meliputi isu penerbangan tetapi lebih meluas. Jadi kalau kita ikutkan tanggungjawab dan keputusan suruhanjaya akan memberi kesan yang merentasi pelbagai sektor, di luar aspek pengangkutan seperti perlindungan pengguna, pelancongan, perdagangan dan penyelesaian pertikaian dan oleh itu adalah wajar pengerusi eksekutif dilantik oleh Perdana Menteri.

Perlu kita tekankan di sini bahawa pelantikan pengerusi eksekutif ini dibuat berdasarkan kepada kriteria tertentu seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang seperti daripada kalangan orang yang mempunyai pengalaman atau kepakaran dan profesionalisme dalam bidang ekonomi, kewangan, penerbangan, perniagaan, pentadbiran atau bidang-bidang yang relevan dalam pelaksanaan fungsi suruhanjaya. Oleh yang demikian, Perdana Menteri hendaklah melantik pengerusi eksekutif yang mempunyai pengalaman, keupayaan dan profesionalisme dalam bidang-bidang yang dinyatakan.

Tentang isu kedua Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu keselamatan ataupun *safety* dan *security,* dengan izin. Ini telah banyak dibangkitkan antaranya oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman yang bertanyakan isu keperluan sekurang-kurangnya dua orang yang perlu ada di kokpit setiap masa.

**■1550**

Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Sebenarnya, keperluan ini ataupun kehendak ini telah pun dimasukkan ke dalam *Aeronautical Information Circulars,* dengan izin Bil. 9/ Tahun 2002, bertarikh 25 Julai 2002 yang telah pun dikeluarkan oleh DCA mengikut seksyen 420, Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*] dan perenggan 2.3.4 menyatakan seperti berikut dengan izin, *"Cabin crew members should be in attendance in cockpit whenever one operating technical crew leave the cockpit". So,* ini *for two men operations*. Jadi ini adalah selaras dengan kehendak *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Jadi keperluan ini telah pun wujud Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Silakan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bangkitkan perkara ini sebab dalam pengalaman saya, ini dalam *short flight,* sungguhpun ada peruntukan ini untuk dua orang ada di kokpit, jangan lupa Germanwings yang jatuh itu *flight*nya tidak begitu jauh juga. Saya nampak ada dalam pengalaman, apabila kapten hendak pergi ke tandas, saya tidak nampak pula ada orang yang menggantikannya sementara dia pergi tandas itu. Jadi sungguhpun ada peruntukan, adakah perkara ini mengikut aturan? Kalau ada undang-undang pun tetapi kalau tidak ada mengikut undang-undang itu, tidak gunalah ada undang-undang itu. Jadi saya hendak tahunya, adakah perkara ini dilihat dengan teliti? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Berkenaan dengan keperluan itu, ada. Sama ada ia dilaksanakan itu, mungkin sebelum ini, semua kejadian Germanwings ini mungkin ada mereka yang tidak mengambil berat tentang keperluan ini. Akan tetapi, saya rasa dengan terjadinya kejadian Germanwings ini, ia menjadikan satu pengajaran yang besar kepada kita dan ini telah pun ditekankan lagi. Kita percaya bahawa apabila perkara ini terjadi, syarikat-syarikat akan lebih peka untuk memastikan bahawa semua peraturan ini dipatuhi oleh semua *cabin crew* dan juga *technical crew,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman juga membangkitkan isu pemeriksaan kesihatan dan juga mental juruterbang dan pemeriksaan kesihatan juruterbang telah pun diperuntukkan dalam Peraturan Penerbangan Awam 1966, *Regulations 41,* dengan izin. Pemeriksaan ini termasuk pemeriksaan mental yang hendaklah dijalani oleh juruterbang sebelum diperakui sebagai layak ataupun *fit and proper person,* dengan izin untuk memegang lesen juruterbang. Jadi, pemeriksaan ini dijalankan sebelum diambil bekerja dan semasa pemeriksaan mandatori setahun sekali bagi juruterbang yang berumur 40 tahun ke bawah ataupun setiap enam bulan bagi juruterbang yang berumur 40 tahun ke atas. Jadi maksudnya, memang sudah ada keperluan ini.

Isu keselamatan juga berkaitan dengan isu juruterbang *AirAsia* yang dikatakan bekerja lebih masa. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam yang menyatakan adakah ada isu tentang *AirAsia pilot*, dengan izin yang bekerja lebih masa.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, setiap juruterbang di Malaysia ini perlu menjalani tugas mengikut *flight time limitation,* dengan izin, di bawah peraturan Jabatan Penerbangan Awam. Juruterbang AirAsia ini juga mengikut *flight time limitation,* dengan izin dan juga selaras dengan standard yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO).

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman juga membangkitkan tentang pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang terutamanya tentang *security screening equipment,* dengan izin.

Untuk makluman, pemeriksaan keselamatan yang dijalankan oleh Malaysia Airports dipantau oleh DCA dan ia mengikut Protokol *Annex 17 International Civil Aviation Organization* dan *Annex 17* ini adalah berkaitan dengan *Aviation Security*, dengan izin.

Berkenaan dengan isu di lapangan terbang Kota Bharu itu kita akan berikan maklum balas pada *Malaysia Airports*.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu keselamatan yang dibangkitkan ialah tentang isu *drone* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan. Untuk makluman, penerbangan *drones,* dengan izin, perlu mendapat kelulusan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) mengikut *Aeronautical Circular* 4/ Tahun 2008. Ini bertarikh 18 Februari tahun 2015. Penerbangan *drones* tidak dibenarkan di kawasan larangan termasuklah kawasan lapangan terbang dan penerbangan *drones* di KLIA yang dilaporkan baru-baru ini telah pun dilaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk tindakan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya keselamatan juga berkenaan dengan piawaian pesawat yang digunakan oleh *low cost carrier* yang didakwa lebih rendah daripada piawaian pesawat lain. Sebenarnya, pesawat yang digunakan oleh *low cost carrier* seperti *AirAsia* dan lain-lain, menepati piawaian antarabangsa iaitu *International Civil Aviation Organization* dan standardnya juga menepati piawaian DCA. Piawaian pesawat-pesawat *low cost carrier* ini adalah sama dengan pesawat *full service airline*.

Cuma yang berbeza kadang-kadang daripada segi *configuration,* dengan izin, sesetengah pesawat *low cost carrier* ini, ia lebih tempat duduk ekonomi, mungkin jaraknya daripada satu *seat* yang lain lebih rapat untuk mendapatkan lebih banyak lagi *seat,* dengan izin. Akan tetapi daripada segi aspek keselamatan, mereka menepati piawaian ICAO. Jadi, tidak ada bezanya antara *low cost carrier* dengan *full service carrier,* dengan izin.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam juga membangkitkan isu berkenaan dengan kemalangan helikopter yang terbaru ini. Untuk makluman, penyelenggaraan helikopter adalah dilakukan oleh *Airbus Helicopters* yang dahulunya dikenali sebagai *Eurocopter* yang diberi kelulusan oleh pihak DCA. Selagi penyiasatan kemalangan masih sedang berjalan, kita rasa tidak wajar ia dibincangkan perkara ini buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah tentang isu kepenggunaan. Ada banyak isu yang telah dibangkitkan. Pertama sekali tentang caj-caj yang dikatakan membebankan ke atas pengguna. Contohnya caj penggunaan kerusi roda yang telah dibangkitkan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan. Untuk makluman, fasal 70 rang undang-undang ini memperuntukkan pengguna boleh membuat aduan kepada suruhanjaya berhubung apa-apa juga perkhidmatan penerbangan termasuklah pengenaan caj yang tidak wajar dan suruhanjaya akan menggubal peraturan-peraturan berkaitan perlindungan pengguna termasuklah jenis pampasan yang perlu dibayar kepada pengadu sekiranya aduan tersebut didapati berasas oleh suruhanjaya ataupun *public complaint,* dengan izin.

Satu lagi isu kepenggunaan ialah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin berkenaan dengan bagaimanakah penubuhan suruhanjaya dapat memastikan kestabilan penerbangan di Malaysia terutama dalam kalangan penerbangan tambang murah seperti AirAsia dan Malindo. Untuk makluman, dengan adanya suruhanjaya ini, akan dapat memastikan wujudnya persaingan yang sihat dalam kalangan syarikat-syarikat penerbangan dan suruhanjaya akan memantau penyedia perkhidmatan penerbangan ataupun *aviation service providers*, dengan izin daripada segi perlindungan pengguna dan juga persaingan.

**■1600**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh saya sekejap. Saya hendak menarik kepada perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa rang undang-undang kita ini ada 16 tajuk, kementerian, rang undang-undang dan juga kita ada empat hari. Saya mohon kerjasama kepada semua Yang Berhormat siapa yang hendak berucap dengan tajuk-tajuk sila kemukakan nama untuk senang saya membuat percaturan daripada segi masa. Sekian terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi isu kepenggunaan telah dibangkitkan oleh To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin iaitu apakah suruhanjaya akan memantau kos-kos tersembunyi terutama di kalangan pengendali kos-kos tambang murah? Untuk makluman dengan wujudnya suruhanjaya ini isu ini akan dapat diatasi kerana ia merupakan sebahagian daripada fungsi suruhanjaya, iaitu memantau perkhidmatan yang diberikan oleh penyelia perkhidmatan penerbangan.

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Isu keempat yang ingin saya bangkitkan ialah tentang kemudahan ataupun *facility* di lapangan terbang. Ada beberapa yang dibangkitkan pertama sekali oleh Senator Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan iaitu isu berhubung dengan fungsi suruhanjaya di bawah fasal 17(i)(a)(iii) berhubung dengan memajukan pengendalian aerodrom yang meminta peruntukan dalam undang-undang kecil bangunan seragam juga dipatuhi dalam pengendalian aerodrom.

Untuk makluman kalau kita sebut aerodrom ini merupakan satu terma ataupun teknologi yang biasa digunakan dalam industri penerbangan. Aerodrom ini termasuklah lapangan terbang, padang terbang dan juga *helipad,* dengan izin. Jadi penggunaan aerodrom hendaklah mematuhi segala undang-undang yang sedia ada dan sebelum sesuatu aerodrom boleh beroperasi ia akan diperiksa oleh DCA untuk memastikan pematuhan kepada *Annex 14* pada *Chicago Convention* 1944 iaitu berkenaan aerodrom. Setelah mendapati aerodrom tersebut mematuhi *Annex 14*, DCA akan mengeluarkan perakuan dan DCA akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa, dengan izin, *initial planning of aerodrome*.

Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan juga telah membangkitkan isu kemudahan orang kurang upaya di lapangan terbang. Juga isu dua orang yang kurang upaya pada 14 Disember 2014 yang dikenakan caj RM60 untuk *check in,* dengan izin, kerusi roda. Untuk makluman pihak Kementerian Pengangkutan akan menyiasat perkara ini dengan pihak *AirAsia* bagi mendapatkan penjelasan. Pihak Malaysia Airport juga ada menyediakan kemudahan *buggy,* dengan izin, di KLIA2. Juga bagi mereka yang terdiri daripada orang kurang upaya bolehlah mendapatkan kemudahan tersebut tanpa bayaran.

Isu kelima Tuan Yang di-Pertua ialah tentang kewangan. Ini dibangkitkan antara lain oleh Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid tentang pembentangan laporan tahunan suruhanjaya di Parlimen. Untuk makluman fasal 90 ada memperuntukkan suruhanjaya untuk memberi kepada Menteri apa-apa penyata laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktiviti dan kewangannya apabila dikehendaki oleh Menteri. Selanjutnya fasal 89 juga memperuntukkan kuasa suruhanjaya untuk melaksanakan audit ke atas mana-mana industri penerbangan dan laporan audit tersebut hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua majlis Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Satu lagi isu kewangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah berkenaan dengan fasal 25 sama ada Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan akan terdiri daripada *Airport Taxes* ataupun *Passenger Service Charge,* dengan izin.

Untuk makluman, Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan tidak termasuk *airport chargers*, dengan izin, yang dikutip oleh operator lapangan terbang daripada pengguna. Caj yang dikutip oleh suruhanjaya dan dimasukkan ke dalam kumpulan wang merupakan caj yang dikenakan oleh suruhanjaya bagi perkhidmatannya. Caj yang dikenakan oleh perkhidmatan suruhanjaya tidak membebankan kepada pengguna. Itu *not to be passed on to consumers,* dengan izin.

Satu lagi isu kewangan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon iaitu berkenaan dengan isu jika terdapat lebihan pendapatan, adakah pendapatan itu akan disimpan atau akan diberikan kepada Kementerian Pengangkutan atau Kementerian Kewangan?

Untuk makluman lebihan pendapatan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan di bawah fasal 25. Menteri yang bertanggungjawab bagi suruhanjaya ini Menteri Pengangkutan dan oleh itu suruhanjaya akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan.

Isu keenam ialah tentang percantuman ataupun *merger* yang dibangkitkan antara lain oleh Senator Tuan Chong Sin Woon iaitu siapakah yang akan menentukan isu berkenaan dengan isu percantuman ini? Untuk makluman suruhanjaya akan mengawal selia percantuman dan bukannya Menteri Pengangkutan.

Fasal 55 memperuntukkan tentang apa-apa percantuman yang dihasratkan dan suruhanjaya akan membuat keputusan mengenainya. Di bawah fasal 65, Suruhanjaya boleh mengeluarkan garis panduan berhubung jenis percantuman.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai komen terakhir mungkin izinkan saya membangkitkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator tentang perkhidmatan *Malaysian Airlines* dan juga daripada segi jenis-jenis makanan yang disediakan. Memang kita menyokong agar *Malaysian Airlines* memperbanyakkan lagi produk-produk tempatan dalam penyediaan makanan mereka. Mereka sebenarnya telah mula melaksanakan bukan sahaja sate yang kita biasa makan tetapi juga kalau kita ikutkan minuman itu selain daripada *apple juice* dan *orange juice,* dengan izin, yang disediakan. Sebenarnya *pink guava,* dengan izin, ataupun buah jambu batu yang berwarna *pink* itu merupakan produk tempatan. Banyak idea lagi yang akan kita ajukan kepada pihak *Malaysian Airlines.*

Banyak terdapat komen-komen tentang syarikat-syarikat penerbangan daripada Timur Tengah yang dikatakan memberikan perkhidmatan yang baik dan juga memberikan menawarkan harga yang rendah. Sebenarnya sebagai seorang yang sebelum ini banyak *travel,* dengan izin, bukan sahaja di rantau ini tetapi juga di peringkat antarabangsa. Saya sendiri telah mencuba pelbagai servis, memang betul bahawa sekarang ini terdapat banyak persaingan di mana lebih banyak lagi syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan yang baik, *connectivity,* dengan izin, yang baik dan juga pada harga yang amat berpatutan.

Walau bagaimanapun, saya rasa *Malaysian Airlines* apa kurangnya. Daripada segi perkhidmatan kabin disahkan yang terbaik antara yang terbaik di dunia. Kalau hendak kita sebut dalam konteks harganya sekarang ini *Malaysian Airlines* sudah banyak kali mengadakan banyak promosi harga tiket yang amat *competitive.*

Sebagai contoh seeloknya kalau hendak pergi ke Sabah itu Kota Kinabalu sebagai contohnya tidak sampai RM400 untuk kelas ekonomi. Kalau hendak pergi ke Langkawi itu tidak sampai RM200, kalau hendak pergi luar negara boleh pergi ke Jakarta pada harga RM385 dan kalau hendak pergi ke London harganya murah juga pada harga RM2,555. Apa yang saya hendak nyatakan di sini adalah agar kita bersama-sama membantu, menyokong syarikat penerbangan nasional kita ini. Kalau ada kekurangan itu kita bantu mereka untuk memperbaikinya, tetapi sokongan daripada semua rakyat Malaysia termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini adalah amat penting. Ini supaya kita dapat memastikan bahawa *Malaysia Airlines* yang kita cintai ini dapat dipulihkan semula melalui program pemulihan MAS yang diterajui oleh Khazanah pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya berterima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan saya mohon untuk rang undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**■1610**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal 1 hingga 105** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua

**4.13 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian dari tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua peruntukan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua tahun 2014 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2014 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2014 yang dibentangkan adalah berjumlah RM3,972.1 juta iaitu sebanyak RM1,748.6 juta peruntukan tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM2,223.5 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan. Tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM2,223.5 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut; 4.1 sebanyak RM942.6 juta peruntukan tambahan secara langsung untuk menampung lebihan perbelanjaan kementerian-kementerian yang sebahagian besarnya adalah untuk pembayaran emolumen kakitangan awam.

Sebanyak RM1,036.5 juta adalah untuk pindahan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan 2014 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baru tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2014 yang berjumlah sebanyak RM39,503.5 juta. Bakinya dibiayai melalui pinjaman dan sebanyak RM244.4 juta adalah bagi merekrut semula yang telah didahulukan dari Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2014 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

| Kementerian | Anggaran Perbelanjaan Tambahan (RM/juta) |
|---|---|
| Kementerian Pendidikan | 428.0 |
| Jabatan Perkhidmatan Awam | 287.0 |
| Kementerian Kesihatan | 200.7 |
| Kementerian Wilayah Persekutuan | 34.4 |
| Kementerian Luar Negeri | 26.8 |
| Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi | 10.0 |

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2014 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2015 dan memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A, Tahun 2015. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya memberi ruang kepada Yang Berhormat untuk turut serta untuk membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa saya telah menerima satu nota dari Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki di mana beliau telah menyenaraikan semua nama ataupun rang undang-undang yang beliau turut serta membahas. Jadi saya ucapkan terima kasih sebab ini memudahkan lagi Tuan Yang di-Pertua dan saya untuk mengatur masa kita berbahas pada hari ini. Saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat yang lain kalau boleh ikut apa Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf telah buat. Terima kasih.

Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, silakan Yang Berhormat.

**4.18 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Bekalan Tambahan (2014)2015. Tambahan perbelanjaan ini telah dibahagi kepada dua iaitu perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan pembangunan. Bagi tujuan perbahasan ini, saya akan pergi satu persatu kepada maksud-maksud yang saya pilih dan saya akan bahaskan dan saya mulakan dengan perbelanjaan mengurus.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Di bawah perbelanjaan mengurus ini kita dapati bahawa perbelanjaan tanggungan ialah sebanyak RM1.7 bilion manakala perbelanjaan bekalan ialah sebanyak RM2.2 bilion. Daripada RM1.7 bilion perbelanjaan tanggungan hampir kesemuanya mengikut Maksud T.14 iaitu pencen, elaun bersara dan ganjaran.

Ini ialah untuk menampung bayaran faedah persaraan kepada para pesara kerajaan tahun 2014. Sebenarnya sejak lima tahun yang lalu ini memang ada pertambahan perbelanjaan dua kali dan saya nampak bahawa tiap-tiap tahun kita mendapat permohonan untuk menambah perbelanjaan bagi bayaran pencen, elaun dan juga emolumen yang lain misalnya.

**■1620**

Di sini RM1.7 bilion adalah untuk pesara tadi dan yang lain-lain dan kalau kita ambil pula misalannya Maksud B.41, Kementerian Pendidikan, dimohon RM428 juta peruntukan tambahan bagi emolumen dan bagi Maksud B.42, Kementerian Kesihatan diminta pula tambahan sebanyak RM200 bilion.

Perkara seperti ini, permintaan tambahan bagi emolumen, pencen dan sebagainya berlaku tiap-tiap kali, kadang-kadang dua kali setahun. Jadi saya hendak mengulangi apa yang pernah saya sebutkan yang lalu, mengapa kita tidak dapat *project*kan misalannya apa perbelanjaan-perbelanjaan pada masa akan datang supaya semua perbelanjaan sudah dimasukkan dalam belanjawan ibu yang mula-mula dibentangkan. Jika misalnya kita dah masukkan dalam belanjawan ibu, maka tidak perlulah tambahan-tambahan ini kerana tambahan-tambahan ini akan menambahkan lagi defisit kita bagi tiap-tiap belanjawan.

Sekarang saya pergi kepada perbelanjaan bekalan Maksud B.7. Disebut di sini bahawa diperlukan RM287 juta untuk dibayar kepada pesara kerajaan dan ini untuk perbelanjaan bantuan khas. Saya ingin mengetahui apakah dia bantuan khas itu kerana tidak saya lihat disebut di mana-mana di sini.

Berpindah kepada Maksud B.12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun. Diminta di sini tambahan sebanyak RM210 juta iaitu yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bantuan bencana banjir. Melalui akhbar dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Menteri, kita dapati bahawa dikatakan sudah diperuntukkan sebanyak antara RM800 juta sehingga RM1 bilion bagi bantuan bencana banjir.

Di sini diminta tambahan RM210 juta. Kalau tidak salah saya dalam Dewan Rakyat, Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen telah menyatakan bahawa sebanyak RM338 juta sudah dibelanjakan daripada RM800 juta yang saya sebutkan tadi. Jadi bererti bahawa masih ada baki RM462 juta. Saya ingin mengetahui jikalau ada baki seumpama itu? Ke manakah baki itu telah pergi dan mengapakah sekarang ini diperlukan pula tambahan RM210 juta lagi?

Sekarang saya pindah kepada Maksud B.13. B.13 berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Di sini diminta kira-kira RM27 juta bagi menampung pelbagai perbelanjaan. Disebut di sini tentang pelbagai perbelanjaan tetapi kenapakah tidak diberikan butir-butir yang lengkap tentang pelbagai perbelanjaan itu. Misalannya berapa banyak dibelanjakan untuk penganjuran program sempena ulang tahun ke-40 hubungan China-Malaysia. Berapa banyak misalannya perbelanjaan berkaitan dengan insiden MH370 dan MH17 seperti yang dinyatakan di sini. Berapa banyakkah pula untuk melobi terhadap pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap dalam Majlis Keselamatan?

Jadi saya ingin mendapat butir-butir mengikut tiap-tiap tajuk itu dan jangan dilonggokkan hanya sebagai pelbagai perbelanjaan sebab butir-butir ini penting untuk diketahui. Oleh sebab kalau kita ambil misalannya perbelanjaan untuk mendapatkan sokongan pencalonan sebagai ahli tetap Majlis Keselamatan, sebenarnya dalam permintaan tambahan perbelanjaan yang pertama dulu sudah diperuntukkan RM20 juta. Jadi adakah RM20 juta itu tidak cukup? Kalau tidak cukup, berapa yang diminta sekarang ini? Itulah contoh misalnya butir yang saya perlukan.

Kemudian Maksud B.32 tambahan sebanyak RM34 juta adalah dikehendaki bagi menampung Pembayaran Tunggakan Yuran Pelupusan (PTP) di Tapak Pelupusan Simetri Sisa (TPS) Bukit Tanggar. Yang menjadi persoalan saya di sini ialah Bukit Tanggar ini adalah dalam Selangor tetapi mengapakah pembayaran yuran bagi Bukit Tanggar ini adalah diurus di bawah Kementerian Wilayah. Sebab itu saya nampak macam tidak kena perkara ini. Saya minta penjelasan mengapa pelupusan yang dilakukan di Selangor diuruskan oleh Kementerian Wilayah.

Sekarang izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk pergi kepada Perbelanjaan Pembangunan. Berhubung dengan ini, saya pergi kepada Maksud P.27 5.2. Dalam 5.2 ini diminta sebanyak RM836 juta lebih kurang bagi projek memperelok jalan-jalan.

Jadi hampir RM1 bilion untuk memperelok jalan-jalan tetapi yang agak mengagumkan saya sedikit ialah bahawa untuk Semenanjung diperuntukkan atau diminta sebanyak RM836 juta. Manakala untuk Sabah Sarawak hanya RM58 juta.

Walaupun ada misalnya rancangan untuk membuat lebuh raya di Sarawak dan sebagainya tetapi kita tahu bahawa keadaan jalan umumnya, terutama jalan perkampungan dan pedalaman dan seumpamanya adalah paling teruk di Sabah Sarawak, jauh lebih teruk misalnya keadaannya di Semenanjung. Jadi pada fikiran saya yang agak *simple* ini, sepatutnya peruntukan ke Sabah Sarawak itu harus jauh lebih tinggi dan tidak misalnya hanya kira-kira seperlima sahaja daripada peruntukan bagi Semenanjung.

Sekarang saya pergi kepada Maksud P.43 iaitu tentang pengurusan sisa pepejal. Di sini peruntukan tambahan ialah sebanyak RM619 juta. Kita ketahui bahawa di Semenanjung ada tidak kurang daripada 160 buah tapak pelupusan pepejal. Di Sabah Sarawak katanya ada 10 di Sabah dan 10 di Sarawak tetapi saya tidak dapat angka yang sebenarnya.

Di Semenanjung ini ada 161. Kos bagi penyelenggaraan tapak-tapak ini adalah tinggi. Misalnya kos bagi Kuala Lumpur sahaja tahun yang lalu tidak kurang daripada RM500 juta.

**■1630**

Oleh sebab kerja-kerja tempat pelupusan pepejal ini diberikan kepada syarikat-syarikat konsesi, nampaknya berlaku juga sedikit masalah berhubung dengan *transparency.* Ini terutama kita lihat iaitu pada 25 Mac 2015, laporan telah dibuat ke atas lapan buah syarikat yang dianggap sebagai telah menyeleweng. Memang betul bahawa ini baru sahaja laporan dibuat iaitu bulan Mac dahulu, tetapi saya ingin mendapatkan penjelasan tentang setakat manakah penyiasatan yang telah dijalankan dan apakah tindakan-tindakan yang mungkin diambil nanti?

Mengenai Maksud P.60 Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkaitan dengan perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan perbelanjaan ini terbahagi terutama kepada tiga perkara. Perkara pertama ialah sebanyak hampir RM400 juta yang dikehendaki bagi menampung perolehan enam buah *Second Generation Patrol Vessel Littoral Combat Ship.* Enam buah sebanyak kira-kira RM400 juta, hampir RM400 juta. Keduanya, sebanyak RM2 juta bagi menampung kos pembinaan Pusat Servis Teknikal bagi penyenggaraan pesawat di Pengkalan Udara Gong Kedak, Terengganu. Ketiga, sebanyak RM5 juta bagi tentera udara yang dikehendaki bagi Tentera Udara Diraja Malaysia. Jadi yang kita lihat di sini ialah jumlah yang terbesar iaitu RM400 juta ialah bagi kelengkapan untuk kapal tadi.

Saya ingin tahu, adakah kapal yang akan dibeli ini atau lain-lain yang akan dibeli dengan perbelanjaan yang lain akan digunakan terutama bagi menjaga keselamatan di Sabah? Ini kerana berulang kali sudah disebutkan dalam Dewan ini tentang masalah keselamatan di Sabah dan telah dicadangkan beberapa kali tentang apa dia patut dilakukan untuk mempertingkatkan alat-alat keselamatan, aset-aset bagi menjaga keselamatan di Sabah itu.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya mendapatkan penjelasan tentang berapakah atau adakah tambahan-tambahan ini terutama bagi bot ini berkaitan dengan Sabah tadi? Adakah peruntukan-peruntukan tambahan seperti ini sudah mencukupi untuk menjaga keselamatan di Sabah yang pantainya yang begitu panjang itu? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim.

**4.33 ptg.**

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015.

Saya ada sedikit saja nak sentuh iaitu peruntukan di bawah B.13 iaitu peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini, saya nak minta penjelasan Menteri yang berkenaan bersangkut paut dengan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

Kita dah bercakap berhubungan dengan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu ini dah lama dan saya ucapkan tahniahlah kepada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang telah melancarkan perancangan untuk membangunkan Kampung Baru yang kita harap akhirnya akan menjadi satu kenyataan. Caranya ialah kerjasama di antara tuan tanah dan juga agensi-agensi yang berkenaan termasuklah saya dengar Khazanah, UDA, PNB, Sime Darby dan sebagainya.

Akan tetapi, pada pendapat saya, sebelum *joint venture* ataupun perkongsian ini dapat dijalankan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu sendiri mesti diperuntukkan kewangan yang munasabah untuk bermula. Saya bawa perkara ini sebab saya dengar desas desus bahawa Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu ini tidak diberi peruntukan yang mencukupi untuk pengurusan dan juga untuk infrastruktur.

Keduanya, ada juga saya pun terkeliru peruntukan Kampung Baru ini di mana di*park*nya? Adakah terus menerus diberi kepada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu itu sendiri ataupun diletakkan di Kementerian Kewangan ataupun diletakkan di Kementerian Wilayah Persekutuan? Ini kerana dalam pengalaman saya, lambat sangat untuk mendapat kelulusan untuk membuat sesuatu.

Jadi saya nak mintalah penerangan yang pendek ini daripada Menteri. Pertama, sebanyak manakah yang sebenarnya diperuntukkan oleh kerajaan untuk Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu ini untuk mencapai kejayaan? Ini sebab selain daripada pelancaran, kita tak nampak lagilah apa-apa lagi yang dibuat kalau kita betul-betul ada *political will* untuk membangunkan Kampung Baru yang kita telah bercakap dah lama berhubung dengan perkara ini. Keduanya, kementerian manakah yang diperuntukkan ini? Adakah ia datang terus menerus daripada Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan?

Itu sahaja perbahasan saya yang pendek berhubung dengan akta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Silakan Yang Berhormat.

**4.38 ptg.**

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015. Saya mengambil kesempatan menyokong rang undang-undang yang diperuntukkan sejumlah wang RM2.23 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, hanya ada dua tiga perkara yang saya ingin ketengahkan pada hari ini. Pertama saya ingin mendapatkan penjelasan dan maklumat terkini mengenai gambaran maklumat dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu mengenai gambaran makro atau gambaran sebenar keadaan ekonomi kita yang terkini, tahun 2014 khasnya menyentuh yang pertamanya tentang jumlah kutipan hasil kita.

Selepas itu kita minta kalau boleh apakah perbelanjaan sebenar kita untuk tahun 2014? Ketiga, kita mahu dapat maklum tentang nilai GDP kita kerana ia ada hubung kait dengan hasil dan juga perbelanjaan negara. Dalam masa yang sama juga, kita nak tahu tentang akaun semasa hutang negara, selepas itu defisit fiskal dan juga kadar servis kita, keupayaan untuk kita membayar semula.

**■1640**

Seterusnya saya pergi kepada butiran-butiran dalam rang undang-undang ini iaitu yang pertama kita dapati daripada peruntukan tambahan ini yang terbesarnya ialah itu tambahan sebanyak RM1.75 bilion untuk menyumbang bayaran faedah persaraan kepada pesara-pesara kerajaan. Semasa kita membentangkan bajet tambahan yang lepas kita luluskan sebanyak RM500 juta untuk dipohon diluluskan bagi tujuan yang sama.

Jadi saya mohon kepada pihak kerajaan supaya dapat memberikan penerangan tentang apakah sebenarnya punca yang mendorong kepada permohonan tambahan yang besar ini. Adakah ia disebabkan oleh kelemahan dalam kita membuat anggaran awal dulu.

Saya juga ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai tambahan sebanyak RM428 juta yang diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kakitangan-kakitangan awam sedangkan kementerian lain tidak pun meminta apa-apa bantuan tambahan untuk tujuan ini iaitu pembayaran imbuhan tahunan dan bantuan khas kewangan. Jadi kita hendak tahu apakah sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan GST, walaupun telah ramai sahabat-sahabat di Dewan ini yang telah berbahas mengenai isu ini pada minggu yang lepas, ada beberapa perkara yang saya rasa perlulah penjelasan segera daripada kementerian dan penambahbaikan segera dilaksanakan. Semua sedia maklum GST ini satu sistem pencukaian yang cukup efisien dan telus. Saya juga bersetuju. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang merunsingkan setelah pelaksanaan yang telah masuk hari yang ke-22. Saya harap ia dapat dijelaskan dan diperbaiki oleh kementerian yang terlibat sesegera mungkin.

Pertama, saya mohon kementerian memantau kenaikan harga-harga makanan di kesemua restoran sama ada yang berdaftar dengan GST atau tidak. Rakyat tertanya-tanya, mengapakah boleh jadi begini? Mengapa kenaikan harga makanan boleh berlaku sedang pengusaha-pengusaha restoran ini membeli barangan asas seperti daging, ayam dan sebagainya tidak dikenakan GST.

Mari kita lihat sendiri realiti sebenar yang berlaku sekarang. Sepinggan nasi goreng yang dijual pada hari ini RM3, sekarang telah meningkat kepada RM7.50. Harga kari kepala ikan telah meningkat lebih daripada 100 peratus dari RM35 kepada RM80 sekarang. Saya masih ingat bahawa kementerian melalui Timbalan Menteri Kewangan Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan berkata pada Mei tahun lepas bahawa hanya 10 peratus daripada jumlah barang akan menjadi lebih mahal selepas pelaksanaan GST. Manakala harga untuk 48 peratus daripada jumlah barang akan kekal tidak berubah dan 42 peratus akan menjadi lebih murah.

Beliau berkata lagi Januari ini bahawa kerajaan menjangkakan hampir 54 peratus barangan akan menjadi lebih murah. Tiada daripada setiap ramalan ini menjadi kenyataan. Menurut kaji selidik FOMCA harga beberapa barangan 20 peratus sehingga 30 peratus lebih tinggi daripada harga rujukan kerajaan. Realitinya secara keseluruhan, berapa peratus harga barangan yang turun? Berapa peratus harga barangan yang naik?

Saya bertanyakan ini oleh sebab baru-baru ini FOMCA telah mengesahkan bahawa kenaikan harga barang bagi kebanyakan produk dan barang telah naik antara 20 peratus sehingga antara 30 peratus selepas sahaja pelaksanaan GST yang bermula dari 1 April 2015. Selepas perbandingan yang dibuat oleh FOMCA, merujukkan kepada buku rujukan dan panduan harga penggunaan yang dikeluarkan sendiri oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, sekiranya pemantauan itu yang dibuat oleh FOMCA ini benar, ini membimbangkan Tuan Yang di-Pertua. Rakyat sememangnya akan terbeban.

Ramai penjaja telah menaikkan harga mereka kerana kos yang semakin meningkat. Margin mereka jauh lebih daripada 6 peratus. Sebelum ini kerajaan telah memikirkan bahawa dengan pengenalan GST 6 peratus yang akan menggantikan cukai jualan 10 peratus, harga barang akan turun sebanyak RM4 peratus. Akan tetapi hakikat sebenarnya sangat berlainan. Realiti adalah banyak PKS yang tidak menggunakan untuk *sales tax refund* oleh sebab prosedur yang rumit. Dengan demikian mereka akan memindahkan *overhead* kepada pengguna.

Cuba kita perhatikan harga barangan elektrik yang dijangka akan turun tetapi pada masa sekarang ia lebih mahal. Memang ada barang-barang tertentu yang lebih murah seperti kereta. Akan tetapi berapa kerap pemuda, pemandu menukar keretanya. Tuan Yang di-Pertua, banyak harga barang telah meningkat sebanyak 20 peratus sehingga 30 peratus. Jika harga tidak turun dalam tempoh tiga bulan saya berpendapat bahawa golongan berpendapatan rendah akan menderita dan ia akan berpotensi boleh mencetuskan masalah sosial.

Keduanya, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian berkenaan sejauh manakah sentimen pengguna terhadap GST mempengaruhi permintaan dalam negeri dan kadar inflasi kita pada masa sekarang. Ramai pihak di luar menyalahkan pihak kerajaan kerana mereka kekurangan pemahaman komprehensif GST sebagai contoh, isu GST lebih 6 peratus untuk kad prabayar telah menyebabkan banyak kekeliruan maka ramai pengusaha yang akan boikot penjualan. Kemudian kita mengenakan 10 peratus caj yang dikenakan oleh hotel dan outlet F&B yang telah dikenakan sekian lama tanpa banyak salah faham dan masalah.

Sehingga GST diperkenalkan, saya memahami bahawa niat kerajaan untuk menghapuskan caj perkhidmatan 10 peratus ini baik. Akan tetapi perlulah diingat hakikat bahawa berupa gaji bulanan lebih daripada 100,000 orang pelayan di negara ini RM350 hingga RM1,200. Mereka ini mengharapkan *percent* daripada caj perkhidmatan ini. Kerajaan juga mempunyai kewajipan untuk menjaga kebajikan mereka dan mempertimbangkan perkara ini jika ada sebarang peraturan harus dibuat. Dakwaan bahawa pengguna mempunyai kuasa untuk menolak pembayaran bayaran caj perkhidmatan jika mereka tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan tidak meletakkan restoran dalam dilema dan sejauh manakah kebenaran dakwaan ini berlaku selama ini.

Seterusnya kerajaan menyasarkan peningkatan hasil cukai dengan RM22 bilion daripada GST. Akan tetapi jika kekeliruan, semasa yang berlaku dan sentimen pengguna yang tidak dipulihkan, ia tidak akan menjadi mudah untuk mencapai sasaran pendapatan yang diingini. Jika kadar ringgit terus jatuh dan kerajaan gagal meninggalkan eksport negara, kita perlu beralih kepada permintaan dalam negeri untuk mengembangkan ekonomi. Ramai pihak bimbang dengan pengenalan GST akan terus mengurangkan permintaan dalam negeri.

**■1650**

Seterusnya berkenaan dengan kenaikan tarif air di Sabah. Saya lihat situasi ini tidak sesuai bila mana rakyat sedang merasai kenaikan harga barang akibat pelaksanaan GST. Ditambah pula dengan kenaikan tarif air, bebanan rakyat akan bertambah. Umumnya, peniaga yang menggunakan air pada jumlah kuantiti yang banyak terutamanya restoran-restoran akan terkesan. Mereka ini akan memindahkan bebanan kenaikan tarif air ini kepada pelanggan mereka dan apabila pelanggan mereka menyedari akan kenaikan harga makanan, maka mereka tanpa usul periksa terus menyalahkan kerajaan kerana melaksanakan GST, sedangkan ia tiada kaitan.

Oleh yang demikian, saya memohon supaya Kerajaan Persekutuan berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah agar mempertimbangkan semula kenaikan tarif air yang memberikan kesan yang besar kepada peniaga dan juga rakyat secara umumnya. Seterusnya saya berharap agar penyampaian maklumat GST bolehlah kerajaan haruslah dibuat melalui *collective*, harus dibincangkan dan mendapat satu kata putus yang sama.

Akan tetapi kita lihat selepas pelaksanaan GST, banyak percanggahan maklumat antara Kementerian Kewangan dan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Pelbagai isu termasuk laporan aduan jenis barang dan perkhidmatan yang dikecualikan cukai dan sebagainya. Ini perlu diperbaiki segera bagi mengelakkan persepsi yang negatif menular di kalangan masyarakat Malaysia.

Perkara yang terakhir dalam isu GST ini saya ingin mendapatkan maklumat daripada segi informasi angka dan maklum balas daripada kementerian berkenaan, respons daripada pengilang, pemborong, peniaga dan pengguna mengenai pelaksanaan GST setakat ini, serta setakat mana penambahbaikan yang dibuat oleh kementerian melalui segala aduan dan cadangan yang diberikan oleh mereka.

Saya nyatakan yang saya mencadangkan kepada kerajaan agar mengguna hasil cukai GST ini, kelak digunakan untuk mengelakkan kemaslahatan rakyat ketika ini.

Mengurangkan beban mereka secara lebih berkesan, sebagai contoh menurunkan tarif bil elektrik, menurunkan harga air, tol dikurangkan atau dihapuskan atau sebagainya, bukan kepada projek fizikal semata-mata tetapi lebih kepada mengurangkan perbelanjaan harian mereka. Saya rasa dengan semua ini, bukan sahaja akan mengurangkan keluh kesah rakyat tentang GST, tetapi mereka rasa lega, mereka rasa berbaloi dengan cukai yang dibayar selama ini. Malahan tidak mustahil, sokongan mereka kepada kerajaan akan kembali pulih.

Saya rasa setakat ini sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

**4.53 ptg.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*... *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan sekali lagi peluang dan kesempatan untuk saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015. Kerajaan telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus ke-dua tahun 2014 berjumlah RM2.2 bilion daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berhubung dengan tambahan perbelanjaan sebanyak RM942.6 juta untuk menampung lebihan perbelanjaan kementerian-kementerian untuk menampung emolumen kakitangan awam. Saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, apakah punca berlaku lebihan perbelanjaan kementerian-kementerian daripada segi emolumen dan sejauh manakah rakyat dan negara mendapat manfaat dengan penambahan emolumen penjawat awam ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan maksud B.13 - Kementerian Luar Negeri berjumlah RM26,886,300 bagi menampung pelbagai perbelanjaan seperti ulang tahun ke-40 hubungan dua hala Malaysia-China, perbelanjaan berkaitan insiden MH370 dan MH17, melobi pencalonan Malaysia sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB dan persiapan Malaysia mengambil alih jawatan Pengerusi ASEAN 2015. Saya ingin mendapatkan pencerahan kerajaan tentang pembahagian perbelanjaan bagi urusan-urusan yang dinyatakan tadi dan perbelanjaan terperinci berkaitan insiden MH370 dan MH17 Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan B.27 - Kementerian Kerja Raya, Butiran 70000 mengenai memperelok jalan-jalan sebanyak RM836,520,000 bagi keperluan membaiki jalan cerun dan laluan Persekutuan di seluruh negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan tentang pembahagian peruntukan ini mengikut negeri dan perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi laluan jalan Persekutuan di negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang, ini berhubung dengan P.43 - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Butiran 00500 mengenai pengurusan sisa pepejal sebanyak RM619,645,020 untuk membiayai pembayaran kepada konsesi yang melaksanakan kerja-kerja pembersihan sisa pepejal di tujuh buah negeri yang terlibat dalam pelaksanaan penswastaan sisa pepejal dan pembersihan awam. Saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, KPKT menyatakan tujuh buah negeri yang menerima peruntukan tambahan ini serta jumlah bayarannya dan sama ada semua negeri telah memberikan persetujuan bagi pelaksanaan penswastaan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Berhubung dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini juga, tentang Butiran 04001 sebagai peruntukan tanda bagi mewujudkan butiran bagi membolehkan pindaan peruntukan dibuat iaitu bagi tujuan penyelenggaraan perumahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan projek ini, terutamanya sama ada ia bertujuan untuk keceriaan bandar seperti mengecat semula bangunan lama dan sebagainya.

Saya tidak ingin mengambil masa yang panjang dalam perbahasan saya ini. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Silakan Yang Berhormat.

**4.58 ptg.**

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015. Saya ada lima perkara untuk saya sampaikan di sini.

Pertama merujuk kepada Kertas Perintah Pertama Perbekalan Tahun 2015 bagi maksud B.12 sejumlah RM210 juta diperuntukkan bagi Tabung Bantuan Bencana Negara. Kita telah mendengar pelbagai jumlah disebut. Dalam bantuan pengurusan pasca bencana negara ini, saya mohon mendapatkan pecahan sebenar perbelanjaan bantuan yang terlibat. Juga, berapakah nilai bantuan kewangan yang diberikan kepada isi rumah atau individu mangsa banjir? Seterusnya, berapakah kos membina semua rumah mangsa banjir bagi mereka yang hilang atau rosak sepenuhnya rumah mereka, bilangan mangsa terlibat dan bilakah rancangan membina semua rumah itu akan siap?

**■1700**

Berapakah jumlah mangsa? Jumlah wang pada rumah yang separuh rosak dan bantuan baik pulih yang diberikan kepada mereka?

Perkara B.13 telah rakan saya sampaikan, maksudnya sama dan seterusnya ialah Kertas Perintah 2, Perbekalan Tambahan 2015 bagi Maksud P.60. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM399.3 juta bagi menampung pembelian enam buah OPV, *Second Generation Patrol Vessel Littoral Combat Ship* sebagai kelengkapan Tentera Laut. Saya memohon penjelasan terperinci di sini anggaran kos perolehan ini.

Seterusnya, apa yang dimaksudkan di dalam- apa yang saya dapat maklum ialah sebuah OPV seperti yang diperoleh ini berjumlah USD466 juta satu. Jadi enam buah menjadikannya USD2.8 bilion. Soalan saya, jumlah RM399.3 juta ini, ia untuk peringkat yang mana satu? Adakah ia untuk peringkat *engineering, design* sahaja ataupun perolehan seterusnya? Saya mohon penjelasan terperinci daripada anggaran kos perolehan enam OPV ini dan apakah jumlah yang sebenarnya?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat maklum bahawa kapal ini dibina oleh Boustead Naval Shipyard Sendirian Berhad. dan memberi syarat supaya ia mengambil penyertaan semaksimum mungkin, penyertaan daripada anak-anak syarikat tempatan. Soalan saya ialah, berapakah bilangan vendor bumiputera yang terlibat mengikut sektor binaan kapal dan pembekalan peralatan? Seterusnya, saya mohon kementerian menyatakan secara terperinci sehingga kini status terkini skim perolehan ini dan jumlah vendor serta guna tenaga tempatan yang dimanfaatkan bagi menjana ekonomi negara dan anjakan bidang teknologi maritim dan ketenteraan.

Seterusnya, perkara tiga Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud P.43, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, peruntukan tambahan sebanyak RM609.6 juta dimohon bagi membiayai operasi pembersihan sisa pepejal pada tahun 2014 untuk tujuh buah negeri. Bencana banjir 2014, banyak sisa pepejal telah tersadai di seluruh kawasan terlibat banjir dan kerajaan membelanjakan wang bagi tujuan pembersihan. Saya mohon kementerian memperincikan perkara berikut:

(i) senarai bajet operasi pembersihan sisa pepejal di tujuh buah negeri;

(ii) senarai belanja pelaksanaan penswastaan bagi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada tahun 2014; dan

(ii) belanja pengurusan sisa pepejal selepas bencana banjir.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk pula kepada perkara P.23, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Butiran 02304 dan Butiran 13700 – Bayaran Khas Pengambilan Balik Tanah, tambahan RM10 juta kepada yang sedia iaitu jumlah RM1 bilion iaitu bayaran luar jangka. Butiran 13700 – Bayaran Tanggungan untuk Pengambilan Tanah, tambahan RM4 juta kepada RM10 juta pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka. Diharap Yang Berhormat Menteri dapat maklum kepada Dewan ini tempat atau lokasi dan tujuan khusus peruntukan ini diperlukan. Seterusnya, jika Butiran 02034 sudah diperuntukkan, kenapakah perlu pula Butiran 13700? Kenapakah pula digunakan pendahuluan Simpanan Luar Jangka? Apa perbezaannya Butiran 02304 dan Butiran 13700, satu pengambilan tanah dan satu lagi kos pengambilan balik tanah. Mohon penjelasan.

Saya ingin balik kepada Maksud B.12. Antara perkara yang menyebabkan banjir ialah dikatakan perubahan suhu dan iklim semasa. Apa yang lebih mudarat ialah pembalakan yang terlampau di negeri-negeri yang menyebabkan berlakunya bencana banjir yang dahsyat dan mengakibatkan kerosakan yang amat besar dan menjadi beban kepada kewangan Kerajaan Persekutuan. Dalam bajet tambahan ini sebanyak RM210 juta digunakan bagi bantuan dan sumbangan kepada mangsa banjir. Ini belum termasuk RM670 juta yang mana saya dimaklumkan oleh Kementerian Pengangkutan bagi urusan pemulihan dan baik pulih landasan kereta api dan *rolling stock,* dengan izin, serta infrastruktur di sektor Pantai Timur dan pembersihan sisa pepejal yang disebutkan tadi.

Oleh itu saya menyeru agar kerajaan-kerajaan negeri dan mohon mencadangkan memperkenalkan dasar moratorium pembalakan dan aktiviti penerokaan tanah selama tiga tahun. Dalam tempoh ini saya berharap agar proses tanam semula dilakukan dan pemulihan tanah tinggi dilakukan segera agar banjir besar tidak berulang.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah yang telah menjalankan program moratorium pembalakan di negeri Kedah, syabas. Saya tidak nafikan kerajaan negeri akan kehilangan sumber kewangan. Jadi, saya memohon agar perolehan hasil yang hilang ini digantikan dengan pinjaman mudah dengan skim bayaran tertangguh diberi kepada kerajaan negeri agar kelestarian alam sekitar terpelihara dan beban kewangan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat diringankan. Dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terakhir Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah, silakan Yang Berhormat.

**5.07 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara, ada empat kesemua sekali. Pertamanya, bagi Maksud T.7 Suruhanjaya Pilihan Raya yang memohon tambahan peruntukan sebanyak RM638,000. Berkait dengan Pilihanraya Kecil (PRK) DUN Cempaka N.06 baru-baru ini pada 22 Mac 2015, berlalu hampir sebulan. Satu perbezaan yang ketara yang dapat dilihat adalah beza kualiti penggunaan dakwat kekal antara PRK N.06 baru ini dengan PRU yang lalu pada tahun 2013. Kalau PRU 2013, dakwat kekal yang dikatakan kekal, saya pun terlibat masa pengundian itu, dakwat tersebut hilang dalam masa sehari, boleh hilang. Akan tetapi bezanya dakwat yang digunakan pada PRK baru-baru ini ada yang masih kekal sehingga sekarang. Betul-betul kekal seperti inai yang kita pakai, inai daun.

Jadi saya pun keliru, sebenarnya apakah punca yang menyebabkan keadaan ini? Kalau kita lihat dari sudut beza, dakwat kekal yang digunakan dahulu agak cair dan disapu menggunakan berus. Dakwat kekal yang digunakan kali ini dikatakan seolah-olah seperti jeli dan dicelup, tidak menggunakan berus. Kualiti pun memang berbeza, yang itu boleh hilang dalam masa sehari, yang ini sebulan kalau tidak diberus, kalau tidak dibersihkan sebersih-bersihnya memang tidak akan hilang. Jadi, adakah berbeza harga antara dakwat kekal yang digunakan pada PRU dan dakwat kekal yang digunakan pada PRK sehingga menyebabkan perbezaan kualiti yang agak ketara? Itu yang pertama.

Kedua, bagi Maksud T.10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang melibatkan permohonan tambahan peruntukan sebanyak RM190,000.

**■1710**

Saya ingin menyebut dan membangkitkan di sini berkait satu tindakan tatatertib yang menyebabkan tindakan buang kerja ke atas seorang guru yang bernama Mohd Nor Izzat bin Mohamad Johari yang mana surat buang kerja tersebut telah diterima pada 17 hari bulan, berkuat kuasa pemecatan beliau dari 31 Mac. Bermakna, beliau terima lewat tarikh kuat kuasa surat tersebut, lebih awal dan beliau berjawatan pengerusi dalam sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Suara Guru Masyarakat Malaysia (SGMM). Di mana beliau ini secara lantang menegur pihak kerajaan, menegur Kementerian Pendidikan khususnya berkait dengan sistem yang telah diperkenalkan baru-baru ini iaitu sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Jadi sebelum itu beliau telah dikenakan tindakan tukar sekolah dalam masa 24 jam dan terbaru, beliau dikenakan tindakan buang kerja. Pertanyaan saya, adakah suatu yang tidak sihat, adakah suatu yang tidak boleh diterima oleh kerajaan apabila seorang penjawat awam menegur langkah-langkah kerajaan yang dirasakan tidak sesuai, yang dirasakan- dan beliau telah menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan para guru? Adakah kelantangan ini adalah suatu yang tidak sihat? Apabila tindakan pemecatan ini diambil, ia memberi gambaran bahawasanya kelantangan, tegur itu adalah seolah-olah suatu yang buruk.

Saya ingin bertanya, adakah kerajaan mengambil tindakan yang serupa ke atas guru-guru yang kadang-kadang ada juga yang cuai, yang tidak hadir bertugas dan yang ‘tuang’ kelas? Adakah tindakan tegas diambil ke atas guru-guru yang bertindak tidak berdisiplin ini? Jadi, saya mohon suatu data, satu statistik tindakan-tindakan disiplin yang dikenakan ke atas para guru dan apakah kesalahan-kesalahan mereka? Itu yang kedua.

Ketiga, dalam Maksud B.41 - Kementerian Pendidikan, khusus berkait dengan permohonan pelajar-pelajar kita yang memohon untuk menyambung pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi. Kalau dulu permohonan ke pusat-pusat pengajian tinggi, permohonan untuk melanjutkan pelajaran, semuanya dengan kita beli borang, kita pos borang tetapi hari ini, semua proses itu melalui proses *online* yang *paperless*.

Bagi saya, proses yang *paperless* ini, pertama, tidak memerlukan kertas, tidak memerlukan dakwat dan dari sudut proses menggunakan tenaga kerja yang lebih kurang kerana semuanya menggunakan sistem. Akan tetapi apa yang menjadi kemusykilan, saban hari harga pin- pelajar kita perlu membeli nombor-nombor pin bagi mengurus permohonan-permohonan ini. Kalau kita tengok dari harga-harga pin yang perlu dibeli ini, bagi yang biasa dimohon iaitu kategori ‘A’ dan kategori ‘B’ untuk UPU, kalau dulu RM10.60 bagi satu pin, sekarang kategori ini telah naik menjadi RM15.60. Itu bagi satu permohonan untuk melalui UPU.

Akan tetapi pelajar kita biasanya tidak akan membuat satu permohonan. Biasanya akan lebih daripada satu permohonan. Saya sebut beberapa contoh: untuk UiTM, program ijazah sarjana muda RM17; bagi politeknik dan juga kolej-kolej matrikulasi – RM6; bagi pusat perubatan Universiti Malaya, ijazah – RM26; dan untuk UPSI, diploma di UPSI – RM26. Apa yang saya sebut di sini adalah tidak termasuk penjualan modul dan yuran-yuran yang memang tinggi. Untuk MUET, pertukaran pusat ujian MUET - RM26, untuk tumpang pusat peperiksaan STPM – RM51.

Jadi, saya pernah terdengar pelajar-pelajar kita khususnya di luar-luar bandar, bayaran kepada pin-pin ini agak membebankan dan mereka terpaksa menyediakan hampir RM100 untuk beli pin-pin sahaja. Pembelian pin-pin ini belum tentu mereka mendapat jawapan yang positif. Kadang-kadang beli pin sahaja, satu permohonan pun tidak dapat. Jadi, saya mohon kerajaan melihat semula perkara ini. Sepatutnya permohonan yang dibuat secara *online*- saya melihat dari sudut kosnya, sepatutnya menjadi lebih rendah berbanding dengan pengurusan secara dokumen biasa yang melibatkan pengurusan kos pengurusan yang lebih tinggi.

Seterusnya, berkait bagi Maksud B.42 - Kementerian Kesihatan yang mana Kementerian Kesihatan memohon peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta di sini bagi kesihatan awam dan pembangunan kesihatan keluarga.

Melihat kepada kes-kes denggi yang begitu tinggi peningkatannya dari tahun lepas iaitu 2014, bilangan kes yang tinggi, begitu juga bilangan kematian- saya sendiri terlibat dengan beberapa program yang melibatkan kesedaran terhadap denggi ini pada waktu tersebut, yang mana pada waktu itu pejabat kesihatan, hospital sendiri terpaksa mengerah kakitangan-kakitangan daripada jabatan lain. Saya ambil contoh di Kota Bharu, terpaksa mengambil kakitangan dari jajahan-jajahan yang lain kerana tidak cukup kakitangan dan tentu sekali katil-katil tidak cukup, ubat-ubat tidak cukup. Saya yakin kerana itu pertambahan kepada peruntukan ini amat diperlukan.

Cuma dari satu sudut, dari sudut mewujudkan kesedaran orang ramai tentang penyakit bawaan ini seperti denggi, malaria, kepialu dan sebagainya, masyarakat tempatan seharusnya dilibat sama di dalam mewujudkan kesedaran ini. Pada waktu sekarang, untuk edaran risalah untuk *fogging*, untuk edar krim pencegahan nyamuk, semuanya dilaksanakan oleh kakitangan pejabat kesihatan. Saya kira perlu diwujudkan skuad sukarelawan khas di peringkat setempat bagi mewujudkan kesedaran-kesedaran ini yang mana mereka boleh dididik daripada awal untuk mewujudkan kesedaran dan untuk edaran risalah untuk *fogging,* perkara-perkara ini boleh dilaksanakan oleh skuad sukarelawan ini yang dilatih dari awal.

Jadi saya kira, tidak perlu pada tambahan kewangan yang banyak terutamanya ketika berlaku wabak ini secara berleluasa. Dalam masa yang sama, masyarakat secara langsung dididik untuk mengamalkan kebersihan, untuk tahu punca-punca yang membawa kepada merebaknya perkara ini dan mereka dilibatkan secara langsung dengan kesedaran dan pendidikan ini. Saya kira itu sahaja. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Seterusnya, dengan perbahasan Yang Berhormat itu tadi maka selesailah sesi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015. Maka dengan itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**5.19 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang turut terlibat dalam membahaskan rang undang-undang ini. Sebelum saya memulakan jawapan saya, terlebih dahulu saya yakin Yang Berhormat Senator membangkitkan isu-isu mungkin yang secara teliti sebagai contoh, mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan.

**■1720**

Sebenarnya ia usul yang hanya dibahaskan di Dewan Rakyat. Maka mungkin isu-isu yang dibangkitkan itu saya harap daripada segi kementerian-kementerian yang mengetahui mungkin boleh menghubungi Yang Berhormat Senator untuk memberi maklumat yang lebih lanjut kerana Dewan Negara hanya membahaskan rang undang-undang Perbekalan Tambahan yang berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus sahaja.

Saya tahu juga terdapat isu-isu mengenai tanggungan yang dibahaskan. Sebenarnya menurut Artikel 98 yang saya difahamkan, Perlembagaan Persekutuan sebenarnya urusan-urusan tanggungan tidak perlu dibahaskan tetapi yang isu-isu yang dibangkitkan, saya yakin kementerian yang berkenaan tentu akan memberi jawapan. Isu-isu yang dibangkitkan terutamanya mengenai Perbelanjaan Mengurus, nombor satu, terdapat banyak pertanyaan sama ada perbelanjaan tambahan ini semua akan menyebabkan agar defisit kita menambah.

Sebagai contoh, sebenarnya kalau kita melihat semenjak tahun 2009, defisit negara kita walaupun terdapat perbelanjaan pertambahan, defisit yang dicapai adalah kadang-kadang lebih baik daripada dianggar. Sebagai contoh untuk tahun 2010, defisit yang dianggar adalah sebanyak 5.6 peratus, tetapi kita mencapai 5.4 peratus. Untuk tahun 2013 sebagai contoh kita meramalkan 4 peratus defisit daripada KDNK tetapi kita mencapai sebanyak 3.9 peratus. Untuk KDNK negara pada tahun 2014, ia sebanyak 6 peratus dan defisit fiskal juga masih kekal di mana yang diramalkan sebanyak 3.5 peratus.

Kutipan hasil adalah sebanyak RM220 bilion dan perbelanjaan mengurus termasuklah perbelanjaan ini adalah sebanyak RM219.6 bilion. Perbelanjaan adalah secara keseluruhan 3.5 peratus defisit masih dikekalkan dan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah sebanyak RM582.8 bilion pada Disember 2014, dan sebanyak 54.5 peratus. Kerajaan terus komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55 peratus. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsiderasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dan mencapai bajet berimbang pada tahun 2020.

Terdapat pertanyaan mengenai terutamanya peruntukan tambahan sebanyak RM1.7 bilion iaitu terutamanya untuk tanggungan. Saya hanya memberi sedikit sebanyak info atau maklumat iaitu salah satu sebab terdapat peningkatan kos yang tidak dapat diramalkan adalah kerana tahun 2014 tahun pertama bermula persaraan 60 tahun selepas umur persaraan dinaikkan dari 58 tahun hingga 60 tahun, tahun pertama.

Nombor dua, terdapat juga kenaikan pencen tahunan pada kadar 2 peratus pada tahun 2013. Juga terdapat perubahan dasar kerajaan berhubung dengan kenaikan gaji tahunan juga menyumbang kepada kenaikan faedah persaraan pilihan dan itu sebab-sebab utamalah.

Peruntukan tambahan sebanyak RM287 juta yang dipohon oleh JPA adalah khususnya untuk bayaran khas pesara lanjutan daripada keputusan kerajaan untuk memanjangkan bonus tahunan yang diterima oleh penjawat awam kepada pesara dalam bentuk bayaran khas pesara. Bayaran itu dibuat sebanyak dua kali iaitu yang dibuat pada 2 Januari 2014 dan 15 Julai 2014. Peruntukan ini adalah luar jangka kerana pembayaran khas pesara tidak termasuk dalam peruntukan yang diluluskan dalam tahun 2014.

Terdapat juga pertanyaan mengapa daripada segi emolumen kakitangan awam tidak dapat dibajetkan lebih awal? Ini adalah kerana pada setiap tahun kerajaan akan menyediakan peruntukan mencukupi bagi emolumen dengan mengambil kira pengisian perjawatan sedia ada di kementerian. Namun begitu, terdapat beberapa keadaan yang memerlukan kerajaan menyediakan peruntukan tambahan yang melibatkan pertambahan kakitangan seperti kakitangan hospital dan sekolah. Ini adalah penting bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat disediakan sebaiknya. Sebagai contoh, pada tahun 2014, terdapat pertambahan kakitangan untuk hospital pelbagai jawatan sebanyak 15,235 orang kakitangan.

Terdapat juga pertanyaan khususnya mengenai peruntukan tambahan yang diperlukan oleh Kementerian Luar Negeri. Peruntukan tambahan ini secara umumnya adalah untuk berbagai-bagai kos terutamanya perbelanjaan berkaitan dengan operasi MH370 dan MH17 sebanyak RM800,000. Sebagai contoh, persiapan awal sebelum mengambil alih jawatan Pengerusi ASEAN, operasi penganjuran majlis keraian sempena ulang tahun ke-40 hubungan dua hala Malaysia dengan China, pencalonan Malaysia sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015 hingga 2016 untuk penempatan pegawai tambahan dan juga operasi pejabat perwakilan di luar negeri.

Selain itu juga terdapat pertanyaan mengenai sisa pepejal. Akan tetapi walaupun dalam 'P', secara umumnya saya hanya ingin mengatakan bahawa buat masa ini hanya tujuh buah negeri yang terlibat dengan konsesi iaitu Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis dan Wilayah Persekutuan. Manakala di Kelantan hanya dua PBT sahaja yang terlibat. Negeri-negeri lain akan menyusul kemudian setelah mendapat persetujuan kerajaan negeri masing-masing. Untuk bencana banjir yang...

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua…

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Chua Tee Yong:** Okey.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Melaka sudah dimasukkan dalam Sisa Pepejal Kebangsaan.

Kita ada masalah hendak bayar wang kepada syarikat yang memungut sisa pepejal terutama dalam Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Saya mewakili kerajaan negeri, berharap agar Kerajaan Persekutuan membiayai kesemua kos ini yang telah berhutang berjuta-juta Ringgit yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negara dari Alor Gajah pada awal Persidangan Dewan Negara. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri. Kita akan bawa isu ini kepada KPKT untuk diuruskan. Daripada segi berkaitan dengan bencana banjir tahun 2014, sebenarnya peruntukan sejumlah RM500 juta telah disalurkan kepada Kumpulan Wang Tabung Bencana Negara yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara. Untuk wang ihsan, sebanyak 276,720 orang ketua isi rumah akan mendapat anggaran RM500. Terdapat juga pembinaan rumah kekal sebanyak 2,094 unit di mana kos pembinaan sebanyak 55,000 dan juga kos infrastruktur adalah sebanyak dianggarkan RM30 juta. Terdapat juga kos pembaikan rumah rosak sebanyak untuk 6,963 unit.

Akan tetapi amaun ini mungkin berubah mengikut perubahan dan kementerian berkenaan tentu akan mendapat maklumat yang lebih lanjut. Akhirnya mengenai isu denggi yang dibangkitkan. Memang Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil serius mengenai masalah denggi di negara ini dan kita dapat mengetahui bahawa kerajaan juga telah pun mengambil tindakan yang drastik dengan menubuhkan Jawatankuasa Denggi Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Jawatankuasa ini diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan dan dianggotai oleh enam kementerian serta Setiausaha Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelan tindakan bersepadu untuk memerangi denggi habis-habisan iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Denggi Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014. Pelan tindakan ini juga diteruskan untuk diterjemahkan di peringkat negeri dan daerah melalui penubuhan pasukan khas denggi peringkat negeri.

**■1730**

Dengan kata-kata ini saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah turut terlibat dalam perbahasan dan memberi idea-idea yang bernas untuk dikaji oleh kementerian-kementerian berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.]*

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

## Bacaan Kali Yang Ketiga

**Datuk Chua Tee Yong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2014 dan bagi memperuntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Pearturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**5.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 dibacakan kali kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015. Rang undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Lembaga yang ditubuhkan akan mengambil alih fungsi pengurusan pinjaman perumahan kerajaan yang kini dilaksanakan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan. Pada prinsipnya, pengambilalihan ini tidak melibatkan sebarang dasar baru dan perubahan terma pinjaman perumahan pada masa kini. Kemudahan yang dinikmati oleh penjawat awam seperti jumlah kelayakan pinjaman, kadar faedah ke atas pinjaman perumahan sebanyak empat peratus dan kemudahan-kemudahan lain dikekalkan.

Objektif utama penubuhan lembaga adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan bagi membiayai pinjaman perumahan kerajaan pada masa akan datang. Secara purata, jumlah dana yang diperlukan bagi membiayai pinjaman perumahan adalah sebanyak RM9 bilion setahun. Pada masa ini, jumlah hutang terkumpul bagi pinjaman perumahan adalah sebanyak RM48.5 bilion sehingga Februari 2015 dan dijangka akan terus meningkat kepada RM154.3 bilion untuk 25 tahun akan datang. Lembaga akan mengambil alih tanggungjawab kerajaan untuk membuat pinjaman bagi membiayai pinjaman perumahan pada masa hadapan.

Lembaga yang ditubuhkan sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan dan dibebaskan sepenuhnya seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Persaraan. Dengan ini, lembaga akan beroperasi secara *self financing* dengan mendapatkan sendiri dana bagi menampung pembiayaan pinjaman perumahan. Lembaga ini akan ditadbir oleh sebuah Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada Menteri dan mempunyai kuasa serta bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangannya sendiri.

Bagi penubuhan Lembaga ini, rang undang-undang ini perlu diluluskan dan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 akan dimansuhkan. Satu akta baru akan digubal bagi memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk terus memberikan pembiayaan perumahan kepada pegawainya. Setakat ini, negeri yang mempunyai skim pembiayaan perumahannya sendiri adalah Johor, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan bahagian yang merangkumi 47 fasal. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Bahagian I, fasal 1 dan 2 memperuntukkan akta ini akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan atau bahagian yang berlainan dalam akta ini.

Bahagian II, fasal 3 hingga 17 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(i) fungsi Lembaga untuk menguruskan Kumpulan Wang Pembiayaan Perumahan Sektor Awam;

(ii) mentadbir kemudahan pembiayaan dan menasihati Menteri tentang perkara yang berhubungan dengan kemudahan pembiayaan sektor awam;

(iii) kuasa lembaga untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan fungsi-fungsinya termasuk:

(i) menggunakan harta Lembaga termasuklah mendapatkan wang bagi maksud Kumpulan Wang dengan mensekuriti atau menggadai janji harta itu;

(ii) bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, mana-mana kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan perbadanan bagi maksud melaksanakan fungsi Lembaga; dan

(iii) mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga.

Keanggotaan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai Pengerusi;

(ii) Peguam Negara atau wakilnya;

(iii) Akauntan Negara atau wakilnya;

(iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang menjadi anggota *ex-officio*;

(v) tidak lebih daripada tiga orang anggota daripada kalangan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan

(vi) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Anggota Lembaga hendaklah dibayar elaun seperti yang ditentukan oleh Menteri.

Bahagian III, fasal 18 hingga 20 memperuntukkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dengan kelulusan Menteri dan kuasa Lembaga untuk melantik pekerja mengikut keperluan tertakluk kepada syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Lembaga.

Bahagian IV, fasal 21 hingga 25 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(i) memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat dasar mengenai kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam;

(ii) memastikan bahawa wang yang diperuntukkan dalam setiap tahun kewangan mencukupi dalam kumpulan wang bagi maksud kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam. Wang yang diperuntukkan hendaklah diluluskan oleh Menteri;

(iii) Kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam diberikan kepada orang yang layak mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri bagi jenis-jenis seperti berikut:

(a) pembelian rumah kediaman yang siap;

(b) pembinaan rumah kediaman;

(c) pembelian rumah kediaman yang sedang dibina;

(d) pembelian tanah bagi maksud pembinaan rumah kediaman;

(e) penyelesaian keseluruhan atau sebahagian daripada pinjaman sedia ada daripada bank atau institusi kewangan; dan

(f) pengubahsuaian rumah kediaman dengan syarat bahawa pembelian atau pembinaan rumah kediaman itu telah dibiayai atau diselesaikan melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

(iv) Antara orang yang layak diberikan kemudahan Pembiayaan Perumahan Sektor Awam adalah seperti berikut:

(a) anggota Perkhidmatan Awam;

(b) anggota pentadbiran Persekutuan atau negeri;

(c) Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi;

(d) anggota perkhidmatan Parlimen;

(e) anggota mana-mana satu Dewan Parlimen;

(f) Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

(g) Anggota Dewan Undangan Negeri; dan

(h) pekerja mana-mana badan berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan.

(v) Walau bagaimanapun, orang yang layak yang berhak memohon kemudahan pembiayaan perumahan daripada kerajaan negeri, badan berkanun, atau Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai skim pembiayaan perumahannya sendiri tidak layak mendapat kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam;

(vi) Tanggungjawab Lembaga untuk memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam;

(vii) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis pemungutan bayaran balik kemudahan pembayaran perumahan sektor awam oleh Lembaga boleh dibuat melalui potongan gaji atau pencen; dan

(viii) Lembaga boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap wang kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang tidak dibayar balik atau tertunggak.

**■1740**

Bahagian V, Fasal 26 hingga 31 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(i) penubuhan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (kumpulan wang) yang ditadbir dan dikawal oleh Lembaga;

(ii) kumpulan wang hendaklah terdiri daripada sumber-sumber yang diperuntukkan dan dibenarkan dalam akta;

(iii) kumpulan wang hendaklah digunakan bagi pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam kepada orang yang layak yang diluluskan dan apa-apa perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang;

(iv) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Lembaga; dan

(v) lembaga hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri dan boleh menerima pakai mana-mana peraturan, kaedah-kaedah, dasar pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh kerajaan mengenai tatacara kewangan.

Bahagian VI, Fasal 32 hingga 34 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(i) Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri terlebih dahulu meminjam mengikut syarat-syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri apa-apa wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menjalankan mana-mana fungsinya;

(ii) Lembaga dengan kelulusan Menteri boleh melabur kumpulan wang yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh lembaga mengikut cara yang berikut:

(i) dengan menyimpan dalam:

(a) Bank Negara Malaysia;

(b) bank berlesen atau bank pelaburan berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]; atau

(c) bank Islam berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2015 [*Akta 759*] tetapi tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen.

(i) dengan melabur dalam:

(a) sekuriti yang diterbitkan oleh kerajaan;

(b) sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh kerajaan;

(c) sekuriti yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia; atau

(d) sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia.

(ii) Lembaga boleh menubuhkan dan mendapatkan apa-apa perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] yang perlu bagi maksud mendapatkan dana dengan kelulusan Menteri dengan syarat bahawa perbadanan yang ditubuhkan atau didapatkan oleh Lembaga dilarang daripada menubuhkan subsidiari perbadanan.

Bahagian VII, Fasal 35 hingga 43 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(i) membenarkan Lembaga mewakilkan fungsi dan kuasanya selain kuasanya untuk meminjam wang dan mendapatkan dana kepada pengerusi atau anggota Lembaga yang lain satu jawatankuasa atau seorang pekerja Lembaga;

(ii) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota lembaga, jawatankuasa pekerja atau agen Lembaga; dan

(iii) semua anggota Lembaga dan jawatankuasa dan pekerja Lembaga semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah akta ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan segala perbuatan dan perkara yang dilakukan bagi pihak Lembaga bagi persiapan bagi atau pada menjangkakan pembuatan akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah akta ini.

Bahagian VIII, Fasal 44 hingga 47 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(i) mengenai pemansuhan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 pada tarikh yang ditetapkan; dan

(ii) wang yang tersedia sebagai kredit kumpulan wang pinjaman perumahan yang dinyatakan dalam Jadual 2 kepada Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] hendaklah dipindahkan ke dalam kumpulan wang pada tarikh yang ditetapkan.

Nombor sembilan, penubuhan lembaga ini wajar dilaksanakan sebagai satu langkah jangka panjang untuk mengurangkan beban hutang kerajaan bagi pembiayaan pinjaman perumahan kerajaan. Di samping itu, penubuhan lembaga yang mempunyai kuasa autonomi penuh dalam tadbir urus kewangan dan sumber manusia dijangka dapat meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan yang diberikan.

Saya dengan ini mohon supaya Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 seperti yang dijelaskan sebentar tadi, diluluskan oleh Dewan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf.

**5.46 ptg.**

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk turut sama berbahas Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015.

Buat pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan kerana mengadakan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 ini sebagai suatu usaha untuk menaikkan taraf lembaga yang dulunya bersifat lembaga yang hanya di bawah kementerian dan hari ini dalam kerangka yang lebih besar sebagai badan berkanun yang berkuasa autonomi penuh dalam pentadbiran urus tadbir kewangan dan sumber manusia yang mana ini juga akan merupakan salah satu inisiatif seperti mana yang diterangkan tadi adalah untuk mengurangkan kebergantungan kerajaan bagi membiayai pinjaman perumahan kerajaan khususnya kakitangan-kakitangan awam.

Pada hari ini, hutang perumahan kerajaan sudah mencecah sebanyak RM48.5 bilion dan hutang perumahan ini merupakan 8 peratus daripada hutang kerajaan secara keseluruhannya yang diumumkan sebanyak RM582.8 bilion yang merupakan satu hutang yang besar. Seperti mana yang kita tahu, soal hutang ini adalah soal yang amat meresahkan rakyat tetapi dalam konteks perumahan kerana nilai cagarannya rumah dan nilai cagarannya aset. Biasanya dalam konteks perumahan, dalam konteks Malaysia, ia lebih terjamin kerana biasanya cagaran itu mestilah 200 peratus nilai daripada nilai pembiayaan.

Saya kira ini antara perkara yang mustahak untuk kita sedar kenapa kita perlu untuk menyokong rang undang-undang ini yang merupakan salah satu inisiatif baik daripada kerajaan untuk memastikan usaha untuk mengurangkan bebanan hutang kerajaan ini dapat dikurangkan dan dianggarkan RM9 bilion setahun dalam konteks perumahan ini.

Saya ingin memfokuskan kepada beberapa terma ataupun fasal dalam rang undang-undang ini. Saya ingin membawa sidang Dewan sekalian kepada bahagian empat yakni berkenaan dengan kemudahan pembiayaan sektor awam. Seperti mana yang kita tahu bahawa negara kita sudah pun menjadi sebuah negara yang terkenal di peringkat antarabangsa sebagai negara yang bukan sahaja pelopor tetapi juga peneraju kepada sistem kewangan Islam. Bila dikatakan sistem kewangan Islam, dia satu sistem berasaskan prinsip syariah yang di sana tidak seharusnya ada unsur-unsur yang diharamkan oleh Islam. Apatah lagi apabila kita membincangkan soal menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan yang merupakan satu perkara asas dan pokok kepada masyarakat, kepada manusia dan kepada rakyat. Kita membicarakan pembiayaan ini pula kepada kakitangan-kakitangan awam yang majoritinya orang-orang Melayu bumiputera yang beragama Islam.

Sudah tentulah aspek pematuhan syariah ini harus diberikan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Bukan sahaja kita menjadi hab kepada kewangan Islam di peringkat antarabangsa tetapi juga harus menzahirkannya dalam kerangka mendatangkan *instrument* ataupun kemudahan-kemudahan pembiayaan yang seharusnya menepati prinsip syariah dalam konteks halal haramnya terutamanya dalam memberikan kemudahan seperti pembiayaan ini ataupun pembiayaan perumahan kepada rakyat.

**■1750**

Dalam konteks ini, Bahagian IV dalam rang undang-undang ini disebutkan bahawa pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam ini menjadi satu perkara yang diutamakan. Cuma, saya hendak mengharapkan kementerian memberikan perhatian serius dalam kerangka untuk memastikan pembiayaan perumahan ini sentiasa diberikan ruang dan peluang kepada rakyat terutamanya mereka yang beragama Islam untuk mendapatkan pembiayaan secara patuh syariah.

Dalam konteks patuh syariah ini, saya mengharapkan pihak kementerian dapat memikirkan pendekatan yang lebih kreatif. Bila kita cakap soal pembiayaan perumahan dalam kerangka Islam, Tuan Yang di-Pertua, kita bukan bercakap soal bagaimana hendak menukar *form,* dengan izin, ataupun kerangka pinjaman yang bersifat konvensional yang ada nilai faedahnya yang diharamkan dalam Islam kerana faedah dalam konteks pinjaman itu sudah jelas diharamkan oleh Allah kerana di dalam Al-Quran, bagi orang Islam, ada 13 buah tempat di dalam Al-Quran yang menyatakan soal keharaman riba' ini.

Salah satu ayat yang paling keras iaitu dalam Surah Al-Baqarah, Allah menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, *"Wahai orang beriman, sekiranya kamu benar-benar bertakwa kepada Allah, maka jauhilah saki baki riba' yang ada pada kamu. Sekiranya kamu tidak melakukannya..."* Ayat ini Allah menegaskan, *"Allah dan Rasul akan mengisytiharkan perang terhadap kamu."*

Bahkan dalam hadis Nabi SAW, dalam hadis sahih, disebutkan bahawa... *[Membaca sepotong hadis]* Riba' ini ada 73 jenis dan yang paling rendah antara dosa-dosa riba' ini di antara 73 jenis ini adalah diumpamakan seperti melakukan perbuatan zina dengan ibu kandung sendiri. Maknanya, perbuatan zina di dalam Islam itu sudah menjadi dosa besar dan apabila dibandingkan dengan riba', ia merupakan tahap yang paling rendah. Hendak menunjukkan dalam Islam ini soal halal haram dalam penggunaan harta, hendak memastikannya bebas daripada riba' satu perkara yang amat mustahak dan amat penting.

Oleh sebab itulah kita amat bersyukur sekali kerana Malaysia mengambil pendekatan yang cukup proaktif. Kenapakah saya kata proaktif? Kala dunia tidak pernah menggambarkan ataupun tidak pernah tergambar akan ada instrumen alternatif ataupun institusi alternatif kepada konvensional terutamanya perbankan konvensional, tahun 1983, kita menubuhkan Bank Islam yang pertama.

Akan tetapi, ramai juga yang tidak tahu bahawa pada tahun 1983 itu penjelmaan sebuah Bank Islam yang pertama tetapi kita sudah memeterai MoU Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, ataupun memorandum persefahaman di Jeddah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman pada tahun 1975 dengan Raja Faisal Arab Saudi yang menunjukkan komitmen Malaysia untuk menubuhkan sebuah Bank Islam pertama setelah tertubuhnya Bank Pembangunan Islam di Jeddah kerana hasrat penubuhan Bank Pembangunan Islam di Jeddah pada tahun 1975 itu adalah supaya semua negara-negara juga akan menubuhkan bank-bank komersial yang bercirikan Islam, yang bebas daripada unsur-unsur haram termasuk riba'.

Akan tetapi, kala itu tidak ada sebuah negara pun yang bersedia untuk menubuhkan bank Islam kerana tidak pernah tergambar akan ada satu sistem institusi instrumen yang boleh mendatangkan produk yang bebas daripada riba' sebagai alternatif sebagai konvensional. Akan tetapi pada waktu itu lagi, Perdana Menteri, pada waktu itu Tunku Abdul Rahman, sudah memberikan persetujuan untuk Malaysia memulakan gerak langkah melakukan kajian bagaimana hendak menubuhkan sebuah perbankan Islam dan akhirnya pada tahun 1983 di Dewan yang mulia ini juga, kerajaan telah mewartakan Akta Bank Islam yang pertama yang mewujudkan Bank Islam yang pertama pada tahun 1983.

Saya hendak sebutkan di sini bahawa komitmen kerajaan terhadap Bank Islam ini ataupun sebuah institusi ataupun sistem kewangan yang bebas daripada riba' ini sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Hari ini kita bukan sahaja ada sebuah Bank Islam tetapi kita ada 16 buah institusi perbankan yang disebut sebagai *full-fledged Islamic Bank,* dengan izin. Maknanya, kita ada institusi perbankan yang menjalankan operasinya secara patuh syariah daripada penyaluran wang kepada pelbagai bentuk pembiayaan hinggalah kepada kutipan dalam bentuk deposit yang mengikut patuh syariah.

Cuma, apabila kita bercakap soal pembiayaan kerajaan, tidak kiralah dalam konteks pembiayaan kenderaan tapi hari ini kita bercakap soal pembiayaan perumahan, wujud di sana seolah-olah suara-suara yang mengatakan bahawa kerajaan tidak berapa serius dalam memastikan bahawa pembiayaan perumahan ini harus patuh syariah kerana di sana masih ada lagi apa yang disebut sebagai kadar faedah sebanyak 4 peratus kepada pinjaman. Ini yang saya rasa pihak kementerian perlu memberikan perhatian kerana apa yang saya maksudkan dengan memberikan suatu bentuk inisiatif ataupun yang bersifat alternatif, yang lebih kreatif, maknanya kita tidak perlu hanya bergantung dalam bentuk pinjaman.

Saya rasa dengan adanya Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan ini yang mewujudkan satu Lembaga, ia memberikan kuasa yang lebih bersifat autonomi kepada lembaga ini untuk memikirkan kaedah, pendekatan dan mekanisme yang lebih kreatif dan inovatif dalam mendatangkan produk-produk pembiayaan yang tidak harus hanya terikat kepada produk pembiayaan yang bersifat pinjaman kerana produk pembiayaan secara Islam ini bukan hanya dalam bentuk pinjaman. Pinjaman dalam bahasa Arab disebut *qard. Qard* ini pinjam. Dalam Islam, pinjaman ini bersifat hasanah, bersifat kebajikan. Kalau kita memberi pinjam RM1 ribu, kita tidak boleh mengharapkan lebih daripada RM1 ribu apabila orang itu hendak bayar balik. Kita hanya boleh mendapatkan RM1 ribu semula, sebab dia bersifat kebajikan, kita tidak boleh buat untung.

Kalau ada sebarang keuntungan daripada pinjaman yang diberikan, disebut dalam hadis Nabi... *[Membaca sepotong hadis]* Apa saja bentuk keuntungan yang dikaitkan dengan pinjaman ataupun kontrak pinjaman tadi adalah dianggap riba'. Tidak kiralah 1 peratus kah, 2 peratus kah ataupun dalam bentuk apa juga faedah yang lain. Dalam bentuk sama ada bersifat *monetary* ataupun *non monetary,* dengan izin.

Oleh sebab itulah, apabila kita bercakap soal alternatif kepada sistem pembiayaan secara Islam ini, saya rasa lembaga ini harus memikirkan cara yang lebih inovatif. Makna, bukan saja kalau perlu pinjaman, pinjaman yang tanpa faedah tetapi juga kita boleh menggunakan pelbagai instrumen yang sudah pun terbukti berkeupayaan atau, dengan izin, *viable* dalam pengoperasian perbankan ataupun institusi perbankan Islam hari ini.

Contohnya dalam pembiayaan perumahan. Kita sekurang-kurangnya dalam sistem perbankan Islam di Malaysia hari ini, kita mempelopori produk-produk yang tidak hanya terikat kepada satu bentuk instrumen sahaja. Kita sekurang-kurangnya ada lima jenis instrumen. Ini kerana ramai di kalangan kita bila pergi Bank Islam, kita tak tanya pun macam mana bentuk dia. Kita hanya tahu kita hendak dapat duit, hendak beli rumah, hendak dapat pembiayaan daripada perbankan.

Akan tetapi hakikatnya, kita.....

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Saya minta celah ya.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya, jemput.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Saya begitu tertarik dengan cara Yang Berhormat *explain* tadi tentang memberi pinjaman secara kebajikan.

Minggu lalu saya dapat berjumpa dengan satu kumpulan. Mereka ini kumpulan yang pendapatannya rendah. Dia ditawarkan beli rumah *flat* di Lembah Pantai, rumah PPR itu, tapi dia tidak mencukupi wang. Hanya RM25 ribu, dia tidak ada hendak beli *cash.* Mereka ditawarkan pinjaman di mana ia disewa dan bayar bulan-bulan. Lepas 25 tahun atau 30 tahun akan dapat rumah itu. Akan tetapi, pinjaman ini begitu mahal sekali daripada segi faedah. Saya berasa kalau saya kira hari itu lebih kurang 7 peratus atau 8 peratus faedahnya.

Apa pendapat Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat *explain* tadi begitu banyak memberi pinjaman secara kebajikan? Jadi bolehkah teori itu kita boleh bawa untuk menolong orang-orang seperti ini mendapat rumah?

**■1800**

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebab itu saya katakan dalam sistem perbankan Islam instrumen-instrumen yang berpandukan syariah ia mempunyai kepelbagaian. Saya sebutkan tadi pinjaman dalam bentuk tanpa faedah. Itu salah satu sahaja. Pinjaman tanpa faedah ini memang tujuannya untuk membantu mereka yang memang memerlukan bantuan seperti kes tadi. Cuma kadang-kadang ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dia kata sahaja pinjaman patuh syariah seperti *Ah long* sekarang ini. Kalau kita perasan dekat bawah-bawah jambatan ah long patuh syariah pun ada ataupun pinjaman berlesen secara patuh syariah tetapi hakikatnya mereka mengenakan caj yang berlipat kali ganda. Itu bukan pinjaman yang berpandukan syariah.

Kalau kita kata pinjaman memang kalau bagi RM100,000 kita hanya boleh mendapatkan RM100,000 sahaja. Tidak boleh lebih dan bahkan kadang-kadang tidak boleh kurang. Kalau kurang itu adalah daripada kita tidak ada masalah tetapi kalau orang itu yang minta itu jadi masalah tetapi ini satu perkara yang saya rasa yang boleh saya katakan mungkin kita boleh ada satu kelas lain untuk bercakap soal perbankan Islam tetapi itu salah satu instrumen untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang mungkin ada masalah. Cumanya macam hari ini seperti mana yang kita tahu *there is no free lunch*.

Maknanya kalau kita bercakap bank sistem perbankan kalau dia hendak memberikan pembiayaan daripada mana duit itu dapat. Perbankan sudah tentu dia dapat daripada para pendeposit, para pelabur. Para pendeposit dan para pelabur inginkan keuntungan. Jadi sebab itulah perbankan Islam pun harus mencari keuntungan. Cumanya ini membezakan perbankan konvensional dengan perbankan Islam kerana perbankan Islam dalam mendapatkan keuntungan dia tidak boleh menggunakan cara riba.

Sebab itu saya katakan tadi kalau lembaga ini diwujudkan dia boleh belajar bagaimana institusi perbankan Islam beroperasi. Dia boleh menggunakan instrumen pelbagai.

Contohnya instrumen sewa beli ataupun disebut sebagai *Al-Ijarah Thumma Al-Bai*. Kita sewa tetapi akhirnya apabila kita sudah mengira kos kita beberapa sewaan itu dan kita jual dengan harga yang paling minimum. Itu satu instrumen.

Satu lagi instrumen yang popular di Malaysia hari ini disebut sebagai perkongsian antara institusi dengan pihak pelanggan. Yang ini disebut sebagai *musyarakah mutanagisah* ataupun perkongsian di mana satu pihak. Saya sebutkan contohnya institusi. Contohnya lembaga ini dia memberikan 80 peratus ekuiti dan pelanggan ataupun pekerja kerajaan tadi dia ada 20 peratus duit dia dalam bank dan sebagainya. Dia boleh masukkan sebagai satu bentuk perkongsian untuk membiayai pembelian rumah tersebut.

Jadi rumah tersebut akan dimiliki oleh lembaga ini dan juga oleh pekerja kerajaan tadi. Bagaimanakah lembaga ini hendak dapat duit? Sebab dia memiliki 80 peratus ekuiti dari rumah tersebut dia boleh menyewakan ekuitinya kepada pelanggan sehinggalah katakan tempoh 25 tahun, 30 tahun apabila ekuitinya sudah dibayar sepenuhnya oleh pelanggan maka hak milik rumah itu akan berpindah kepada pelanggan tadi ataupun kepada peminjam kalau istilah yang digunakan dalam konteks konvensional.

Sebab itu ini satu contoh bagaimana lembaga boleh menggunakan instrumen-instrumen yang pelbagai dalam konteks instrumen yang patuh syariah yang tidak ada unsur-unsur faedah. Dia ada unsur riba yang diharamkan tetapi unsur-unsur yang memang patuh syariah. Yang ini saya katakan sebagai satu, saya minta kepada kementerian. Saya tidak tahu mungkin kementerian sudah ada pihak ataupun satu Jawatankuasa yang mana akan memikirkan soal menginovasikan pelbagai instrumen dan produk. Bukan susah pun. Sebenarnya kita boleh belajar daripada institusi-institusi perbankan yang sudah pun *established,* dengan izin, produk-produk yang ada dalam pasaran hari ini cuma mengguna pakai dalam bentuk Lembaga.

Mungkin dahulu apabila berada di bawah kementerian mungkin terbatas dengan pelbagai peraturan dan sebagainya tetapi dengan adanya rang undang-undang ini kuasa autonomi yang diberikan kepada lembaga pembiayaan perumahan ini saya mengharapkan agar lembaga ini diberikan kuasa oleh kerajaan juga dari segi pentadbirannya untuk memikirkan bagaimana untuk membantu kelompok-kelompok penjawat awam dalam pelbagai latar dan tangga gred gaji. Bagi mereka tangga yang rendah mungkin dengan menggunakan kaedah-kaedah ataupun instrumen-instrumen yang tidak membebankan mereka tetapi pada kadar yang bersesuaian yang tidak menjejaskan pengoperasian lembaga ini. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, Bahagian VI dalam muka surat 32 soal kuasa tambahan lembaga ini. Saya ingin membuat komentar sedikit kerana dalam ini ada dua perkara saya hendak sebut. Pertama kuasa untuk meminjam. Dia sebut perkataan meminjam. Sebab itu saya tidak berapa seronok sangat kalau kita bercakap soal meminjam. Tidak apalah. Maknanya kalau dalam konteks kuasa meminjam dalam rang undang-undang ini ataupun bahagian ini disebutkan bahawa lembaga semangatnya lembaga ini boleh mendapatkan dana, boleh memobilisasikan dana bagi keperluan untuk menyalurkan dana itu kembali kepada penjawat-penjawat awam umpamanya yang memerlukan pembiayaan ataupun pinjaman perumahan kalau kita menggunakan istilah konvensional.

Cuma dalam konteks ini disebutkan lembaga boleh dengan kelulusan Menteri terlebih dahulu meminjam pada apa-apa kadar faedah dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya dan sampai habislah. Isu di sini sebenarnya istilah yang digunakan ini sendiri pun tidak patuh syariah. Kenapakah saya katakan tidak patuh syariah? Kerana dia mengehadkan kepada aspek konvensional. Maknanya menggunakan prinsip pinjaman dengan kadar faedah. Maknanya ia bertentangan dengan aspirasi kerajaan ini dalam hendak mempelopori sistem kewangan Islam yang patuh syariah.

Saya tidak mengatakan bahawa kerajaan harus hanya memfokuskan kepada instrumen-instrumen yang patuh syariah sahaja.

Kita boleh membeli pilihan kerana penjawat awam kita bukan semuanya Islam tetapi kita juga harus memberikan peluang ataupun ruang kepada penjawat awam untuk dia meyakini bahawa perjalanan dan pengoperasian lembaga ini akan sentiasa bersifat patuh syariah tidak kira dari segi bagaimana lembaga ini mengumpulkan dana bagi tujuan untuk pembiayaan perumahan ataupun menyalurkannya kepada penjawat awam yang memerlukan pembiayaan tetapi juga yang paling penting ialah dalam konteks hendak memobilisasikan dana ini. *How to mobilize the fund from different sources,* dengan izin.

Maknanya kita hendak mengumpulkan dana. Mengumpulkan dana ini macam-macam cara. Ada yang dalam bentuk pinjaman, ada dalam bentuk mungkin dana ekuiti dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita daripada awal kita hanya menyebut dengan istilah kadar faedah dia memberi gambaran bahawa cara operasi lembaga ini daripada awal tidak patuh syariah. Maknanya dana yang dikumpulkan dana daripada dana-dana yang ada ribanya kerana dia menyebutkan kadar faedah. Saya lebih cenderung kalau boleh istilahnya bukanlah faedah tetapi dikatakan kadar pembiayaan umpamanya. Lebih umum dan ia tidak hanya terikat kepada konvensional tetapi dia juga menyantuni instrumen-instrumen yang patuh syariah.

Akan tetapi, kalau ini tidak boleh dilakukan, saya mengharapkan maknanya di peringkat kerajaan daripada segi *administrative* daripada segi pentadbiran kena ada polisi yang jelas bahawa lembaga ini hanya boleh meminjam ataupun menguruskan dana-dana dengan cara bukan sahaja secara konvensional tetapi juga dengan cara islamik. Maknanya katakan lembaga ini hendak mengambil dana ataupun mendapatkan dana daripada institusi ataupun kewangan Islam contohnya *sukuk.* \

Kalau katakan *sukuk* dia bukan dalam bentuk pinjaman, dia bukan dalam bentuk kadar faedah dan ini yang kerajaan kita tengah buat pun. Lebih daripada 60 peratus dana-dana yang kita kumpulkan dalam pelbagai projek termasuklah projek-projek besar hari ini termasuklah 1MDB dan sebagainya adalah melalui *sukuk* dan *sukuk* ini bukan dalam bentuk pinjaman, bukan dalam bentuk kadar faedah. Dia dalam bentuk perkongsian keuntungan. Jadi ini perkara-perkara yang saya kira kalau kita tidak mengambil berat perkara ini sebab ini akan menjadi rang undang-undang. Sebab itulah ini antara perkara yang penting.

Yang kedua juga dalam aspek kuasa untuk...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki yang telah memberi banyak maklumat kepada kita termasuk sayalah sebab kewangan Islam dan ekonomi ini memang bidang Dato' Dr. Asyraf Wajdi. Tuan Yang di-Pertua, kita di Dewan ini dahulu pada tahun 2012 telah meluluskan sistem kewangan Islam dan ia telah dibincang panjang lebar di sini.

**■1810**

Saya melihat sistem kewangan Islam ini dia perlu *support* dari pelbagai sudut supaya dia dapat berjalan dengan baik. Seperti pembiayaan ini, kalau berlaku pertikaian antara pihak-pihak, maka sepatutnya mahkamah yang mengendalikan itu ialah mahkamah yang syariat sebagaimana yang diperlukan. Begitulah juga orang-orang atau *lawyer,* peguam-peguam yang melaksanakan tugas mereka perlu juga memahami dengan sebaik-baiknya.

Dalam hubungan ini, saya juga tertarik berhubung dengan pembiayaan sebagaimana yang telah dikemukakan tadi iaitu pembiayaan ini kita sudah ada Sistem Kewangan Islam yang telah dibentangkan. Begitulah juga secara pembiayaan yang tidak membebankan kepada peminjam sektor awam tadi. Begitulah juga saya yakin dengan membuat prasarana yang baik, dia boleh melancarkan lagi cara pinjaman dan juga sistem kewangan yang telah diluluskan di Dewan ini pada tahun 2012 dahulu. Minta pandangan.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang diluluskan. Sebenarnya akta tersebut satu manifestasi dan juga satu gambaran betapa seriusnya kerajaan untuk memartabatkan sistem perbankan dan kewangan yang patuh syariah.

Kenapakah saya katakan sedemikian? Tidak ada negara atas dunia ini yang mempunyai akta yang mana sekiranya ada kesalahan melanggar aspek syariah. Maknanya kalau didapati mana-mana institusi di bawah akta ini, perbankankah, takafulkah ataupun syarikat-syarikat ekuiti di bawah lesen Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ini, kalau didapati mereka ini mengeluarkan produk ataupun melakukan operasi pelaburan, dananya tidak patuh syariah, kalau terbukti bersalah di bawah akta ini, bank tersebut sama ada Lembaga Pengarahnya, penasihat syariahnya ataupun pengurusannya boleh dikenakan denda sehingga RM20 juta atau penjara lapan tahun atau kedua-duanya sekali.

Ini satu yang amat berat. Ini saya tidak pastilah berapa ramai yang sudah kena denda RM20 juta tetapi pokoknya, apabila akta itu diwujudkan, dia sendiri telah menonjolkan bahawa keseriusan kita apabila kita telah meluluskan akta tersebut di Dewan yang mulia ini, bahawa kita hendak memartabatkan sistem yang bebas daripada unsur-unsur yang diharamkan. Akan tetapi bila saya sebutkan sistem yang bebas daripada unsur-unsur diharamkan Tuan Yang di-Pertua, yang patuh syariah, jangan salah faham bahawa ini hanya untuk orang Islam sahaja.

Di Malaysia hari ini, majoriti pelanggan-pelanggan Sistem Kewangan Islam, kalau waktu saya di bawah Bank Negara dahulu, ISHA dalam kita punya laporan penyelidikan kita, lebih daripada 55 peratus daripada pelanggan-pelanggan dan pendeposit-pendeposit dalam institusi kewangan Islam adalah di kalangan orang bukan Islam. Maknanya, mereka lebih percaya kepada institusi yang berlandaskan syariah kerana lebih telus. Ini kerana dalam...

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun Yang Berhormat?

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sebenarnya di negara Malaysia ini yang mempromosikan, memberi penekanan, pendekatan dan akhirnya melaksanakan sistem sama ada ekonomi ataupun perbankan syariah ini lah Barisan Nasional.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih. Saya rasa itu tidak dapat dinafikan lagilah. Kalau kita nafikan, itu satu pembohongan dan satu pendustaan fakta kerana inisiatif Kerajaan Barisan Nasional inilah sejak merdeka sehingga hari ini dalam memartabatkan syariah Islam secara hikmah dan bijaksana. Apa yang dimaksudkan hikmah dan bijaksana, kerana dia mudah diterima oleh orang yang pelbagai agama, pelbagai bangsa. Contohnya Sistem Perbankan Islamlah, makna kita mulakan pada peringkat awal pada hanya sebuah bank pada tahun 1983. Pada 10 tahun pertama, kerajaan tidak membenarkan mana-mana bank menawarkan produk perbankan Islam sebab hendak pastikan, bila kita hendak memulakan suatu yang baru ini, kita kena pastikan dia betul-betul, dengan izin, *viable* dan *sustainable.*

Apabila kita berjaya menubuhkan Bank Islam pada tahun 1983, pada tahun 1993 barulah kerajaan membenarkan ditubuhkan apa dipanggil sebagai dengan izin, *Islamic windows* yang mana semua bank konvensional boleh menawarkan produk-produk syariah dengan syarat dia harus dikawal selia oleh Bank Negara secara tegas dan ketat sehinggalah kita boleh tengok prinsip pelaksanaan syariat Islam ini dilakukan secara beransur-ansur, bertahap, tidak tergesa-gesa. Ini kerana Barisan Nasional kerajaan yang sentiasa bijaksana dan secara hikmah, juga mengambil aspirasi daripada Islam yang mana Islam mengatakan... *[Berucap dalam bahasa Arab] "Siapa yang tergesa-gesa hendak melakukan suatu sebelum tempoh masanya, maka akan diharamkan oleh Allah daripada mendapatkannya."*

Jadi kita memang daripada dahulu, kita meraikan bahawa negara ini pelbagai kaum, pelbagai agama. Hendak melaksanakan Islam, kita kena pastikan pelbagai kaum, pelbagai agama pun boleh menerima keadilan, hikmah kebijaksanaan yang Islam tawarkan. Oleh sebab itulah apabila kita melaksanakan perbankan Islam, peringkat awal memang majlis-majlis agama Islam sahaja yang meletakkan duitnya dalam Bank Islam ini.

Akan tetapi akhirnya, setelah lebih 25 tahun kita bertapak sebagaimana saya sebutkan tadi, orang bukan Islam pun lebih mempercayai dan meyakini sistem yang diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya rasa ini perkara yang tidak boleh nafikan. Cuma...

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya pun hendak mencelah sedikit Yang Berhormat. Setakat Yang Berhormat tahu, kerajaan negeri seperti Kerajaan Kelantan misalannya, saya fikir Kerajaan Kelantan pun mesti memberi pinjaman kepada pegawai-pegawai kerajaannya selain daripada Kerajaan Pusat. Setahu Yang Berhormat, cara bagi pinjaman oleh kerajaan sekaranglah fasal Lembaga memang belum ditubuhkan lagi. Adakah cara ini cara syariah ataupun cara biasa sahaja? Kalau kena 4 peratus, macam faedah. Setahu Yang Berhormat, adakah perkara ini dibuat di negeri Kelantan sebenarnya? Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya, saya tidak ada maklumat yang tuntas berkenaan dengan ini. Saya rasa mungkin Dato' Dr. Johari mungkin boleh membantu memberikan jawapannya. Akan tetapi saya rasa dalam konteks...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Boleh saya bagi sedikit maklumat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Sedikit sahaja. Saya ingin mencelah tadi sebenarnya sebab di Kelantan, kita ada Dana *Qardhul Hasan* untuk pinjaman perumahan dan kenderaan bagi pegawai kerajaan. *Qardhul Hasan* ini, pinjam RM100,000 bayar RM100,000 dan kita ada dana khas tetapi terhad permohonannya di mana pegawai-pegawai yang hendak kepada dana khas ini, memang terpaksa ambil giliranlah tetapi khusus untuk kereta pertama dan rumah pertama. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Kelantan kerana Kerajaan Kelantan juga, apabila Kerajaan Barisan Nasional menubuhkan Bank Islam pada 1983, Kerajaan PAS bila dia memerintah Kelantan tahun 1990, antara kerajaan yang menyahut bahawa dana-dana daripada Kerajaan PAS akan masuk ke dalam Bank Islam yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya rasa, itu sendiri pun menunjukkan bahawa kalau kita bekerjasama untuk kebaikan, itu satu yang amat dititik beratkan.

Oleh sebab itulah, saya hendak ulang balik tadi Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks Lembaga ini, kita tidak perlu hanya memfokuskan kepada Dana *Qardhul Hasan* semata-mata. Kita mempunyai kepelbagaian instrumen-instrumen kewangan Islam. *Qardhul Hasan* itu hanyalah salah satu sahaja instrumen.

Oleh sebab itulah, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed tadi, dia pun Kerajaan PAS amat terhad, Kerajaan Kelantan terhad dana tersebut untuk kakitangan. Saya rasa tidak semua kakitangan akan berupaya mendapatkan dana yang terhad ini.

Akan tetapi sebab itu saya katakan tadi, kita boleh menggunakan kreativiti dan inovasi yang ada dalam pengalaman perbankan Islam selama lebih 25 tahun. Kenapakah saya katakan sedemikian? Kerajaan telah menubuhkan dengan menggunakan dana rakyat, INSEAD sebuah universiti yang memfokuskan kepada kewangan Islam. ISRA tempat saya berkhidmat dahulu sebagai Ketua Penyelidik, *International Syariah Research Academy for Islamic Finance*. Bukan sedikit-sedikit dana. Kerajaan menubuhkan ISRA sebagai sebuah pusat penyelidikan syariah dalam konteks kewangan Islam dengan RM200 juta, dana diperuntukkan. Universiti peringkat awal pada tahun 2006 kalau tidak silap saya, dengan dana RM500 juta.

Jadi dana-dana sedemikian rupa dibelanjakan, duit rakyat, untuk memastikan kita melakukan penyelidikan, inovasi, pelbagai instrumen-instrumen seharusnya digunakan oleh Lembaga ini. Maknanya, Lembaga ini tidak perlu lepas ini hanya hendak cari orang-orang tertentu dalam pakar-pakar dan kewangan Islam.

Menggunakan institusi yang sedia ada, menggunakan institusi di bawah Bank Negara, mendapatkan penyelidikan-penyelidikan daripada mereka.

**■1820**

Pakar-pakar dalam bidang perbankan dan kewangan Islam ini ada di bawah Bank Negara, ISRA dan INCEIF yang mana mereka ini pun memang berperanan untuk membantu industri termasuklah saya kira lembaga. Cuma saya hendak fikirkan sebab ini benda yang selalu berlaku. Kita ini, kadang-kadang kerajaan bersifat silo. Agensi tidak bercakap dengan agensi lain, kementerian tidak bercakap dengan kementerian lain.

Oleh sebab itulah kadang-kadang kita mungkin tidak tahu apa perkembangan yang berlaku di bawah Bank Negara. Saya bukan hendak mengkritik tetapi kalau kita betul-betul ambil perhatian yang serius saya rasa daripada awal tidak ada timbul perkataan kadar faedah ini sebab kita ini kerajaan yang amat serius seperti mana yang saya hujahkan. Serius dalam hendak memartabatkan institusi ataupun instrumen sistem kewangan alternatif yang bebas daripada perkara-perkara yang diharamkan berasaskan syariah.

Jadi sebab itulah saya mengharapkan mungkin lembaga ini boleh merujuk kepada institusi-institusi yang sudah pun dibina dan diperkukuhkan ataupun ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu mereka mengenal pasti apakah instrumen-instrumen alternatif yang dapat membantu rakyat. Khususnya 1.6 juta kalau tidak silap saya penjawat-penjawat awam yang memerlukan rumah terutamanya golongan muda bawah 30-an, 20-an yang hendak dan bekerja mereka memerlukan rumah tetapi hendak pinjam duit pergi ke bank tidak dapat sebab baru mula bekerja.

Akan tetapi kalau kita bijak dan berinovasi dalam menguruskan dana yang kita ada. Ada untuk *Qardhul Hassan* sifatnya, pinjaman tanpa faedah. Ada yang bersifat hendak mendapatkan sedikit keuntungan tetapi dalam bentuk perkongsian dan pelbagai lagi instrumen-instrumen yang boleh diguna pakai yang berpandukan syariah dengan pertolongan dan bantuan sokongan daripada institusi-institusi yang telah pun kita bina dengan RM200 juta ISRA, dengan RM500 juta INCEIF, universiti. Kita minta pakar-pakar ini untuk berfikir bersama dengan lembaga kerana hari ini lembaga ada autonomi. Itu sebabnya kita membincangkan soal rang undang-undang ini. Kalau kita tidak menggunakan peluang ini saya kira amat tidak bijaksanalah kita dalam konteks untuk menggerakkan ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Sedikit lagi, yang akhir Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Bahagian VI, kuasa untuk melabur. Saya mengharapkan daripada segi *administrative* juga, daripada segi pentadbiran pihak kementerian dapat memberikan perhatian dan fokus kepada apa yang saya bincangkan tadi walaupun di sini disebut kumpulan wang ini boleh dilaburkan dengan kelulusan Menteri mengikut cara berikut, dia bagi Bank Negara, bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Maknanya bank-bank yang berasaskan riba inilah, bank-bank konvensional dan juga disebut bank Islam berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam tetapi diletakkan di peringkat nombor tiga tetapi saya tidak mahulah hendak mempersoalkan diletak nombor satu, nombor dua, nombor tiga.

Akan tetapi yang penting sekali daripada segi pentadbirannya pihak kementerian saya mengharapkan memberikan komitmen di Dewan yang mulia ini untuk memberikan keutamaan kepada kaedah pelaburan, kaedah untuk meminjam, mengumpulkan dana dan juga memberikan pembiayaan ataupun melaburkan dana-dana melalui lembaga pembiayaan ini secara patuh syariah. Ini kerana ia merupakan antara harapan saya kira rakyat secara terbanyak di bawah sana kerana ramai di kalangan penjawat awam adalah orang Islam yang memang daripada segi sudut prinsip agamanya mereka akan dipersoalkan oleh Allah SWT pada hari akhirat berkenaan, di manakah mereka membelanjakan wang? Ke manakah mereka membelanjakan wang? Ini antara perkara yang akan disoal.

Perkara pertama apabila kita mati disebut dalam hadis Nabi... *[Mengucapkan sepotong hadis]*

Tidak akan disoal, tidak terlepas anak Adam daripada disoalkan empat perkara oleh Allah SWT. Salah satunya ialah *anmalihi*, berkenaan dengan harta. Berkenaan dengan harta ini Tuan Yang di-Pertua, Allah akan bertanya kepada kita dua perkara... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Daripada mana kita dapat duit ini? Daripada mana kita dapat harta ini dan ke mana kita hendak membelanjakan? Oleh sebab itulah aspek pematuhan syariah, daripada mana kita belanja, ke mana kita melaburkan, ke manakah kita membiayainya? Haruslah berasaskan prinsip-prinsip syariah sebagaimana komitmen, aspirasi yang telah pun kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional khususnya telah letakkan satu garis yang jelas dalam kerangka untuk memartabatkan institusi dan sistem kewangan Islam berasaskan syariah.

Sekian sahaja. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mempunyai kebolehan dalam subjek ini. Saya rasa banyak juga itu menjadi panduan dan maklumat khususnya kepada pihak pegawai-pegawai yang bertanggungjawab daripada segi rang undang-undang ini. Sekarang tanpa membuang masa saya persilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud.

**6.25 ptg.**

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berhajat mengambil masa yang panjang mengenai perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015. Hanya yang menjadi keluhan dan rintihan di kalangan penjawat awam terutama dalam kumpulan sokongan ialah harga rumah yang tidak mampu mereka membeli. Sebenarnya rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini sebuah Lembaga untuk membiayai perumahan sektor awam dan ini juga bukan merupakan satu perkara yang baru. Ia merupakan sebagai ganti kepada akta tahun 1971.

Seperti mana yang kita maklum bahawa harga rumah pada masa sekarang ini terutama di kawasan-kawasan bandar meningkat kadangkala tidak masuk akal. Misalnya rumah pada tahun 2004 dalam tempoh 10 tahun naik 100 peratus. Suka atau tidak itulah kenyataannya. Maka bagi staf pegawai atau kakitangan awam terutama di peringkat bawah apakah mereka mempunyai kemampuan untuk membeli rumah-rumah berdasarkan kepada gaji yang mereka dapat sekarang ini.

Oleh hal yang demikian, sementara kita mengalu-alukan pembentangan rang undang-undang ini masa yang sama kita juga mesti melihat keadaan yang sebenar atau, dengan izin, *the real situation* di bawah. Apa misalnya mereka ini berterusan menyewa di rumah-rumah yang berhampiran dengan tempat kerja mereka sendiri. Adalah diharapkan bahawa- walaupun memang ada jawapan yang kita sudah jangka iaitu program-program PR1MA dan sebagainya akan diberitahu tetapi kita tahu bahawa harganya di antara RM100,000 ke RM300,000 dan ini berdasarkan apa yang kita lihat sekarang bagi kumpulan sokongan di bawah, sukar untuk mereka mendapatkan ataupun memiliki rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanyakan sepanjang tempoh ini sehingga 31 Disember 2014 daripada sejumlah 1.6 juta orang pekerja- pegawai dan staf dalam sektor awam ini, berapa jumlah yang mendapat pinjaman daripada sistem yang ada dahulu, sepanjang tempoh itu? Berapakah yang sudah mendapat? Pertanyaan kedua saya, berapakah jumlah kalau kita panggil hutang yang di mana pegawai-pegawai ini berhutang atau pinjaman yang diberikan kepada mereka sehingga 31 Disember 2014? Ini kerana kita juga ingin melihat bahawa sepanjang tempoh tersebut kumpulan manakah yang benar-benar mendapat manfaat daripada pinjaman tersebut. Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah sepanjang mengenai apa yang kita tahu bahawa kadar faedah yang dikenakan untuk pinjaman bagi pegawai awam ini ialah 4 peratus.

**■1830**

Saya juga ingin tahu, apakah faedah yang akan dikenakan sepanjang mengenai pengenalan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini? Adakah ia kekal pada 4 peratus? Sama ada ia patuh atau tidak, itu telah pun dibincangkan tadi.

Akan tetapi isunya ialah adakah ia kekal, adakah ia naik atau kurang atau mengikut keadaan semasa kerana ini akan memberi kesan kepada pendapatan dan juga kebolehbayaran penjawat awam tersebut apabila mereka mendapatkan pinjaman dari Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada fasal 8 iaitu Keanggotaan Lembaga di bawah rang undang-undang ini. Memang benar di bawah 8(1)(e), ia menyatakan bahawa tidak lebih daripada tiga orang anggota daripada kalangan pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri. Kita tahu bahawa dalam lembaga-lembaga yang lain seperti mana misalnya dalam Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ataupun SOCSO, ia juga dianggotai oleh wakil-wakil pekerja. Ini kerana kita tahu bahawa mereka ini merupakan bilangan yang besar. Saya fikir Kumpulan Sokongan merupakan kumpulan terbesar dalam sektor awam.

Walaupun disebut di sini tidak lebih daripada tiga orang anggota daripada kalangan pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri, ia tidak menyebut seperti mana dalam akta-akta yang lain, yang secara khusus menyatakan bahawa wakil-wakil yang mewakili kumpulan pekerja misalnya. Sebab saya fikir ini penting sama ada ia datang daripada CUEPACS atau sebagainya, itu soal lain. Apa yang penting ialah mereka mewakili, mungkin dari Semenanjung, mungkin dari Sabah, mungkin dari Sarawak kerana setidak-tidaknya, hasrat dan juga hajat daripada kumpulan ini dapat disuarakan. Oleh yang demikian, kita juga ingin memastikan bahawa lembaga ini tidak nanti bersifat eksklusif. Ia hendaklah seperti mana yang sering dilaungkan iaitu memberikan keutamaan kepada rakyat di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan berhubung dengan Bahagian VIII iaitu Pemansuhan, Kecualian dan Peralihan sepanjang mengenai Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 yang dimansuhkan. Jadi ertinya mesti diperjelaskan sedikit lagi mengenai hal ini, mengenai tanggungan, liabiliti atau sebagainya supaya ia tidak nanti ada semacam keraguan seperti mana yang pernah kita bincangkan di sini dulu berhubung dengan Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad. Di mana kita bertanyakan apa yang dimaksudkan dengan *administrator* dan siapa yang akan bertanggungjawab sepanjang kalau misalnya ada kes yang dibawa ke mahkamah, ada hal yang dikemukakan kepada pengadilan misalnya, bagaimana hal itu.

Ertinya kalau dimansuhkan, pemansuhan itu tidak nanti memberikan kesan kepada mana-mana pihak. Ini kerana kita tahu bahawa walaupun peminjam mungkin dalam 15 tahun atau 20 tahun perkhidmatan, kemudian dia bersara daripada perkhidmatan, tetapi kalau tidak selesai, dia masih meneruskan lagi ansuran pinjaman tersebut. Jadi hal ini perlulah diberikan perhatian. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan Yang Berhormat.

**6.36 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan buat satu penyampaian panjang lebar, hanya beberapa perkara yang saya hendak sentuh. Saya memang tidak bantah Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam. Bagi saya ini satu rang undang-undang yang baik. Hanya beberapa perkara sahajalah yang harus diambil kira, yang saya hendak sampaikan di sini.

Pertama, adakah Lembaga yang akan ditubuhkan akan menggantikan agensi-agensi kerajaan yang lain yang sedang berdiri dan terlibat dalam pembinaan perumahan? Misalnya seperti PR1MA, UDA dan lain-lain. Kalau tidak, kita mesti pastikan bahawa tiada percanggahan antara Lembaga ini dan badan-badan yang lain. Di samping itu, kita harus sedar bahawa setiap kerajaan negeri juga mempunyai lembaga perumahan. Misalnya di Pulau Pinang ada PDC.

Oleh sebab itu, pentinglah bahawa lembaga ini yang akan berdiri tidak lama lagi dan beroperasi harus dapat mengadakan satu kerjasama dengan badan-badan perumahan yang didapati di dalam setiap negeri di dalam negara ini.

Kita harus sedar bahawa soal tanah, *land* adalah dalam bidang kuasa negeri. Kita telah difahamkan bahawa lembaga ini akan beli tanah untuk menjayakan projek-projek perumahan. Maka, jika lembaga ini hendak meneruskan rancangannya, eloklah bekerjasama dengan kerajaan negeri. Saya timbulkan perkara ini kerana ada beberapa masalah yang telah timbul. Dalam kes Pulau Pinang misalnya, tanah yang dibeli khususnya di kawasan Air Itam yang berharga RM1.3 bilion untuk perumahan yang telah dibeli, bagi saya, ini merupakan satu kesilapan yang paling serius kerana dengan harga yang begitu tinggi...

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Boleh?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana memberi peluang mencelah. Saya fikir, ini ada *confusion* sedikit. Lembaga ini yang sebenarnya ditubuhkan untuk mengambil alih Jabatan Perumahan di Kementerian Kewangan. Ia tidak ada kena-mengena dengan PR1MA. PR1MA ini buat rumah untuk semua orang awam. Berhubung dengan tanah yang dibeli di Pulau Pinang itu pun tidak ada kena-mengena dengan lembaga ini. Lembaga ini mengurus- saya fikirlah, mengurus pinjaman untuk sektor awam. Tidak kena-mengena dengan tanah yang dibeli di Pulau Pinang kerana itu adalah dibeli oleh sebuah agensi kerajaan lain dan ia bukannya untuk membuat rumah. Itu pandangan sayalah Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Akan tetapi kalau saya rujuk kepada kenyataan akhbar Dato' Chor Chee Heung yang boleh dibaca di dalam *Malaysian Insider*. Maka, lembaga mempunyai kuasa untuk membeli tanah dan membina rumah. Ini yang saya dapati. Saya menggunakan apa yang telah saya baca untuk membuat penyampaian saya di sini. Kalau salah, okeylah, boleh dibetulkan. Maka yang penting, dalam lembaga yang akan didirikan, saya fikir, elok juga mesti ada wakil daripada kerajaan negeri.

**■1840**

Ini pentinglah kerana kita tidak boleh mengabaikan perkara ini kerana Kerajaan Pusat pun perlukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri pun mesti mempunyai wakil. Bagi saya satu perkara sebelum saya mengakhiri penyampaian ini tentang tanggung kos beli, kos pembayaran rumah-rumah yang akan dibina dan dikendalikan oleh Lembaga ini.

Saya fikir apa salahnya kalau kita gunakan KWSP untuk tujuan ini. Hal ini kerana kalau kita rujuk kepada caruman yang dibuat kepada KWSP, ada caruman untuk kesihatan, untuk pendidikan, maka apa salahnya kalau ada satu ruang yang dikhaskan untuk membeli rumah. Di samping itu, KWSP juga mempunyai banyak wang. Apa salahnya kalau wang KWSP digunakan oleh lembaga untuk kepentingan rakyat dalam usaha untuk membina rumah-rumah yang mampu milik. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

**6.41 ptg.**

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya. Saya pun pendek sahajalah.

Sekarang sudah dekat pukul 7 petang. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menubuhkan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 ini untuk mengambil alih pentadbiran memberi pinjam kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk membeli rumah. Itu tugasnya.

Saya berharap Menteri kata tadi hanya empat buah negeri sahaja yang ada lembaga. Saya harap dengan tertubuhnya Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 di pihak Persekutuan, maka kerajaan-kerajaan lain pun akan mengikut sama lah. Sekarang kita hanya ada Johor kata Menteri tadi, Sarawak, Sabah dan Selangor sahaja yang mempunyai Lembaga ini.

Saya fikir ini tindakan yang betul untuk mengambil alih supaya lembaga ini menjadi satu *autonomous body* untuk menguruskan pinjaman perumahan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Saya ada beberapa perkara yang nak bangkitkan. Pertama sekali mestilah berhubung kait dengan kos. Saya dapati oleh sebab pinjaman untuk pegawai kerajaan ini terhad kepada gaji masing-masing, maka pinjaman pun terhadlah kepada gaji itu. Saya mintalah salah satu daripada tugas Lembaga ini ialah untuk mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk membina rumah kerajaan ini. Istimewa pula tanah-tanah kerajaan yang sedia ada. Kalau Yang Berhormat pergi *around* Damansara Height misalannya, kita masih-saya dah bawa benda ini banyak beberapa kali dah. Banyak rumah kerajaan, satu buah satu ekar, dua ekar dan sebagainya kepada saya adalah *out of date* dah. Membazir dah.

Kadangkala pegawai kerajaan yang duduk situ nak belanja untuk *clean* dia punya kompaun pun dah mengambil perbelanjaan yang banyak. Oleh sebab itu, saya fikir salah satu tugas utama lembaga ini ialah untuk mengenal pasti tanah-tanah kerajaan supaya tanah-tanah kerajaan ini dapat digunakan untuk membina rumah-rumah khusus untuk pegawai-pegawai kerajaan supaya tidaklah lagi pegawai-pegawai kerajaan ini terpaksa pergi rumah yang dibuat oleh PR1MA dan sebagainya.

Hal ini kerana saya fikir tanah-tanah kerajaan yang mempunyai rumah-rumah kerajaan yang besar-besar ini patutlah diperkecilkan dan untuk membina rumah-rumah yang sesuai mengikut masa sekarang. Keduanya ialah berhubung dengan orang-orang yang layak untuk membeli rumah ini daripada termasuklah Ahli-ahli Parlimen termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Saya fikir peruntukan yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan Negara untuk pinjam rumah ini hanya saya fikir RM300,000 dan nampaknya kita ini hanya berhak untuk beli rumah yang diperuntukkan oleh PR1MA sahajalah.

Tak bolehlah beli. Saya fikir RM300,000 ini telah dibuatkan dalam masa boleh jadi 20 tahun dululah yang harga rumah RM300,000, 20 tahun ataupun 15 tahun dulu barangkali dan RM3 juta dah. Jadi saya- ini bukan untuk kita sahajalah tetapi untuk orang-orang kita yang akan mengganti. Saya fikir RM300,000 yang diperuntukkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini dah *out of date*lah, dengan izin. Jadi itulah sahaja yang saya nak bangkitkan tetapi yang serius sekalinya ialah Lembaga ini janganlah sahaja tugasnya untuk bagi pinjaman sahaja tetapi kenalah memikirkan cara-cara yang terkini untuk memberi...

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Sedikit sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya pada Yang Berhormat Tan Sri Rahim berapakah setakat Yang Berhormat tahu, jumlah tanah berkait dengan kuarters-kuarters mungkin kelas 'A' lah agaknya? Ini mungkin didirikan pada zaman Inggeris dahulu yang berada di sekitar bandar raya ini?

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya tidak ada angka yang terkini lah tetapi dalam kawasan Damansara Heights sahaja tidak kurang daripada 100 ekar lah yang mempunyai rumah-rumah yang usang dah memang pun. Rumah-rumah ini pun memang dah usang. Saya fikir JKR pun banyak belanja untuk membaiki dan sebagainya tetapi ia masih ditinggalkan di situ. Saya tak tahu fasal apa kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengenal pasti dan membina rumah-rumah baru supaya banyak lagi.

Bayangkanlah kalau 100 ekar kalau kita buat *apartment* dan sebagainya- satu ekar boleh buat *apartment* berapa dan boleh jual dengan harga yang berpatutan dan munasabah. *Maintenance* pun murah dan sebagainya. Itu saya fikir tidak kurang daripada itulah. Saya berjalan tengok banyak kuarters kerajaan ini.

Ini bukan sahaja di Kuala Lumpur ini. Kalau saya pergi di kawasan saya Pasir Mas pun rumah DO itu dua ekar. Kita tak guna dua ekar dah sekarang. Saya ingat 10,000 kaki persegi pun kalau rumah DO itu pun dah okey dah.

Ada sesetengah itu di Kuala Krai ada atas bukit. Bukan main-main. Ini kita warisi daripada masa British dulu di mana pegawai-pegawai kerajaan sebagai DO dan sebagainya dibuat di atas-atas bukit dan sebagainya yang sudah jadi *out of date* dah. Terima kasih. Jadi sekian sahaja lah Yang Berhormat, terima kasih banyak atas peluang yang diberi kepada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terakhir Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Silakan Yang Berhormat.

**6.49 ptg.**

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Turut membahaskan rang undang-undang ini saya terlebih dahulu nak menegaskan bahawa segala input yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Asyraf Wajdi adalah sangat bernas dan kementerian perlu meneliti balik cara mana kita mengurus dalam soal kewangan mengikut patuh syariah.

**■1850**

Saya ingat kalaulah kita dapat memberi pinjaman misalnya RM200,000 dan penjawat awam yang meminjam itu membayar balik hanya RM200,000 juga itu akan menaikkan imej patuh syariah di samping sistem kita akan dihormati dan akan menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok rang undang-undang ini memang sewajarnya kita sokong sebab ia mendahului keadilan yang hendak ditegakkan oleh kerajaan. Oleh sebab saya perhatikan orang-orang yang layak mendapat pembiayaan perumahan sektor awam ini termasuklah Perkara 3, perenggan (h), pekerja mana-mana badan berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan. Kalau kita perhatikan tadi baru ada empat buah negeri sahaja yang ada lembaga seperti ini. Maknanya banyak negeri lain tidak ada kemudahan pinjaman perumahan bagi sektor awam.

Bila saya sebut Pihak Berkuasa Tempatan dia melibatkan negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional. Ada juga negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang. Akan tetapi di sini kerajaan menunjukkan dia berlaku adil kepada semua pekerja dan kakitangan sektor awam.

Saya hendak menekankan ini Tuan Yang di-Pertua saya minta supaya apabila lembaga ini ditubuhkan, Lembaga ini jangan bertumpu ke arah keuntungan. Dia mesti memberikan perkhidmatan. Saya rasa kalau dilakukan demikian boleh, *in shaa-Allah*, kita bagi pinjam seperti yang saya contohkan tadi RM200,000, kita hanya ambil balik RM200,000. Untuk tujuan pentadbiran, itu kita lalui secara *business orientated*. Lembaga ini akan dapat berfungsi dengan baik.

Lembaga ini juga saya minta awal-awal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir tadi jangan lupa Sabah dan Sarawak. Kadang-kadang kita ini di Semenanjung kita lupa Sabah dan Sarawak. Sektor awam Sabah dan Sarawak juga memerlukan pembiayaan perumahan. Saya takut saya sebut begitu awal-awal kerana Lembaga ini bertumpu di Kuala Lumpur. Takut nanti keutamaan hanya diberikan kepada yang dekat sahaja yang jauh kita terlepas pandang.

Begitu juga kita hanya lihat yang dekat dengan kita, yang Majlis Pihak Berkuasa Tempatan itu tadi kita terlepas pandang juga. Kita dapat melaksanakan akta ini saya kuat berpendapat sektor awam akhirnya balik menyokong kerajaan yang ada iaitu Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, sekarang saya serahkan kepada pihak kementerian untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**6.55 ptg.**

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang turut terlibat dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam. Rata-rata saya mendapat maklum balas daripada lima Yang Berhormat bahawa sebenarnya menyokong daripada segi rang undang-undang ini cuba ada cadangan-cadangan penambahbaikan.

Daripada segi lembaga ini dia hanya berurusan untuk memberi pembiayaan dan tidak terlibat dalam pembelian tanah. Kalau kita lihat terutamanya daripada segi skop atau kelulusan mengikut seksyen mereka yang mereka boleh melabur adalah terhad di mana pembelian tanah adalah tidak dibenarkan dalam skop mereka. Daripada segi isu-isu terutamanya daripada segi sama ada dana yang didapati atau diperoleh dan juga yang dikeluarkan adalah patuh syariah.

Sebenarnya lembaga akan berusaha untuk mendapatkan dana daripada sumber kewangan yang patuh syariah seperti sukuk yang mana sekarang sebahagian ada untuk membiayai pinjaman perumahan kepada penjawat awam. Begitu juga dalam pelaburan. Kita dapat melihat dalam seksyen yang tertera daripada segi pelaburan jelas menunjukkan bahawa terdapat opsyen untuk pelaburan dalam perbankan Islam dan juga daripada segi pembiayaan kepada penjawat awam pada masa sekarang memang ada dua jenis iaitu pembiayaan konvensional dan juga pembiayaan Islamik.

Daripada segi jumlah pinjaman yang aktif, peminjam yang aktif adalah sebanyak 794,000 orang dari tahun 1970 hingga tahun 2014 jumlah pinjaman yang telah diberi adalah sebanyak RM106 bilion. Pada masa sekarang NPLnya hanya kurang daripada 2 peratus. Ini menunjukkan bahawa tujuan pinjaman-pinjaman mungkin dihadkan adalah kerana untuk memastikan mereka yang meminjam dapat membayar balik pinjaman ataupun dana yang telah dibiayai oleh institusi ini. Kadar faedah sedia ada sebanyak 4 peratus. Ini akan terus dikekalkan di bawah tabung ini.

Lembaga sebenarnya boleh menimbangkan cadangan untuk sama ada melantik daripada segi kerajaan negeri atau daripada segi pekerja penjawat awam. Akan tetapi tertakluk kepada seksyen 82 di mana orang tersebut hendaklah mempunyai kedudukan dan pengalaman dalam perbankan atau perkara kewangan atau hal undang-undang. Ini kerana tugas lembaga ini khususnya untuk mendapat dana dan mengurus daripada segi pembiayaan yang diberi kepada penjawat-penjawat awam.

Dalam perbahasan juga telah terdapat beberapa cadangan terutamanya untuk menambahbaikkan sama ada daripada jumlah pinjaman dapat dinaikkan. Saya yakin kerajaan atau lembaga ini terus akan memainkan peranan secara *autonomy* ataupun *independent* untuk mengkaji apa yang sesuai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat hendak mencelah? Silakan.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak menjawab isu yang saya bangkitkan. Akan tetapi dalam penerangan yang diberikan sebenarnya dijelaskan bahawa akan menggunakan instrumen-instrumen kewangan seperti sukuk dan sebagainya dalam konteks untuk mendapatkan dana. Akan tetapi dalam rang undang-undang ini dia sudah spesifik kuasa untuk meminjam. Seolah-olah meminjam sahaja, kaedah meminjam sahaja kita dapat memobilisasikan dana yang mana tidak tepat dengan kaedah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Oleh sebab itulah, tidak tahulah sama ada hendak dipinda perkataan atau daripada segi *administrative* daripada segi pentadbiran kalau kerajaan mengambil, pihak kementerian mengambil perhatian yang serius berkenaan dengan aspek yang kita bincangkan tadi soal pematuhan syariah.

**■1900**

Tadi pun Yang Berhormat Timbalan Menteri masih sebut lagi soal 4 peratus kadar faedah. Jadi kita seolah-olah telah daripada awal walaupun tidak disebut di sini berkenaan dengan 4 peratus faedah. Akan tetapi cara perolahan itu kita telah menutup segala ruang untuk kita *explore,* dengan izin, potensi-potensi, *instrument* lain yang patuh syariah. Itu yang saya hendak bangkitkan. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Tadi saya pun mendapat tahu bahawa Yang Berhormat sendiri mengatakan bahawa daripada segi penjawat awam ada juga yang bukan Islam mungkin. Maka daripada segi perkataan-perkataan yang digunakan saya harap Yang Berhormat mendapat tahu bahawa ini cuma kaedah yang mereka mengatakan. Ini tidak bermakna mereka tidak mendapat pembiayaan daripada suku atau tidak memberi boleh dikatakan pembiayaan melalui sukuk. Akan tetapi apa-apa cadangan yang diambil tentu saya yakin lembaga akan melihat dan mengkaji. Sekian, terima kasih.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua ada dua hal, maaf. Ada dua hal yang saya tanyakan tadi di peringkat akhir iaitu daripada sejumlah 1.6 juta orang penjawat awam yang ada ini, jumlah mereka yang mendapat pinjaman setakat ini, setakat 31 Disember 2014. Itu satu. Kemudian yang kedua ialah soal pemansuhan Akta 71 itu. Saya tanyakan tadi mengenai liabiliti supaya ia tidak berbangkit kemudian.

**Datuk Chua Tee Yong:** Tadi saya telah memberi jumlah peminjam yang aktif iaitu sebanyak 794,000 yang merupakan peminjam aktif pada masa sekarang yang merupakan penjawat awam. Daripada segi fungsi sebenarnya daripada segi peruntukkan peletakan hak, kita dapat melihat terutamanya sama ada daripada liabiliti dan sebagainya sebenarnya untuk pembayaran tiada pertukaran. Mereka masih berurusan dengan dulu mungkin dikenali sebagai bahagian tetapi akhirnya dikenali sebagai lembaga.

Maka sebarang urusan tiada pertukaran yang sebenarnya, sama ada daripada segi proses pinjaman dan sebagainya. Memang tertakluk dalam akta ini ia menulis bahawa dengan lembaga ini mereka dah bertanggungjawab untuk memungut dan mendapat bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor dan juga dalam hak ini juga terletak terutamanya peruntukan peletakan hak di bawah seksyen 41 di mana melalui perintah yang disiarkan dalam warta menetapkan satu tarikh peletakan dan pada tarikh tersebut hak kepentingan obligasi dan liabiliti kerajaan yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah ini berhubungan dengan pentadbiran pinjaman di bawah akta ini yang dimansuhkan hendaklah menurut kuasa akta ini dan dipindahkan terletak hak kepada lembaga tanpa apa-apa pindahan, menyerahkan atau pemindahan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis bagi diputuskan. Masalah nya rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukan kepada jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 47** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**7.06 mlm.**

**Datuk Chua Tee Yong:** Timbalan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pelan induk pasaran model Malaysia kedua CMP dua yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 April 2011 telah menggariskan strategi dah inisiatif utama untuk memastikan perkembangan pesat sektor pasaran modal Malaysia, di samping mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan sara model yang lebih kukuh dan teguh. Bagi tujuan ini, pihak Suruhanjaya Sekuriti sentiasa menjalankan kajian dan semakan dengan mengambil kira trend terkini rangka kerja pengawalseliaan bagi tujuan mewujudkan sebuah rangka kerja yang lebih kukuh, teguh dan sejajar piawaian antarabangsa.

Justeru, pihak Suruhanjaya Sekuriti ingin mencadangkan agar pindaan dibuat kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 sedia ada. Cadangan pindaan ini juga mengambil kira maklum balas yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai penilai program penilaian sektor kewangan, dengan izin, *Financial Sector Assessment Program* (FSAP) dari tabung kewangan antarabangsa, *International Monetary Fund* dan Bank Dunia, *World Bank*.

Secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015 akan nombor satu mengemas kini dan menyeragamkan tadbir urus Suruhanjaya Sekuriti agar selaras dengan prinsip-prinsip dan objektif pengawalseliaan rang undang-undang sekuriti yang telah dikeluarkan oleh organisasi Suruhanjaya-suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO). Kedua, memperkukuhkan dan memperluaskan skop penyeliaan Lembaga Pemantauan Audit (AOB), dengan izin. Ketiga, jawatankuasa penguasaan dan pengawasan Suruhanjaya Sekuriti dan keempat, membuat pindaan kecil dan berbangkit kepada akta sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti telah menunjukkan tahap pematuhan yang tinggi dalam melaksanakan objektif dan prinsip-prinsip pengawalseliaan undang-undang sekuriti yang telah dikeluarkan oleh IOSCO berdasarkan penilaian yang telah dibuat oleh IMF dan *World Bank* di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan yang lalu. Berdasarkan penilaian yang dibuat Suruhanjaya Sekuriti telah diberikan penarafan terbaik iaitu penarafan mematuhi sepenuhnya atau *fully implemented* bagi hampir kesemua prinsip dan objektif yang telah digariskan.

Pihak pegawai penilai juga telah mencadangkan agar peruntukan-peruntukan tadbir urus suruhanjaya untuk disemak dan dikemas kini bagi memastikan pematuhan terhadap objektif dan prinsip-prinsip pengawalseliaan undang-undang sekuriti IOSCO tersebut. Setelah mengambil kira maklum balas di atas, pihak Suruhanjaya Sekuriti telah menjalankan penyemakan semula terhadap semua peruntukan berkaitan tadbir urus Suruhanjaya Sekuriti berbanding peruntukan-peruntukan berkaitan tadbir urus agensi-agensi lain di bawah Kementerian Kewangan. Antara lain cadangan pindaan ini ialah akan memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(a) memperuntukkan konsep Lembaga Suruhanjaya Sekuriti atau *Board of SC* untuk menggantikan konsep ahli suruhanjaya;

(b) memperuntukkan dengan jelas pengasingan fungsi anggota-anggota Lembaga dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti;

(c) memperkenalkan kriteria dan alasan yang jelas bagi pelantikan kehilangan kelayakan dan pembatalan pelantikan seseorang anggota Lembaga Suruhanjaya Sekuriti.

(iv) memperkenalkan tatacara tingkah laku bagi anggota Lembaga Suruhanjaya Sekuriti;

(v) menjelaskan tempoh pelantikan seseorang anggota Lembaga Suruhanjaya Sekuriti; dan

(vi) menjelaskan kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk menubuhkan atau menyertai mana-mana badan korporat selaras dengan fungsi Suruhanjaya Sekuriti.

**■1910**

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bahagian IIIA, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 mengandungi peruntukan-peruntukan bagi penubuhan dan fungsi-fungsi Lembaga Pemantauan Audit.

Bahagian IIIA- ini juga memperuntukkan bahawa Lembaga Pemantauan Audit hanya memantau juruaudit yang mengaudit entiti berkepentingan awam atau *public interest entity,* dengan izin. Senarai entiti berkepentingan awam ini adalah diperuntukkan di bawah Jadual 1 akta sedia ada.

Pada masa ini, entiti berkepentingan awam adalah termasuk syarikat awam tersenarai dan pemegang lesen pasaran modal tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, senarai entiti berkepentingan awam ini tidak merangkumi entiti-entiti pasaran modal yang lain yang jatuh di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya Sekuriti seperti Bursa Malaysia, *Federation of Investment Managers Malaysia* dan juga produk pasaran modal seperti skim unit amanah dan skim persaraan swasta. Sebagai entiti-entiti yang penting dalam pasaran modal, penyata kewangan entiti-entiti ini turut dirujuk dan digunakan oleh para pelabur pasaran modal.

Oleh itu, rang undang-undang ini bercadang untuk meluaskan senarai entiti berkepentingan awam dan memperkenalkan terma Kumpulan Wang Jadual di bawah Jadual 1 akta sedia ada untuk merangkumi institusi-institusi pasaran modal dan produk pasaran seperti yang telah disebut tadi.

Selain itu, mengambil kira fungsi yang dijalankan oleh *Reporting Accountant* dalam penyediaan satu laporan yang berkaitan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam, pihak Suruhanjaya Sekuriti juga mencadangkan agar bidang kuasa Lembaga Pemantauan Audit diperluaskan untuk merangkumi pengawalseliaan terhadap *Reporting Accountant*. Justeru, rang undang-undang untuk meminda Seksyen 31B, 31C, 31L, 31M dan 31Z akta sedia ada untuk membolehkan pihak Lembaga Pemantauan Audit untuk memantau kerja-kerja yang dilaksanakan *Reporting Accountant* dan mengenakan apa-apa tindakan ke atas *Reporting Accountant* tersebut jika perlu.

Bagi memastikan Lembaga Pemantauan Audit dapat menjalankan operasinya dengan lebih lancar, penjelasan beberapa fungsi dan kuasa pengawalseliaan yang boleh dijalankan oleh Lembaga Pemantauan Audit adalah perlu. Bagi tujuan ini, rang undang-undang juga akan meminda Bahagian IIIA akta sedia ada yang antara lain akan:

(i) menjelaskan skop pemeriksaan Lembaga Pemantauan Audit untuk merangkumi Penilaian Kecukupan dan Kesesuaian Bukti Audit atau *Sufficiency and Appropriateness of Audit Evidence,* dengan izin, yang digunakan oleh juruaudit;

(ii) memperuntukkan kuasa kepada Lembaga Pemantauan Audit untuk mengarahkan juruaudit mengambil langkah pemulihan untuk membetulkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Pemeriksaan Lembaga Pemantauan Audit;

(iii) memberi kuasa kepada Lembaga Pemantauan Audit untuk berkongsi penemuan auditnya dengan syarikat yang melantik juruaudit tersebut sekiranya perlu; dan

(iv) membuat pindaan-pindaan kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang akan meminda gubalan seksyen 126 akta sedia ada untuk menjelaskan kuasa pemeriksaan Suruhanjaya Sekuriti ke atas semua orang yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti tanpa merujuk kepada gelaran lazim mereka dan meluaskannya untuk merangkumi orang-orang yang menjalankan khidmat luar fungsi-fungsi, *outsource function,* dengan izin, atau sesuatu cawangan atau anak syarikat bagi orang yang dikawal selia tersebut.

Rang undang-undang juga akan meminda seksyen 135, akta sedia ada bagi meluaskan pemakaian seksyen ini kepada orang yang bersubahat untuk memusnahkan atau merosakkan apa-apa rekod dan dokumen yang diperlukan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang boleh dihukum dengan pemenjaraan mandatori dan denda selaras dengan seksyen 371, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Rang undang-undang juga akan meluaskan obligasi kerahsiaan sedia ada di bawah seksyen 148 kepada anggota Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal dan jawatankuasanya dan mana-mana orang yang menghadiri suatu Mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu.

Rang undang-undang juga akan mencadangkan untuk memperkenalkan seksyen 148A yang baru untuk mentadbir kebolehterimaan keterangan dalam prosiding penguatkuasaan sivil oleh Suruhanjaya Sekuriti. Seksyen ini akan memperuntukkan dengan jelas dokumen dan maklumat yang dilindungi daripada proses penzahiran termasuklah keterangan saksi selaras dengan keputusan mahkamah tahun 1979 dalam kes Husdi *vs* Pendakwa Raya. Perlindungan yang sama juga diperuntukkan di bawah Perintah 94, Undang-undang Mahkamah di Singapura untuk prosiding sivil oleh *Monetary Authority of Singapore.*

Rang Undang-undang juga akan memperkenalkan seksyen 148B yang baru bagi mengenakan satu obligasi kerahsiaan terhadap sesiapa yang menerima maklumat berkenaan hasil penyeliaan Suruhanjaya Sekuriti. Contohnya laporan analisa risiko syarikat broker saham.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Artikel 41, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, negara-negara anggota hendaklah menjalankan apa-apa langkah yang dipersetujui oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu, sebagaimana yang semua sedia maklum, Malaysia telah dipilih sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada masa ini, Suruhanjaya Sekuriti tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada mana-mana orang yang dilesenkan, didaftarkan, diiktiraf atau diberi kuasa di bawah mana-mana Undang-undang Sekuriti apabila Kerajaan Malaysia dikehendaki untuk menerima pakai langkah-langkah untuk menguatkuasakan keputusan menurut Artikel 41 tersebut.

Justeru, rang undang-undang akan memperkenalkan seksyen 160A yang baru bagi membolehkan Suruhanjaya Sekuriti untuk melaksanakan sesuatu keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk pembekuan akaun sekuriti, wang dan aset orang-orang atau entiti-entiti yang ditetapkan di bawah resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk menjadikan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 sebagai sumber rujukan perundangan tunggal yang menggariskan perkara-perkara berkaitan tadbir urus, fungsi dan kuasa Suruhanjaya Sekuriti di bawah Undang-undang Sekuriti. Justeru, rang undang-undang akan memperkenalkan Bahagian IIIA, dan IIIB, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang baru. Bahagian IIIB yang baru memperuntukkan peruntukan berkaitan Majlis Penasihat Syariah.

Di bawah Bahagian IIIA pula memperuntukkan peruntukan berkaitan pengurusan risiko sistemik dalam pasaran modal. Kedua-dua bahagian ini dipindahkan daripada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sedia ada ke dalam akta ini untuk memperuntukkan pengumpulan semua kuasa am Suruhanjaya di bawah Undang-undang Sekuriti ke dalam satu perundangan.

Rang undang-undang juga akan memperkenalkan seksyen 31ZJ yang baru untuk membolehkan Majlis Penasihat Syariah mengeluarkan sesuatu keputusan tentang apa-apa perkara berkaitan dengan transaksi atau perniagaan pasaran modal Islam melalui inisiatifnya sendiri tanpa perlu menunggu rujukan daripada mana-mana pihak.

Rang undang-undang juga akan membuat pindaan yang pelbagai dan berbangkit daripada perkara-perkara di atas kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 seperti berikut:

(i) membuat pindaan am bagi menggantikan nama Suruhanjaya Sekuriti kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bagi menggantikan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 bagi tujuan penjenamaan sebagai Suruhanjaya Sekuriti bagi Malaysia;

(ii) memotong seksyen 151 akta sedia ada memandangkan ia telah diperuntukkan di bawah seksyen 27 yang baru seperti yang diperkenalkan di bawah rang undang-undang ini; dan

(iii) menggantikan seksyen 151A akta sedia ada dengan seksyen baru 151A yang akan memperuntukkan rujukan tunggal bagi semua peruntukan yang berkaitan kebolehterimaan oleh mahkamah akan segala minit mesyuarat dan dokumen yang ditandatangani oleh Pengerusi.

Rang undang-undang ini juga akan memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan. Fasal-fasal lain dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Di hadapan saya sekarang nampaknya tiada pun seorang pun di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menghantar nama untuk menyatakan untuk membahaskan rang undang-undang ini. Oleh yang demikian, saya beri lagi peluang kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang hendak membahaskan rang undang-undang ini sila berdiri kalau ada. Nampaknya tidak ada yang hendak membahaskan rang undang-undang ini.

*[Tiada perbahasan]*

**■1920**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 64** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN KEGANASAN 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**7.22 mlm.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini dunia telah digemparkan dengan gerakan militan dan ekstremis. Lanjutan daripada pergolakan di Asia Barat, ancaman ini sedikit sebanyak telah memberi kesan ke Malaysia walaupun Malaysia bukan pangkalan kepada gerakan ini. Beberapa buah negara telah pun mengambil langkah menggubal undang-undang bagi menangani ancaman keganasan seperti Amerika Syarikat, *United Kingdom*, Australia dan Indonesia. Sebagai contoh, Amerika Syarikat telah mengambil langkah untuk memantapkan tahap keselamatan mereka apabila World Trade Center dan Pentagon diserang oleh pengganas yang mengakibatkan kemusnahan ekonomi dan kehilangan nyawa. Mereka telah menggubal rang undang-undang bagi menangani isu ini dengan mewujudkan *Patriot Act 2001*.

Sekarang dunia digemparkan lagi dengan aktiviti oleh satu kumpulan pengganas yang dikenali sebagai *Islamic State.* Bagi menghadapi masalah ini, masyarakat antarabangsa telah mengambil langkah bagi memantapkan lagi dengan mewujudkan undang-undang anti-keganasan untuk menangani ancaman ini. Antara negara-negara yang telah mengambil langkah segera setakat ini ialah Amerika Syarikat, Britain, Australia termasuklah Malaysia. Di kalangan negara ASEAN pula, Myanmar, Brunei, Filipina telah pun mempunyai undang-undang khusus untuk menangani ancaman keganasan.

Kita sedar terdapat segelintir rakyat Malaysia yang sanggup berjuang bersama-sama dengan kumpulan pengganas yang lain. Kejadian keganasan yang berlaku di Perancis dan negara-negara lain merupakan satu iktibar kepada negara kita. Bukan Malaysia sahaja malah Australia misalnya, meminta dunia bersama-sama memerangi gerakan militan IS ini secara habis-habisan. Umum mengetahui bahawa Malaysia telah lama menikmati keamanan dan kesejahteraan dalam ekonomi, sosial, dan politik. Sehubungan itu, kita tidak mahu nikmat-nikmat ini lenyap sekelip mata dan dunia menuduh kita sebagai penggerak militan.

Memang tidak dinafikan negara Malaysia yang kita cintai ini sudah mempunyai beberapa undang-undang yang telah pun diguna pakai untuk menangani aktiviti keganasan seperti Akta Kesalahan Keselamatan dan Langkah-Langkah Khas 2012 (SOSMA) dan juga Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).

Berdasarkan rekod daripada pihak polis, sehingga 12 April 2015 seramai 93 orang disyaki terlibat dengan elemen-elemen militan IS di Malaysia telah ditahan. Daripada jumlah tersebut, 20 orang telah diambil tindakan di bawah SOSMA, manakala 8 orang lagi telah diambil tindakan di bawah POCA, selebihnya 14 orang telah diusir keluar, 30 orang dibebaskan dan baki 17 orang masih dalam siasatan. Kumpulan ini bukan sahaja untuk melakukan keganasan di luar negeri tetapi sekarang mereka sedang merancang untuk melakukan serangan terhadap Malaysia sendiri pula.

Walaupun kita mempunyai undang-undang tersebut, namun harus kita ingat bahawa SOSMA satu undang-undang berbentuk tatacara iaitu *procedural law* bagi kesalahan yang diperuntukkan di bawah Jadual Pertama merujuk kepada Kanun Keseksaan Bab 6 dan Bab 6A, yang mana undang-undang ini merupakan undang-undang *substantive law*.

SOSMA melakukan beban bukti yang tinggi dan kukuh sebelum sesuatu tertuduh dikemukakan ke mahkamah. Namun dalam keadaan yang tertentu, bukti yang kukuh dan jelas sukar diperolehi kerana maklumat itu adalah berbentuk maklumat risikan. Begitu juga dengan undang-undang POCA. Walaupun POCA merupakan satu undang-undang berbentuk pencegahan namun ia menjurus kepada jenayah berat dan jenayah terancang sahaja.

Sehubungan dengan itu kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan undang-undang baru yang mencegah sesuatu yang buruk sebelum berlaku. Bak kata pepatah, "mencegah itu lebih baik daripada mengubati". Undang-undang ini adalah sebagai satu opsyen atau pun pilihan kepada undang-undang sedia ada yang boleh diguna oleh pihak berkuasa dalam memastikan tidak ada individu yang terlepas daripada sebarang tindakan perundangan sekiranya mereka melibatkan diri dalam perbuatan keganasan terutamanya dalam aktiviti militan.

Peruntukan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 berdasarkan syor di dalam kertas putih yang dibentangkan, suatu rang undang-undang baru akan diwujudkan untuk menangani secara khusus ancaman kumpulan IS ini. Pada masa yang sama, undang-undang lain seperti Akta Kesalahan Keselamatan dan Langkah-langkah Khas 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Kanun Keseksaan akan diperkukuhkan sepenuhnya.

Menurut Kertas Putih tersebut, rang undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan menangani pencegahan kelakuan atau sokongan perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing. Elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa Akta Sementara. Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu digunakan dalam akta. Antara terma penting yang ditakrifkan ialah perbuatan keganasan dan organisasi pengganas tersenarai. Perbuatan keganasan mempunyai erti yang sama dan diberikan kepada Kanun Keseksaan. Sub organisasi pengganas tersenarai ertinya sama dengan mana-mana entiti yang diisytiharkan di bawah Seksyen 66(b) dan 66(c) Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

**■1930**

Bahagian II...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, waktu kita sekarang tepat pukul 7.30 malam, maka saya cadangkan Yang Berhormat Menteri menyambung huraian pada hari Khamis iaitu esok.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum saya menangguhkan Dewan ini, nampaknya ada satu Notis peringatan di hadapan saya iaitu, pada jam 8 malam nanti ada jamuan makan malam sempena Perayaan Tahun Baru Tamil, Songkran dan Vaisakhi yang dianjurkan Majlis Senator Malaysia, bertempat di Bilik Jamuan, Bangunan Sementara Parlimen. Jadi semua Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput, termasuk Menteri-menteri sekali, pegawai-pegawai, bentara-bentara, pihak media, semua dijemput sekali. Terima kasih.

Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 10 pagi, hari Khamis, 23 April 2015.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam.]***